

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

Bil. 33

Khamis

31 Oktober 2013

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2014 (Halaman 38)

**USUL:**

Usul Anggaran Pembangunan 2014 (Halaman 38)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 31 Oktober 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kementerian mempunyai perancangan atau pelan induk untuk membangunkan semua kampung baru di negara ini. Berapakah peruntukan yang akan disalurkan kepada semua kampung baru pada tahun 2014 dan apakah mekanisme penyaluran peruntukan.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah menyediakan pelan induk kampung baru ataupun *new villages master plan*, dengan izin pada tahun 2005. Pelan ini digunakan oleh kementerian saya sebagai panduan dalam merancang pembangunan fizikal dan sosial di kampung baru di Semenanjung Malaysia. Pelan induk ini menggariskan 31 strategi untuk mentransformasikan kampung baru dan membawanya ke arus perdana pemodenan Malaysia selari dengan matlamat Wawasan 2020. Perancangan pelan ini diperkuuhkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh di mana kerajaan memberikan tumpuan untuk meningkatkan tahap pendapatan isi rumah 40% terendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek yang diberikan penekanan dalam mencapai aspirasi ini ialah perancangan fizikal, sosial, ekonomi, pertanian, pemilikan tanah, perumahan, infrastruktur dan landskap. Dalam merealisasikan pembangunan kampung baru ini di bawah pelan induk dan inisiatif 28, kerajaan menyediakan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur seperti jalan, longkang, gelanggang bola keranjang,

menaik taraf balai raya dan dewan serba guna. Selain itu, kerajaan melalui KPKT turut menyediakan peruntukan di bawah program sosioekonomi untuk membantu penduduk kampung meningkatkan taraf sosioekonomi dan memiliki hartanah melalui skim pinjaman khas penduduk kampung baru. Di bawah skim ini, tiga jenis pinjaman disediakan iaitu pinjaman memperbaharui premium tanah, pinjaman perniagaan mikro dan pinjaman menaik taraf rumah. Skim ini telah bermula pada tahun 2011 dengan peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan sehingga tahun 2013 sejumlah RM98 juta telah diagihkan kepada 3,039 pemohon yang berjaya dan dijangka RM15 juta lagi akan disalurkan untuk tahun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tahun 2008 hingga September 2013, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM365 juta dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang diperlukan oleh penduduk kampung baru. Bagi tahun 2014, kerajaan akan mengagihkan lagi peruntukan sebanyak RM54.81 juta melalui perbelanjaan pembangunan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur di kampung baru. Peruntukan yang disediakan oleh kerajaan ini akan diagihkan untuk melaksanakan permohonan projek-projek yang dikenal pasti melalui permohonan daripada pemimpin tempatan yang akan diproses oleh Pegawai Kemajuan Perkampungan ataupun PKP. Kemudian permohonan ini akan dipanjangkan ke KPKT untuk kelulusan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat menjawab dengan begitu jelas sekali. Begitu juga kenyataan Yang Berhormat Menteri pada hari ini melegakan semua penduduk di 607 buah kampung-kampung baru ini. Satu berita yang baik kerana peruntukan sebanyak RM55 juta akan disediakan untuk tahun depan dan secara eksplisitnya ia digunakan untuk tujuan pembangunan infrastruktur.

Soalan saya Yang Berhormat, memandangkan peruntukan ini kalau lazimnya kita serahkan kepada pemimpin-pemimpin tempatan secara GRK iaitu secara gotong-royong. Adakah kaedah ini akan diteruskan? Pada waktu yang sama Yang Berhormat mengatakan bahawa pelan pembangunan kampung baru yang telah dibuat pada tahun 2005, bagaimana 31 strategi itu dilaksanakan secara berkesan memandangkan bidang kuasa bukan sahaja kepada KPKT? Ia juga melibatkan kerajaan negeri dan agensi-agensi lain. Bagaimana Yang Berhormat memastikan pelaksanaan itu dapat dilakukan dengan sempurna? Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Memang sebenarnya proses itu adalah melalui permohonan daripada pemimpin tempatan dan melalui gotong-royong kementerian dan proses GRK ini akan kita teruskan. Ini memandangkan saya kira itu adalah proses yang terbaik pada masa ini dan cabaran kita mulanya apabila ada JKK dan PKP yang mungkin terjejas akibat keputusan yang dibuat oleh kerajaan untuk tidak meneruskan komitmen mereka di peringkat JKK. Akan tetapi kementerian berpendapat seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat, proses GRK melalui JKK dan PKP ini akan diteruskan. Ini komitmen saya di kementerian. *Insya-Allah* kita akan teruskan tanpa ada perubahan seperti mana yang diuar-uarkan oleh sesetengah pihak yang mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak memikirkan tentang kepentingan orang-orang Cina di kampung baru. Itu tidak betul dan tuduhan yang amat melulu.

Kita telah buktikan melalui peruntukan yang telah kita berikan. Tadi yang RM55 juta itu Yang Berhormat, tidak termasuk RM15 juta yang akan kita agihkan melalui skim pinjaman yang saya sebutkan tadi. Jadi sebenarnya RM55 juta campur RM15 juta, hampir RM70 juta akan disalurkan ke kampung-kampung baru.

Keduanya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi berkenaan permasalahan yang kita hadapi dan cabaran mengenai *new villages master plan* ini atau pelan induk kampung baru Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana dalam pelan ini banyak perkara yang *cost-cutting*, maknanya kementerian lain juga bertanggungjawab dan di bahagian KPKT kita telah menjalankan tanggungjawab melalui pembangunan infrastruktur dan sebagainya tetapi soal tanah contohnya adalah bidang kuasa kementerian lain ataupun kerajaan negeri dan juga bahagian pertanian.

#### ■1010

Jadi, apa yang saya ingin cadangkan di sini Yang Berhormat ialah saya akan membawa isu ini ke perhatian Kabinet. Sudah tentu saya pasti akan memikirkan bagaimana cara untuk menjadikan *master plan* ini sebuah realiti yang lebih efisien dengan mengambil kira pembabitan kementerian-kementerian lain yang berada di kampung baru yang mempunyai tanggungjawab ke atas kampung baru. Satu cadangan yang baik dan ini akan dibawa ke Kabinet. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Menteri. Saya dapati di beberapa tempat kampung baru yang semuanya di Pulau Pinang didiami oleh warga emas Tuan Yang di-Pertua dan saya tidak pasti di negeri-negeri lain. Akan tetapi di Pulau Pinang, beberapa tempat ini didiami oleh

kebanyakannya warga emas, orang yang berumur 60 tahun ke atas. Jadi, kampung baru ini seolah-olahnya mati dengan aktiviti yang tidak berapa rancak. Jadi, apakah usaha kerajaan untuk menjadikan kampung-kampung baru ini *lively* balik. Umpamanya, menarik minat kembali generasi muda ke kampung baru? Adakah rancangan pihak kerajaan untuk jadikan setengah dari kampung baru ini *new growth centre*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Itu saja. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Nibong Tebal. Dalam Rancangan Pelan Induk Kampung Baru sudah tentu kita memikirkan bagaimana untuk membina industri di kawasan-kawasan kampung baru ini, terutamanya industri *cottage* ya, dengan izin, iaitu yang ada kaitan dengan *small and medium industries* (SMI) di kawasan-kawasan yang berpatutan. Kemudian kita juga akan memikirkan bagaimana untuk memberikan sokongan terhadap aktiviti sukan dalam teras nombor 4 contohnya. Saya sebut di sini, dengan izin, *to support sporting, cultural and social activities through the provision of infrastructure and social amenities*, dengan izin.

Ini adalah sebahagian daripada cara kita untuk membangunkan kampung baru. Yang menjadi cabaran kita ialah seperti mana Yang Berhormat Ayer Itam katakan tadi ialah bagaimana kerajaan boleh memastikan tujuan dan objektif pelan induk ini dapat direalisasikan apabila kementerian-kementerian lain yang terlibat. *I think* itu cabaran yang paling awal dan saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Ayer Itam. Kita akan bawa dan kita akan lihat semula. Mungkin kita perlu tubuhkan satu jawatankuasa khas yang memantau perkembangan pembangunan kampung baru ini yang merentasi semua kementerian. Jadi, ini cara yang terbaik.

Untuk makluman Yang Berhormat Nibong Tebal, Pulau Pinang juga mendapat peruntukan yang meningkat setiap tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, contohnya kita bermula pada tahun 2000. Peruntukan yang diberi hanya RM214,604. Naik kepada RM1,085,000 untuk tahun 2011 dan pada tahun 2012 naik lagi RM1,426,599. Jadi, sebenarnya kerajaan masih lagi membantu semua negeri-negeri juga termasuk Pulau Pinang dalam memberi peruntukan untuk kampung baru. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

2. **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah keseluruhan projek *River of Life* dan bilakah projek ini akan tamat.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:**

*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, jumlah keseluruhan yang diperuntukkan bagi projek *River of Life*, Greater Kuala Lumpur dan Klang Valley dianggarkan sebanyak RM4 bilion. Projek ini dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya pada tahun 2020. Terima kasih.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih atas jawapan yang ringkas. Saya hendak minta soalan tambahan iaitu satu kampung tradisi, namanya Kampung Puah Seberang iaitu luasnya lebih kurang 22 ekar tanah rizab Melayu dan ada 60 buah keluarga yang duduk di sana lebih kurang 70 tahun. Soalan satu ialah perlukah tidak kerajaan ambil semua tanah seluas 22 ekar sebagai *river reserve*. Kedua, pampasan yang diberikan oleh kerajaan ialah hanya satu *low cost flat* untuk sewa, wang tunai RM1,000. Lepas tolak deposit DBKL, hanya RM602. Ini tidak wajar dan tidak cukup. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat pun ringkas, saya pun jawab ringkaslah. Takkan saya hendak jawab panjang lebar. Saya tidak perlu untuk mendapat liputan dalam televisyen. Walau macam mana pun saya ucap terima kasih di atas soalan tambahan Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mempunyai pelbagai masalah, khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur oleh kerana tanah-tanah yang diterokai secara haram.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang betul kolam takungan banjir Kampung Puah Satu sekarang ini sedang dilaksanakan dan pembaikan tebing sungai bagi tujuan tebatan banjir di bawah program *River of Life*. Pembinaan projek ini adalah di atas tanah kerajaan yang dimiliki oleh JAWI dan ini merupakan *reserve kubur*. Akan tetapi banyak orang telah menerokai dan membuat rumah di atas kawasan ini. Kalau kita hendak ambil balik, kalau tidak buat *River of Life* pun, kita terpaksa ambil balik untuk menyediakan kubur untuk orang-orang Islam.

Di dalam kawasan ini mempunyai 34 orang, 13 keluarga, 21 termasuk bengkel dan lain-lain. Untuk makluman Yang Berhormat, bila kita hendak bangunkan projek *River of Life* ini, kita bukan hanya kira kawasan. Akan tetapi kita juga terpaksa mengambil kira masalah air buangan yang dilakukan oleh rakyat di dalam sungai-sungai yang kita hendak

perbaiki tahap kebaikan air dalam sungai tersebut. Jadi, kita terpaksa mengambil semua kawasan ini untuk memastikan bahawa kawasan ini dibangunkan dengan secara betul supaya apa yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa air dalam sungai ini boleh dipegang ataupun tidak akan membawa kemudarat kepada rakyat, maka kita terpaksa melaksanakan, mengambil semua kawasan ini untuk memastikan bahawa tidak ada kawasan-kawasan ataupun orang-orang dalam tempat ini melakukan perkara-perkara yang tidak diingini yang akan mencemarkan air di dalam sungai tersebut. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya projek *River of Life* ini merupakan satu aset yang amat bernilai, yang belum dibangunkan sepenuhnya. Cumanya agak malang sedikit sungai-sungai di Kuala Lumpur ini tidak begitu besar dan lebar. Jadi, soalan tambahan saya, berapakah sebenarnya jangkaan nilai sumbangan projek *River of Life* ini kepada ekonomi negara, khususnya untuk Kuala Lumpur. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar. Sebenarnya apa yang telah kita lakukan ialah walaupun kita telah sebut kos projek ini sebanyak RM4 bilion. Kita menganggarkan kalau semua projek ini telah siap, kita berkeyakinan bahawa ia akan memberi pulangan yang lebih tinggi daripada jumlah yang kerajaan telah belanjakan. Ini kerana kita akan pastikan bahawa tanah-tanah, khususnya di tebing-tebing sungai yang telah kita naik taraf. Misalnya, dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu sebanyak 10.7 kilometer sahaja yang saya jaga. Ada 110 kilometer. Yang lain itu terletak di negeri Selangor. Hulu Selangor, Hilir Selangor. Saya di tengah-tengah. Ini masalah yang sedang dihadapi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana Selangor terpaksa membantu kami memastikan bahawa apa yang berlaku di Hulu Selangor, air-air yang turun ke Wilayah Persekutuan ini juga dijaga dan dipastikan bahawa tidak ada pencemaran.

Ini masalah yang sedang dihadapi oleh kita. Walau bagaimanapun, tanggungjawab Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar, saya berkeyakinan selepas tebing-tebing sungai ini dinaikkan taraf dan juga diperbaiki, nilai tanah akan meningkat dan tanah-tanah kerajaan yang berada di tebing-tebing sungai ini akan dijual secara tender kepada masyarakat dan kepada sesiapa yang berminat dan kita mendapat pulangan semula apa yang telah kita belanjakan. Sekian, terima kasih.

**■1020**

3. **Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memperkasakan sistem kewangan Islam sebagai ikonik baharu untuk ekonomi Malaysia serta nyatakan:

- (a) berapakah jumlah sumbangan industri kewangan Islam kepada pendapatan negara dari tahun 2003-2013; dan
- (b) apakah kekangan semasa terhadap perkembangan kewangan Islam di Malaysia

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:**

*Assalamualaikum*, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Silam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia menasarkan untuk menjadi hab global kewangan Islam dan hab pendidikan kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Oleh itu, kerajaan menjalankan usaha berterusan untuk memperkasa Industri Kewangan Islam supaya terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Antaranya pertama, Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia menggariskan pelbagai langkah strategik bagi menyediakan persekitaran yang lebih kondusif dan menambah baik kemampuan Malaysia dalam memudah cara aliran kewangan merentasi sempadan.

Kedua, Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah mengenal pasti industri kewangan Islam sebagai sektor penting yang akan menyumbang kepada tambahan pendapatan negara kasar sebanyak RM7.2 bilion dan hampir 12,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Pembangunan industri kewangan Islam dizahirkan melalui bidang ekonomi utama negara di bawah pendidikan dan di bawah perkhidmatan kewangan.

Ketiga, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam telah dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013 baru-baru ini sebagai langkah untuk memodenkan undang-undang bagi mengawal selia perlakuan dan penyediaan institusi kewangan Islam di Malaysia. Sumbangan industri kewangan Islam melalui nilai tambah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar telah meningkat pada kadar purata 32% setahun dan menyumbangkan sebanyak 2.1% kepada KDNK Malaysia pada tahun 2009 berbanding hanya 0.3% pada tahun 2000.

Melalui perbandingan pertumbuhan aset perbankan Islam dan Takaful pada KDNK pula, pertumbuhannya adalah semakin berkembang dari semasa ke semasa. Tahun 2005, nisbah jumlah aset perbankan Islam dan Takaful kepada KDNK adalah 21% dan

telah meningkat kepada 53% pada tahun 2012. Kerajaan telah mengambil inisiatif yang wajar untuk menangani kekangan terhadap pertumbuhan industri kewangan Islam.

Antaranya pertama, membangunkan modal insan berkepakaran kewangan Islam dan Syariah yang mempunyai kefahaman yang tinggi dalam aspek praktikal untuk kedua-dua bidang iaitu bidang kewangan Islam dan kewangan konvensional. Oleh itu, pengukuhan berterusan dibuat di Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) di Petaling Jaya yang menawarkan program Profesional Kewangan Islam yang bertaualiah.

Kedua, pengharmonian undang-undang lain yang memberi impak kepada pelaksanaan undang-undang berkaitan kewangan Islam yang lebih efektif perlu dilaksanakan. Sehingga kini, Jawatankuasa Khas telah mengenal pasti sembilan isu utama yang melibatkan 17 undang-undang untuk penambahbaikan.

Ketiga, penggunaan prinsip kontrak syariah yang tekal dalam urus niaga kewangan Islam. Bank Negara Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menetapkan piawaian syariah bagi kontrak perbankan Islam yang utama setelah berunding dengan Majlis Penasihat Syariah. Contohnya *mudarabah, murabahah, musyarakat, ijarah, wadi'ah* dan *istisna'*. Piawaian ini bertujuan untuk mentakrifkan ciri penting prinsip asas Syariah yang diterima pakai oleh institusi kewangan Islam di samping meningkatkan kepastian dan keyakinan orang ramai terhadap urus niaga kewangan Islam. Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat kagum Tuan Yang di-Pertua, dengan usaha kerajaan yang begitu berani menerokai pelbagai bidang untuk dilaksanakan di negara ini termasuklah Bank Islam, Takaful dan lain-lain. Berbeza dengan pihak lain yang tidak ada kerja, tidak habis-habis hendak laksanakan hukum hudud di negara ini.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah pengantarabangsaan kewangan Islam dan pembangunan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa adalah matlamat yang digariskan dalam Pelan Induk kedua tahun 2011 dan 2020. Sejauh manakah pencapaian usaha kerajaan untuk mengantarabangsakan sektor kewangan Islam mengikut model Malaysia di peringkat antarabangsa dan apakah kaitannya usaha ini dengan *World Islamic Economic Forum* yang sedang berjalan di London sekarang ini? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, antara kejayaan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa sebagai contoh, kita dalam perbankan Islam memiliki aset ketiga terbesar di dunia bernilai 12% daripada *market share*, dengan

izin ataupun nisbah pasaran. Itu tentang perbankan Islam. Sementara untuk Takaful pula, kita mendapat tempat yang kedua dalam dunia dan nilai nisbah pasarannya berjumlah 28%. Sementara sukuk ataupun *Islamic bond*, kita nombor satu dalam dunia, memiliki dua per tiga daripada pasaran dunia ataupun 68% dan nilai pasarannya RM506.8 bilion atau USD168.9 bilion, angka pada Jun 2013. Itu tiga kejayaan yang tidak ada siapa boleh mempertikai.

*World Islamic Economic Forum* yang sedang berlangsung bermula pada hari Selasa, Rabu dan berakhir pada hari ini di London iaitu Forum Ekonomi Islam Sedunia. Antara kejayaannya terdapat 2,300 peserta daripada 120 buah negara di dunia dan kali pertama dalam sejarah, kita melaksanakan WIEF ini di kota yang bukan Islam. Sebelum ini pada tahun 2005 di Kuala Lumpur, tahun 2006 di Islamabad, tahun 2007 di Kuala Lumpur, tahun 2008 di Kuwait, tahun 2009 di Jakarta, tahun 2010 di Kuala Lumpur, tahun 2011 di Kazakhstan, tahun 2012 di Johor dan tahun ini di London. Antara kejayaannya, Kerajaan British akan mengeluarkan sukuk (*Islamic bond*) bernilai 200 juta *pound* atau 1.01 bilion.

Antara pemimpin-pemimpin utama negara yang datang ialah Turki, Brunei, Jordan, Indonesia, Afghanistan, Bangladesh, Morocco, Pakistan, termasuk David Cameron, Perdana Menteri Britain dan WIEF ini adalah inisiatif Malaysia dan penaungnya tidak lain tidak bukan kepada Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa Malaysia mempunyai produk simpanan paling mudah hinggalah kepada sukuk daripada segi produk-produk di dalam sistem ekonomi Islam. Cuma saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan, apakah komponen wakaf ini diletakkan pada kedudukan yang penting sebab saya lihat wakaf ini kebanyakannya dilepaskan ke negeri-negeri dan tidak ada satu penyelaras yang strategik di mana kita merasakan bahawa wakaf ini juga merupakan satu perkara yang boleh dikomersialkan? Kalau dikomersialkan dengan rangka undang-undang yang lebih efektif, lebih membantu kepada sistem ekonomi dan kewangan Islam. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya tanya semalam ketika sembahyang Zohor, Zohor ke Asar semalam, "*Isteri masih di Sabah*" dia kata. Kasihan.

Ada enam sebenarnya produk kewangan Islam ini. Pertama, Perbankan Islam. Kita ada 16 bank yang penuh, 10 *Islamic counter* dan enam Bank Pembangunan. Kedua, insurans Islam. Takaful ada 12 syarikat dan empat dari Tafakul. Ketiga, pasaran modal Islam ini terbahagi kepada dua iaitu yang pertama sukuk *Islamic bond*. Saya sudah cerita tadi. Kedua ialah ekuiti patuh syariah di Bursa Malaysia ada 800 syarikat. Keempat, koperasi Islam yang terbesar ialah Bank Rakyat. Kemudian, Koperasi Permodalan Felda. Kelima, Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu dan yang keenam, sebagaimana Yang Berhormat Bukit Katil sebut iaitu wakaf. Kementerian Kewangan melalui Menterinya telah mengumumkan beberapa perkara tentang wakaf pada Bajet 2013 yang lalu dan kita akan terus menyusuli apakah yang berlaku daripada segi sistem wakaf ini. Akan tetapi percayalah bahawa kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkannya. Terima kasih.

■1030

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh beritahu Dewan yang mulia ini perbandingan di antara *Islamic banking* dengan *conventional banking*. Ini kerana memang saya berpendapat bahawa ramai rakyat pilih *Islamic banking* pada masa kini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berikan satu perbandingan kebaikan dari *Islamic banking* jika dibandingkan *conventional banking* ini?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Di antara perkaranya perbankan konvensional dan perbankan Islam. Contoh perbankan konvensional ini berasaskan pemikiran manusia. Perbankan Islam berasaskan prinsip syariah. Konvensional kebanyakannya berasaskan *interest*, riba manakala perbankan Islam tiada riba, tiada *interest* yang kita faham. Perbankan konvensional menghapuskan risiko bagi bank, *elimination of risk*, tetapi perbankan Islam bank menanggung risiko dengan terlibat dalam transaksi. Perbankan konvensional keuntungannya tiada batasan dan perbankan Islam tertakluk kepada batasan-batasan syariah.

Kemudian dari segi penalti, perbankan konvensional boleh mengenakan wang tambahan penalti dan *compounded interest*, *interest on interest* kepada pelanggan yang mungkir. Akan tetapi perbankan Islam mengenakan dalam bentuk *ta'awid* atau ganti rugi yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah yang lebih terjamin dan tidak ada *compounded interest*. Perbankan konvensional hubungan dengan bank dan pelanggan, pemberi pinjam dan peminjam, tetapi dalam perbankan Islam dengan orang yang meminjam itu sebagai rakan kongsi, musyarakah sebagai pelabur dan pengusaha kalau sistem *mudarabah* sebagai penjual pembeli dan pemberi sewa dan penyewa disebut

sebagai ijarah. Kalau saya hendak berikan taklimat tentang ini, ia mengambil masa. Saya rasa cukuplah sekadar itu. Terima kasih .

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan mengenai hal ini? Penjelasan. Ramai yang bukan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam sesi soal jawab Yang Berhormat tidak ada minta penjelasan. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Daripada jawapanlah. Kita tidak faham bezanya bagi *more than form and substance*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa. *Okay, I let you.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *Okay thank you.* Tuan Yang di-Pertua kerana memang ramai di Malaysia ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa dia minta penjelasan bukan soalan, penjelasan Yang Berhormat. Ini bukan soalan tambahan yang keempat, penjelasan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ya penjelasan. Saya hendak tanya sama ada dari segi perbankan Islam ini riba tidak boleh dikenakan ini adalah satu peraturan mutlak ataupun prinsipnya supaya tidak menindas. Maksudnya kita mengenakan riba yang terlalu tinggi hinggakan menindas. Jadi adakah ia satu prinsip tidak menindas orang yang meminjam ataupun ia satu *absolute prohibition* riba ini?

Nombor dua tadi perkembangan perbankan Islam yang saya nampak di Malaysia ini pada mulanya memang sangat ketat, tetapi akhirnya produk-produk yang sedang di pasaran memang telah diubahsuai. Sebenarnya jumlah jual beli antara bank dan peminjam ini memang berdasarkan *market rate of interest*, dikira belakang.

Jadi bagi ramai kita ini *more form than substance*. Oleh sebab itu saya hendak dapat tahu, sebenarnya hakikat perbezaannya dan dari segi peminjam ini keadaan sebenar *for to many it is more form than substance. Thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey sebelum Yang Berhormat respons. Yang Berhormat duduk dahulu Yang Berhormat Menteri, duduk Yang Berhormat. Saya ingatkan kembali ini bukan satu *precedent* di mana saya benarkan soalan yang keempat, penjelasan. Budi bicara saya, saya benarkan atas sebab bahawa isu ini adalah isu penting yang mendapat liputan akhbar apa yang berlaku di London, seperti penjelasan tadi.

Saya sebagai seorang Islam pun kurang arif dengan apa yang disebut oleh Menteri yang berkenaan. Itu sebab saya benarkan dua wakil rakyat daripada pembangkang yang bukan beragama Islam untuk kepentingan bersama. Saya ulang balik *this is not a precedent that I'm creating*. Jangan ada nanti wakil rakyat esok lusa dia akan

berdiri dan berkata ini bukan soalan tambahan keempat, ini penjelasan. *No more, this is sehingga di sini sahaja. Sila Menteri. [Tepuk]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Sebagai contoh dalam senario tahun 1983 hingga 1987 apabila ekonomi merudum. Tahun 1992, 1993, 1997 dan 1998. Apa yang berlaku kepada pelanggan-pelanggan bank konvensional? Mereka merana kerana pembayaran *interest* boleh menjadi tanpa siling jika BLR terus meningkat. Namun kalau menggunakan institusi perbankan Islam hanya perlu membayar sehingga harga jualan yang telah diakadkan sahaja. Kita panggil sebagai harga jualan.

Satu lagi tambahan yang saya ingin maklumkan di sini bahawa antara kelebihan perbankan Islam. Pertama diskaun 20% ke atas cukai setem bagi dokumen perjanjian. Kedua, tiada elemen *compounding charges* yang telah saya sebutkan tadi dan ketiga mekanisme kadar boleh ubah membataskan pendedahan kepada turun naik kadar kepada harga jualan dikontrakkan berbanding dengan bank konvensional.

Oleh kerana itu ia ada ketetapan dan tidak seperti apa yang berlaku. Sukacita saya gembira kerana Ahli-ahli Yang Berhormat berminat tentang subjek ini. Kita boleh mengaturkan taklimat mengenai sistem kewangan Islam dalam sesi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah agenda Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) mampu mengurangkan jurang ekonomi dalam masyarakat khususnya ketidaksamaan ekonomi antara kaum termasuk di Sabah dan Sarawak.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Selamat datang juga kepada adik-adik yang berada di galeri di atas. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak. Izinkan saya menjawab soalan tersebut dalam tiga bahagian. Pertama sekali dari segi jurang perbezaan antara kaum di Malaysia ini.

Saya berikan empat *indicator* utama. Pertama sekali dalam kadar kemiskinan. Kadar kemiskinan di kalangan kaum bumiputera sekarang ini berada pada tahap 2.2% berbanding dengan bukan bumiputera pada tahap 0.6%. Ini satu perbezaan yang tinggi.

Keduanya, pendapatan purata isi rumah sebulan, bumiputera RM4,457 sebulan dan bukan bumiputera RM6,074 sebulan. Maknanya 36% lebih tinggi.

Ketiga dari segi pemilikan ekuiti dalam sektor korporat. Bumiputera setakat tahun 2011 ialah 23.5% dan bukan bumiputera sebanyak 34.8%.

Keempatnya dari segi pemilikan harta tanah kediaman. Mengikut jumlah transaksi yang diwujudkan, melibatkan kaum bumiputera ialah sebanyak RM17.7 bilion berbanding bukan bumiputera RM42.96 bilion. Maknanya 2.4 kali ganda.

Pemilikan harta tanah perindustrian bumiputera RM103 juta berbanding dengan RM2.26 bilion untuk bukan bumiputera. Maknanya 22 kali ganda.

Hartanah perdagangan atau *commercial* dengan izin, bumiputera RM1.5 bilion dan bukan bumiputera RM11 bilion. Maknanya tujuh kali ganda. Ini memang kita boleh lihat banyak perbezaan atau jurangnya.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, tentang langkah-langkah program yang dilaksanakan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkannya pada 14 September, Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera. Ada lima teras utama yang telah disebutkan. Mungkin saya sentuh tiga daripadanya. Pertamanya ialah untuk mendayakan modal insan bumiputera dengan memperkuatkannya kapasiti dan juga *capability* masyarakat bumiputera. Ini melalui pelbagai program-program yang diadakan termasuklah institut-institut latihan IKBN dan juga peranan yang dimainkan oleh Talent Corporation.

Keduanya, untuk memantapkan pemilikan ekuiti dalam sektor korporat. Menggalakkan penyertaan bumiputera dalam pemegangan dan penguasaan saham dengan lebih berkesan. Ada beberapa pendekatan termasuklah usaha untuk mewujudkan ASB 2 berjumlah sekitar RM10 bilion dan juga ada program di bawah Ekuinas dan juga TERAJU yang akan dilaksanakan.

Ketiga ialah untuk memperkuatkannya aset bukan kewangan yang bertujuan untuk meningkatkan pegangan dan penguasaan berkesan bumiputera dalam harta tanah. Ini termasuklah untuk premis-premis perniagaan. Untuk ini kita akan memperkuatkannya peranan yang dimainkan oleh pelaburan harta tanah bumiputera dan juga agensi-agensi lain termasuklah MARA dan juga UDA, yang bakal tidak lama lagi kita akan lihat mereka akan mempertingkatkan rancangan-rancangan mereka tidak lama lagi.

#### ■ 1040

Jadi ini merupakan antara program-program di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang telah diumumkan dan akan dilaksanakan.

Ketiganya, menjawab secara langsung soalan daripada Yang Berhormat Gombak ialah apakah langkah ataupun program ini akan berjaya? Untuk memastikan program ini berjaya, kita perlu memastikan ia dilaksanakan dengan baik. Itu yang pertama.

Keduanya ialah untuk membolehkan ia berjaya dengan lebih cepat dan tepat. Ia memerlukan kerjasama daripada semua rakyat. Bukan sahaja kerajaan, di sektor swasta dan GLC, malah memerlukan bantuan daripada rakan-rakan kita di sektor swasta. Jadi, saya pernah sebut di Dewan yang mulia ini di mana kalau kita ikutkan pegangan ekuiti berkembang daripada 2.4% pada tahun 1970 kepada 23.5% pada tahun 2011.

Satu peningkatan yang tinggi tetapi masih kurang daripada 30% dengan izin, sasarannya adalah kerana beban untuk melaksanakan dasar ini telah diletakkan semata-mata kepada pihak kerajaan. Jadi saya hendak menyeru kepada rakan-rakan kita di sektor swasta di sana agar bersama-sama melaksanakan dan *embrace* dengan izin, Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera ini untuk sama-sama kita memastikan jurang perbezaan antara kaum ini dapat dikurangkan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan dan juga meminta penjelasan. Dua sekali, Tuan Yang di-Pertua. Tema perbincangan di kalangan pakar ekonomi hari ini sama ada di peringkat tempatan mahupun di peringkat antarabangsa ialah persoalan tentang *income inequality* dan kita terima hakikat bahawa di Malaysia pada hari ini lebih daripada 40% rakyat Malaysia mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500 dan 80% daripada mereka adalah golongan Melayu Bumiputera. Maka persoalan saya, apakah langkah ataupun usaha yang akan diambil oleh kerajaan untuk menjamin *equitable income distribution* sebelum pelaksanaan GST?

Keduanya, salah satu isu yang agak besar sedang menjadi perdebatan hari ini ialah soal *disposable income* dan kita mendapati golongan muda yang *workers* ataupun yang saya sebut semalam yang baru mendirikan rumah tangga dan juga keluarga yang mempunyai tanggungan yang besar, mereka ini sudah tergolong dalam satu kelompok yang dibebankan dengan hutang. Hutang perumahan, hutang kenderaan, pinjaman pendidikan. Mengikut Laporan FOMCA baru-baru ini, kelompok ini menggunakan satu per tiga daripada pendapatan mereka untuk membayar hutang-hutang berkenaan dan sudah tentulah dengan pelaksanaan GST, ianya akan terus membebangkan golongan ini.

Maka persoalan saya, apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan *disposable income* di kalangan masyarakat. Akhirnya, saya ingin mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua, berhubung pengumuman Perdana Menteri tentang lima teras Pemerkasaan

Ekonomi Bumiputera. Apakah pengumuman ini membuktikan bahawa DEB dan juga Model Ekonomi Baru (MEB) telah gagal mencapai matlamatnya dan kerajaan juga Perdana Menteri terpaksa mengumumkan langkah-langkah baru untuk memperdaya ekonomi golongan Bumiputera. Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali tentang *income inequality* yang disebutkan. Sebenarnya kalau ikut *survey* ataupun kajian pendapatan isi rumah yang kita laksanakan untuk tahun 2012 ini, sebanyak 40% daripada jumlah isi rumah berpendapatan lebih kurang RM3,050 sebulan ke bawah dan bukannya RM2,500 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gombak tadi. Kita memang ingin memastikan bahawa golongan di bawah 40% ini diberikan banyak tumpuan dan bantuan untuk memastikan pertama sekali, pendapatan mereka boleh dipertingkatkan.

Kedua, dari segi *income support* dengan izin, untuk menghadapi peningkatan harga barang dan sebagainya. Kita adakan pelbagai program seperti BR1M dan banyak program lain. Jadi untuk meningkatkan pendapatan mereka ini, kita banyak program latihan ataupun *rescaling program* dengan izin, yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi untuk membolehkan mereka mempertingkatkan kemahiran mereka. Dengan itu, pendapatan mereka akan meningkat.

Soalan kedua tentang *disposable income*, dengan izin dan apakah langkah-langkah untuk mengurangkan beban mereka yang banyak berhutang ini? Kita memang akui bahawa dari segi jumlah hutang yang terdapat di negara ini pada kadar 80% dan adalah satu kadar yang agak tinggi. Kita memang sering memantau. Kalau kita lihat dari segi apakah jenis pinjaman tersebut, kebanyakannya merupakan pinjaman perumahan dan pinjaman kereta. Kita sebenarnya menyambut baik sekiranya hutang mereka ini berkenaan dengan pinjaman perumahan dan banyak program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan jumlah rumah mampu milik.

Jadi bagi saya, jika mereka ini mempunyai pinjaman perumahan, adalah satu yang baik kerana kadar pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia adalah tinggi. Jadi ini adalah sesuatu yang kita hendak galakkan. Apa yang kita mungkin cuba hendak kurangkan ialah di mana hutang untuk hutang peribadi, *consumer goods* dengan izin ataupun untuk kenderaan di mana sekiranya kita mempertingkatkan lagi *transport* ataupun pengangkutan awam kita, *insya-Allah* tidak perlulah begitu ramai mereka mempunyai kereta yang lebih banyak. Ada isi rumah yang mempunyai dua atau tiga buah kereta dan sebagainya. Jadi pada masa hadapan apabila MRT sebagai contohnya akan

siap, kita bakal mengurangkan pemilikan kereta. Dengan itu beban hutang akan dikurangkan.

Ketiga ialah tentang komen Dasar Ekonomi Baru (DEB). Adakah ia telah gagal? Ini telah saya jelaskan jawab Tuan Yang di-Pertua sebelum ini dan juga baru saya sebut tadi. Sebenarnya, kejayaan ini akan boleh didapati sekiranya beban melaksanakan dasar negara ini. Ini bukan dasar kerajaan semata-mata tetapi sesuatu yang kita harap semua menerimanya adalah supaya sektor swasta bersama-sama memberikan peluang perniagaan yang saksama ataupun *equitable* kepada peniaga-peniaga Bumiputera memberikan peluang pekerjaan di peringkat pengurusan tertinggi yang lebih adil dan sebagainya.

Sebelum ini ada terdapat laporan bahawa seorang yang menggelar diri beliau pakar ekonomi daripada sebuah institut di negeri sebelah utara yang mengatakan kononnya bumiputera itu tiada kualiti. Ini merupakan satu kenyataan yang saya rasa tidak bertanggungjawab. Kalau ramai mereka yang begini, memang susahlah kita hendak mencapai Program Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera. Jadi saya hendak seru rakan-rakan kita di sektor swasta itu menerima dan menjayakan program ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasihlah, Yang Berhormat Menteri. Jawapan cantik, *beautiful*. Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Gombak pun tidak berapa jelas jawapan sebab ada soalan berkenaan dengan Bumiputera daripada Sarawak. Tidak dengar pun jawapannya. Itu satu.

#### ■1050

Keduanya, saya lihat program atas pemeriksaan ekonomi bumiputera ini banyak, memperkasakan bumiputera. Program-program seperti mana sama macam DEB dulu. PPEB itu ditubuhkan. Akan tetapi apa masalahnya? Kononnya bumiputera ini tidak ada kualiti, tidak tahu lah dari mana kenyataan itu. Kalau tidak ada kualiti, itu juga salah satu sebab pemantauan, Menteri yang bertanggungjawab ini, kerajaan yang bertanggungjawab, jangan tuding jari kepada pihak swasta. Menteri yang bertanggungjawab. Saya mahu tanya, apakah *target* atau sasaran Yang Berhormat Menteri pada tahun hadapan ini untuk meningkat ekuiti korporat kita, dalam ekuiti korporat?

Keduanya, saya melihat program-program yang diletakkan dalam polisi ini, dasar ini, cukup cantik seperti dulu, cantik. Akan tetapi bagaimana pelaksanaannya? Misalnya pelantikan kontraktor, memang dilantik bumiputera tetapi pelaksananya siapa Menteri?

Siapa? Siapa di tempat pembinaan? Siapa orangnya? Siapa mandurnya? Cuba tanya dengan Menteri? Adakah ini diteruskan, kerja pemantauan, saya tahu lah kalau Yang Berhormat Gombak Menteri Besar nanti mungkin dia akan buat ini. Akan tetapi dia tidak layak. Minta maaf, tidak layaklah. Sila Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, tentang jurang di antara Semenanjung dan Sabah, Sarawak, memang kita akui bahawa kalau kita lihat sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kadar kemiskinan negara adalah pada kadar 1.7% tetapi kalau di negeri Sabah sebagai contoh adalah lebih tinggi, pada kadar 8.1%. Akan tetapi 8.1% itu dalam konteks pengurangan daripada 19% tiga tahun sebelumnya merupakan satu kongres perkembangan yang baik. Kita memang sedar banyak lagi yang perlu dibuat untuk mengurangkan kadar kemiskinan ini. Itu *insya-Allah* kita akan berusaha sedaya upaya.

Apa yang saya sebutkan tadi menjurus kepada sektor swasta bukan sahaja meletakkan beban kepada kerajaan, tidak bermakna kita hendak kurangkan beban kerajaan, tidak. Kerajaan akan terus melaksanakan program-program yang telah pun dikenal pasti. Kadang-kadang kita bukan sahaja hendak bercakap mengenai perancangan tetapi yang pentingnya ialah pelaksanaan.

Saya sebutkan sektor swasta adalah kerana kalau kita ikut realiti ekonomi negara ini, *Gross Domestic Product* (GDP) ialah sekitar RM1 trilion. Di antara sektor awam dan sektor swasta ialah sebanyak 42% di sektor awam dan selebihnya, majoritinya di sektor swasta. Jadi, kalau semua kontrak-kontrak sahaja ditumpukan kepada sektor awam Tuan Yang di-Pertua, memang sukar ataupun lambat hendak mencapai sasaran tersebut. Oleh sebab itu, saya katakan tadi saya minta sektor swasta yang mempelopori aktiviti ekonomi di negara ini memainkan peranan mereka juga. Jadi, bukan *to the exclusion* dengan izin, sektor awam ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam soalan ini disebut sahabat sama Sarawak. Tidak mengapa, saya beri sama dua sahabat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Saya mahu tahu..

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlahan-lahan sedikit Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat perlahan-lahan sedikit, jangan seperti Yang Berhormat Putatan. Jangan agresif, Menteri ini menjawab dengan...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Kita mempunyai dasar dahulu Dasar Ekonomi Baru (DEB) bumiputera. Pertama, saya mahu tanya sampai mana dasar ini? Berapa banyak pencapaian? Sama ada 50% kah, 10% atau 20%? Sekarang kita ada dasar baru PPEB pula. Jadi, kita ini dasar atas dasar. Kita boleh nampak kenyataan. Jadi, saya mahu tahu, Menteri mungkin boleh beritahu kita, *target* kita untuk PPEB ini sampai bila? Kita mahu tahu sampai bila dan kita mahu tahu, boleh kah berjaya dengan dasar yang baru ini? Ini kerana DEB sudah gagal. Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Dari segi pencapaiannya, seperti yang saya katakan tadi setakat tahun 2011 pemilikan ekuiti di kalangan kaum bumiputera adalah sebanyak 23.5%. Dengan adanya program pemerkasaan yang telah diumumkan kita berharap agar *target* 30% ini akan dicapai dalam masa sebelum tahun 2020. Jadi, ini yang kita sasarkan. Itu yang saya kata kalau yang lain semua memainkan peranannya, *insya-Allah* kita akan dapat mencapai sasaran ini dengan lebih awal lagi, terima kasih.

**5. Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa kos dan komponen kerja menaik taraf Lapangan Terbang Sandakan dan tarikh kerja dijangka siap.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Tuan Yang di-Pertua. Projek menaiktarafkan lapangan terbang Sandakan bertujuan memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna perkhidmatan kapal udara yang semakin meningkat di Sandakan. Kos projek berjumlah RM70 juta dan dijangka siap pada 30 November 2014. Komponen-komponen atau skop-skop projek meliputi kerja-kerja menaik taraf fasa bangunan terminal, kerja menaik taraf bangunan *central utility building*, kerja-kerja kemasan dalaman dan luaran yang melibatkan kemasan *interior and exterior wall, ceiling and floor, fix bridge, walkway and ramp*, dengan izin. Di samping itu juga, kerja-kerja tanah dan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan.

bagi meningkatkan kecekapan operasi dan keselamatan penumpang, skop projek juga melibat juga penambahan kaunter pendaftaran masuk atau pun *check-in counter*. Seterusnya penambahan kaunter imigresen, tambahan kamera litar tertutup (CCTV) atau pun penyediaan kemudahan lif serta eskalator yang baru.

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatai masalah kesesakan lalu lintas di lapangan terbang Sandakan. Khususnya pada masa ketibaan dan keberangkatan pesawat-pesawat MAS atau pun AirAsia. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kesesakan di lapangan terbang Sandakan tidak begitu ketara kerana penerbangan pada dasarnya tidak begitu tinggi kerana mengikut data *passenger* ataupun penumpang, Sandakan pada tahun 2012 hanya setakat '834,626' penumpang. Kalau dibandingkan dengan KLIA 39,000 hampir 40,000 penumpang. Dalam penerbangan, ia hanya melibatkan penerbangan domestik. Untuk makluman MASwings daripada kota Kinabalu, satu minggu 28 kal. MAS daripada Kuala Lumpur ke Sandakan hanya tujuh kali seminggu dan juga AirAsia ke Sandakan hanya 21 kali seminggu. Selainnya KK-Sandakan hanya 14 kali seminggu dan KK-Sandakan AirAsia 14 kali seminggu. Jadi kesesakan tidak begitu sangat mendesak.

#### ■1100

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Bharu, soalan spesifik. Sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang menjawab. Soalannya spesifik tetapi ubah tempat sikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Mengenai lapangan terbang juga Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa lapangan terbang ini berkait rapat dengan pelancongan. Oleh sebab itu, lapangan terbang yang maju perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai, apakah kementerian mempunyai cadangan untuk mempertingkatkan dan menambahbaikkan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu di Kota Bharu kerana lapangan terbang ini mempunyai sebanyak 31 penerbangan sehari melibatkan MAS enam penerbangan; AirAsia - 8 penerbangan; Firefly - 13 penerbangan; dan Malindo - 4 penerbangan. Jumlahnya 31.

Sedangkan saya bagi perbandingan sikit Lapangan Terbang Kuantan. Saya difahamkan ada dua penerbangan MAS sehari, dua penerbangan Firefly seminggu. Akan tetapi dalam Bajet 2014 pada tahun ini, kerajaan memperuntukkan sejumlah besar juga untuk menaik taraf Lapangan Terbang Kuantan. Jumlah pengendalian penumpang pada tahun 2012 di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu adalah 1,259,205 orang meningkat 11% berbanding dengan tahun 2011. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perancangan kementerian untuk mempertingkatkan Lapangan Terbang Kota Bharu terutamanya memanjangkan landasan ataupun *runaway*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpulang pada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab atau tidak. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang saya ingatkan sama ada soalan itu spesifik atau tidak, kita harus bersikap adil kepada Menteri. Kadang-kadang soalan itu walaupun relevan, soalan Yang Berhormat Kota Bharu baik tetapi tidak adil bagi Menteri kerana saya rasa dia tidak ada fakta. Terpulanglah kepada Menteri menjawab atau tidak.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab apa yang maklumat yang saya ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai penambahbaikan ataupun pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, memang pihak MAB ada perancangan untuk membesarkan memandangkan lapangan terbang ini merupakan lapangan terbang domestik yang kedua paling pesat dari segi *passenger* atau pun penumpang. Pihak MAB sekarang dalam perancangan untuk memperbesarkan, cuma pihak MAB ada kekangan kerana kawasan lapangan terbang itu amat kecil dan hampir dengan jalan utama. Jadi maka sebab itu perancangan sedang dibuat tetapi belum dimuktamadkan. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Akan tetapi Yang Berhormat, tanah sudah diambil dan telah diberikan oleh kerajaan negeri. Sekarang ini tanam kelapa sahaja tidak buat lagi. Itu yang saya persoalkan. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Seperti yang saya sebutkan tadi, pihak MAB sedang dalam perancangan membesarkan, cuma ia ada beberapa kekangan. Walau bagaimanapun, memang ada dalam perancangan dan *insya-Allah* tidak lama lagi akan dimuktamadkan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

6. **Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah kerajaan akan memberi bantuan khas kepada semua orang-orang kurang upaya tanpa syarat sama ada mereka mempunyai pekerjaan ataupun tidak mempunyai pekerjaan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.*

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat belum lagi bercadang untuk memberikan bantuan khas kepada golongan Orang Kurang Upaya tanpa syarat. Namun begitu, kerajaan telah menyediakan pelbagai skim bantuan dan insentif kepada OKU supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna lagi.

Pada masa yang sama, kementerian turut memberikan tumpuan kepada pendekatan produktif *welfare* bagi membantu para penerima bantuan kebajikan termasuklah OKU untuk berdikari. Antara program yang telah diperkenalkan adalah Program 1Azam yang mana yang telah mencatatkan penyertaan dari tahun 2010 sehingga 31 Ogos 2013, 236 orang peserta daripada kalangan Orang Kurang Upaya. Program ini bertujuan untuk membantu mereka menjana pendapatan dan seterusnya hidup berdikari. Antara langkah kerajaan untuk membantu OKU pula adalah seperti berikut:

- (i) insentif kepada golongan Orang Kurang Upaya melalui Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM300 sebulan;
- (ii) untuk EPC, pertimbangan kelayakan siling pendapatan OKU yang bekerja juga telah dinaikkan daripada RM750 sebulan kepada RM1,200 ke bawah bermula tahun 2008. Dengan kenaikan ini, lebih ramai OKU yang bekerja layak untuk menikmati EPC;
- (iii) pengenalan skim bantuan baru iaitu bantuan penjagaan pesakit kronik telantar dan OKU terlantar dengan kadar RM300 sebulan seorang bagi mengurangkan beban kepada penjaga yang menjaga mereka;
- (iv) OKU yang menerima pencegah ilat PERKESO dan masih bekerja sendiri boleh dipertimbangkan untuk menerima EPC mengikut syarat dan kelayakan sedia ada;

- (v) skim bantuan OKU tidak berupaya bekerja telah diluluskan pelaksanaannya di mana kadar bantuan adalah sebanyak RM150 sebulan seorang kepada golongan OKU yang berusia antara 18 hingga 59 tahun dan tidak mampu bekerja;
- (vi) penjagaan dan pemulihan OKU masalah pembelajaran di tujuh buah Taman Sinar Harapan;
- (vii) pemulihan di dalam komuniti PDK untuk memberikan intervensi awal dan pemulihan OKU di 486 buah PDK di seluruh negara;
- (viii) penempatan pekerjaan bagi OKU yang tidak dapat berdaya saing di dua buah bengkel terlindung;
- (ix) latihan vokasional dan pemulihan OKU fizikal di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian (PLPP) Bangi;
- (x) perkhidmatan *job-coach* untuk memberikan sokongan pekerjaan kepada OKU;
- (xi) memberikan elaun khas sebanyak RM150 sebulan kepada OKU yang mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti dan pelajar OKU di bawah kelolaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan;
- (xii) insentif dalam bentuk Geran Pelancaran turut diberikan kepada golongan OKU yang ingin menjalankan perniagaan untuk menjana pendapatan; dan
- (xiii) Skim Galakan Perniagaan oleh Kementerian Sumber Manusia turut ditawarkan kepada golongan OKU untuk meluaskan perniagaan.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Tidak ada soalan tambahan. Jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan pada pagi ini. Tidak kita nafikan bahawa bantuan yang diberikan oleh kerajaan ini memang banyak membantu meringankan beban penerima-penerima terutamanya yang kita katakan pada hari ini adalah penerima bantuan OKU.

Jadinya, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri. Selain daripada program-program di bawah Program 1Azam seperti Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi, bolehkah tidak juga Yang Berhormat Menteri kongsi di dalam Dewan ini lain-lain

program keusahawanan yang bersesuaian kerana sekarang ini saya tengok kebanyakan peserta OKU ini terlibat dengan refleksologi.

Sudah semestinya ada lain program keusahawanan yang boleh disertai oleh penerima bantuan khas OKU ini. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh kongsi dalam Dewan ini dan juga saya mohon sekiranya boleh diberikan secara perincian, secara bertulis mengenai data-data penerima Program Galakan Usahawan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1110

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada sahabat saya dari Parit Sulong. Memang selain daripada 1AZAM, memang melalui 1AZAM itu pun banyak program. Mungkin kita berikan mereka alat untuk menjahit, alat untuk memasak dan sebagainya. Jadi termasuklah usahawan-usahawan itu yang terlibat dengan jahit-menjahit, usahawan yang terlibat dengan masak-memasak untuk menyediakan makanan. Selain daripada itu, di bengkel kita memang kita menyediakan beberapa kursus yang membolehkan orang kurang upaya ini menjadi usahawan dalam pelbagai bidang. Antara kursus yang diberikan dalam bengkel kita yang terlindung yang ada dua. Satu di Sungai Petani dan satu lagi di Klang itu ialah kursus untuk membuat coklat.

Jadi mereka ini nanti akan keluar bolehlah menjadi usahawan yang mengeluarkan coklat. Juga bengkel khusus untuk membuat roti jadi apabila mereka keluar nanti, mereka bolehlah juga membuat roti ataupun membuka *bakery* mereka. Ada juga bengkel jahitan, ada juga kursus dobi maka mereka boleh memulakan perniagaan sebagai tukang dobi, kedai dobi dan sebagainya dan juga kraf tangan. Ini juga membolehkan mereka menghasilkan kraf tangan.

Saya telah melihat di satu pusat latihan kita di Bangi, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan. Mereka juga dapat menghasilkan lukisan yang begitu cantik sekali daripada kain batik dan saya terkejut bila saya bertanya rupanya ini adalah dihasilkan oleh peserta kita, orang kurang upaya. Maka di situ juga mereka boleh menjadi usahawan yang menghasilkan reka bentuk atau lukisan-lukisan daripada batik yang cantik yang boleh dijual oleh mereka kepada kita semua dan harapan kita supaya masyarakat tidak menstigmakan mereka ini dan menganggap bahawa mereka ini mempunyai keupayaan-keupayaan yang tidak ada bezanya daripada orang yang berupaya.

Oleh itu, berikanlah mereka peluang untuk mendapat pendapatan dan jika mereka menjadi usahawan di mana-mana, kita bagi peluang untuk mereka menjual dan kita membeli. Saya juga ingin memaklumkan bahawa selain daripada itu, mereka juga diberikan kursus dalam Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian di Bangi ini untuk mereka fesyen, dalam bidang elektrik juga, dalam sistem maklumat juga, dalam elektronik, membuat alat sokongan *prosthetic* dan *orthoptic*, multimedia dan juga membuat kerusi roda.

Saya ingin kongsi juga dengan Yang Berhormat dan dengan Dewan yang mulia ini, di Sabah di negeri asal saya terdapat kumpulan anak muda OKU yang telah pun memulakan perniagaan mereka sebagai usahawan yang kita sudah berjaya menghasilkan alat-alat *prosthetic* ini. Mereka ini nampaknya cukup berjaya. Di sinilah kita akan membantu mereka dengan memberikan geran pelancaran RM2,700 bagi seorang *one-off* dan juga dibantu pula oleh Jabatan Tenaga Kerja yang juga menyediakan bantuan untuk mereka memulakan usaha untuk menjadi usahawan. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak tadi Yang Berhormat Seputeh berdiri, sekarang tidak berdiri. Tak apa, Yang Berhormat Shah Alam. Okey, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan berhubung dengan OKU ini, kita cukup kagumlah dengan senarai kursus-kursus yang disediakan untuk pihak OKU. Saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan telah membuat satu kajian sejauh mana kursus-kursus ini telah mencapai kejayaan dalam erti kata daripada *database* yang ada pada pihak kerajaan, berapa ramai yang hadir kursus dan berapa peratus daripada mereka telah mencapai kejayaan memulakan perniagaan dan mampu untuk berdikari.

Untuk membantu ke arah itu, selain daripada bantuan *one-off* yang disebutkan tadi sebanyak RM2,700, ada tak lagi kelonggaran ataupun keistimewaan yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh OKU seperti status perintiskah, *tax exemption*kah dan sebagainya. Kalau ada, maka saya harap bahawa pihak Menteri ataupun Timbalan Menteri boleh maklumkan kepada Dewan ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada sahabat dari Shah Alam. Tak apa, kita dalam Dewan semua bersahabat. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam dan Dewan yang mulia ini, kita juga mempunyai program apa yang kita panggil *job coach* di mana pelatih-pelatih yang

telah kita latih di pusat-pusat latihan kita ini. Kita juga memberikan *coaching* kepada mereka supaya mereka boleh, satu, memulakan perniagaan dan keduanya boleh bekerja di mana di tempat-tempat yang sesuai untuk mereka bekerja. *Job coach* ini ialah di mana mereka ini yang dilantik menjadi *job coach* ini berperanan sebagai *one to one training* dan hasil daripada itu, di mana kita telah memperuntukkan sebanyak RM300,000 sehingga kini. Setakat September 2013, kita dapati hampir 30 buah syarikat swasta telah mengambil lebih kurang 600 orang OKU untuk bekerja dengan menggunakan perkhidmatan *job coach* ini. Jadi ini salah satu saya rasa kejayaan yang baik dan usaha ini kita teruskan lagi.

Selain daripada itu untuk makluman juga, kita mempunyai sistem pendaftaran OKU. Melalui sistem pendaftaran OKU ini banyak kelonggaran dan banyak keistimewaan yang diberikan kepada OKU kita dengan kementerian-kementerian yang lain termasuklah Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan. Melalui Kementerian Kewangan ini adalah insentif-insentif untuk mereka yang memberi penggajian kepada OKU mendapat pelepasan cukai dan lain-lain lagi. Makna yang lain-lain nanti Yang Berhormat, saya akan berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis, *insya-Allah*. Terima kasih.

**7. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan pemegang dokumen IMM13 di seluruh negara dan apakah masa depan pemegang-pemegang dokumen tersebut

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila persoalan berhubung dengan imigresen dibangkit di negeri Sarawak dan Sabah, keadaan dan cara menanganinya adalah berbeza sedikit dengan cara menangani perkara tersebut dan perkara yang sama di Semenanjung Malaysia. Jadi dalam keadaan sedemikian, apabila banyak masyarakat *Philippine* oleh kerana pergolakan berlaku di negara tersebut pada tahun 70-an memasuki Sabah dan masalah ini berlarutan hingga ke tahun 90-an. Pada tahun 1997, kerajaan telah menujuhkan pasukan petugas khas di bawah Majlis Keselamatan Negara untuk menangani masalah pendatang asing tersebut.

Ini berbeza kalau dibandingkan dengan di Semenanjung Malaysia di mana pendatang asing adalah terus di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen. Dengan hal yang sedemikian pada tahun 1999, tahun ini penting ya? Kerajaan melalui Menteri Dalam Negeri sebagai Menteri yang bertanggungjawab

terhadap hal ehwal imigresen telah memutuskan untuk memberi kad IMM13 kepada warga Filipina yang telah memasuki dan bermastautin di Sabah sebagaimana yang telah saya sebut tadi.

Mereka adalah golongan yang telah keluar dari Filipina atas sebab-sebab pergelakan yang saya sebut tadi. Keputusan itu ialah dasar perikemanusiaan bertujuan untuk membolehkan pemegang dokumen tersebut bergerak, tinggal, belajar dan bekerja di Sabah. Keputusan tersebut telah dibuat sebagai salah satu langkah penyelesaian masalah pendatang asing di Sabah pada ketika itu.

■1120

Didapati sebanyak 98,427 orang yang telah didaftar. Pada masa sekarang, yang tinggal aktif hanya 60,248 orang sahaja di Sabah. Di Sarawak didapati hanya 287 orang pemegang kad IMM13 ini tetapi tidak ada lagi di Semenanjung Malaysia. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal pengeluaran dokumen IMM13 ini saya telah bertanya secara konsisten selama lapan tahun dalam dua penggal saya di Parlimen dahulu. Pada ketika itu saya diberitahu di Dewan yang mulia ini, bilangannya, dokumen yang dikeluarkan sebanyak lebih kurang 57,199 secara konsisten. Baru-baru ini saya telah difahamkan bahawa perangkaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi 98,000 dokumen telah dikeluarkan.

Jadi, saya ingin tahu dari mana lebihan itu? Kenapa sampai 98,000 sedangkan seperti mana yang dinyatakan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dokumen IMM13 ini diberikan kepada pelarian yang telah lari daripada Filipina ke negeri Sabah. Kita telah memberi laluan, membenarkan mereka tinggal di sini tanpa apa-apa dokumen, pasport dan sebagainya. Sebaliknya, diberikan dokumen IMM13, dikecualikan daripada pasport antarabangsa. Persoalannya di sini ialah satu, dari mana tambahan itu? Sedangkan kedatangan pelarian sudah berakhir. Dari mana datangnya itu?

Kedua, soalan asal saya iaitu apakah masa depan pemegang-pemegang dokumen ini? Sampai bilakah dokumen ini diperbaharui? Oleh sebab dokumen diperbaharui setiap tahun tetapi sampai bila? Sampai bila ia akan diperbaharui dan apakah masa depan pemegang-pemegang dokumen IMM13 ini? Soalan seterusnya bagi saya ialah sebenarnya saya difahamkan yang telah dikeluarkan dokumen IMM13 bukan sahaja pelarian Filipina tetapi juga daripada Indonesia selepas konfrontasi 60-an dahulu. Pertanyaan saya ialah adakah dokumen IMM13 daripada Indonesia ini ke Sabah masih

diperbaharui setiap tahun. Begitu juga adakah benar bahawa terdapat lebih 10,000 Rohingya daripada Myanmar diberi dokumen IMM13. Apakah benar? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pemberian IMM13 kepada masyarakat yang didapati di negara kita oleh kerana mereka tidak mempunyai dokumen yang sah untuk memasuki negara ini dan sebab-sebabnya sebagaimana yang saya sebutkan tadi ialah atas dasar perikemanusiaan. Pemberian itu dalam satu jangka masa. Jadi, memang saya cukup yakin apabila Yang Berhormat mendapat jawapan pada ketika dahulu, mungkin pada ketika itu jumlahnya sedemikian.

Akan tetapi pada masa ini jumlahnya adalah sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Jadi, dalam satu jangka masa walaupun pada masa sekarang kita tidak lagi memberi dokumen ini. Kita tidak mengeluarkan lagi IMM13 ini kepada mana-mana orang lagi semenjak awal tahun 2000. Jadi, yang kedua soalan Yang Berhormat ialah apakah masa depan? Itu soalan yang kedua. Pertama, ia sudah ada generasi sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Generasi pertama ia akan kekal *diissue* dengan IMM13 ini dan akan terus akan diperbaharui oleh kerana landasannya masih sama, mereka tidak dapat dikembalikan ke negara mereka oleh kerana soalan dokumentasi. Kita tidak boleh mengusir begitu sahaja melainkan orang itu boleh diusir ke satu-satu negara. Itu landasan yang asas diambil oleh Kerajaan Malaysia. Kedua, anak-anak mereka dan cucu-cucu mereka serta ada di kalangan kalau kita lihat perbezaan 98,000 dengan 60,000 itu perbezaan landasan.

Hal ini kerana ada di kalangan anak-anak dan cucu-cucu mereka ini telah layak menerima kewarganegaraan. Satu fakta. Kedua, ada juga di kalangan mereka ini telah dapat dokumen daripada kerajaan mereka dan telah kembali ke negara mereka sendiri. Ketiga ialah ada di kalangan mereka ini telah meninggal dunia dan yang meninggal dunia ini ialah yang mengurangkan faktta *numbers* yang saya sebut tadi 98,000 jumlah asal dan sekarang yang aktif hanya tinggal 60,000 sahaja lagi.

Jadi, generasi yang awal itu akan hilang begitu sahaja. Dia akan habis begitu sahaja melainkan dia dapat dalam tiga fakta yang saya sebut tadi. Satu, dia mendapat dokumen daripada kerajaan mereka, dua, meninggal dunia dan ketiga, dia telah mendapat kewarganegaraan Malaysia yang sah mengikut perlumbagaan atas budi bicara kerajaan.

Nombor dua, daripada Indonesia memang- kalau di Sarawak kalau lihat Yang Berhormat, yang di Sarawak itu 287 orang ialah semuanya warga Indonesia sebenarnya. Akan tetapi, di Sarawak itu setelah banyak habis, kembali. Oleh sebab perhubungan di

antara Malaysia ataupun Sarawak dengan Kalimantan itu amat baik sekali. Wakilnya bekerjasama dengan pihak kerajaan supaya mereka ini dihantar balik ke seberang sana dan kalau mereka mahu masuk ke Malaysia, mereka akan masuk dengan cara yang sah. Dengan keadaan yang sedemikian, jumlah rakyat Indonesia yang diberi IMM13 pada ketika itu telah amat berkurangan, hanya tinggal 287 orang sahaja lagi.

Jadi, bagi anak-anak ini, anak-anak orang ini dan cucu-cucu mereka ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perkataan yang diguna oleh Yang Berhormat semalam yang berucap, dahulu daripada Yang Berhormat Serdang itu. Dia kata mereka ini tidak tahu negara lain lagi. Inilah negara yang mereka tahu. Dia tidak tahu negara lain, dia tidak tahu Indonesia, dia tidak tahu dengan Filipina, negara yang mereka tahu ialah Malaysia. Jadi, dengan landasan itu ada di kalangan mereka ini akan diberi kewarganegaraan atas budi bicara dengan memenuhi syarat perundungan yang kita ada dalam negara ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya mengikut soalan ini yang bertanya apakah masa depan pemegang IMM133 ini. Akan tetapi saya sebenarnya hendak tanya, kita lihat di Sabah, ada ramai kanak-kanak, kita kata *street children*. Macam bila saya pergi ke Lahad Datu, ramai anak-anak Bajau. Mereka tidak dapat masuk ke sekolah tetapi mereka di kalangan budak-budak ini memang ada yang amat berminat untuk belajar. Saya pernah lihat ada NGO cuba tubuhkan sekolah yang swasta bagi pengajaran kepada mereka.

Saya juga difahamkan di Kuala Lumpur, juga turut terdapat sesetengah kanak-kanak yang tidak ada dokumentasi. Mereka juga ada NGO juga cuba bagi sedikit pendidikan kepada mereka. Soalan saya ialah kalau kita hendak buat satu pengiraan, memang ramai kanak-kanak seperti ini. Kalau kita tidak bagi mereka masuk sekolah dan biarkan mereka ini sahaja, mereka akan menjadi satu masalah sosial yang lebih besar. Apabila mereka dewasa, mereka tidak ada keupayaan untuk berdikari dalam masyarakat kita dan mereka tidak dapat balik ke negara asal mereka, malah mereka ramai dilahirkan di Malaysia.

Jadi, soalan saya ialah apakah pandangan kerajaan terhadap kanak-kanak *street children*, mereka yang dilahirkan di Malaysia tetapi tidak ada dokumentasi ini? Adakah kita akan cuba bagi mereka pendidikan supaya mereka mungkin satu hari nanti mereka boleh berdikari dan bekerja di Malaysia?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Sabah lagi, saya tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, soalan masyarakat yang di bawah IMM13 ini terletak di bawah penyelidikan Suruhanjaya Diraja yang sekarang menyelidik di Sabah itu. Jadi, keputusan Suruhanjaya ini akan menjadi satu panduan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk melaksanakan tugas di bawah soalan ini, termasuklah apa Yang Berhormat sebut.

Maknanya, kalau Suruhanjaya Diraja di Sabah itu nanti memutuskan apa sahaja tindakan kepada mereka yang sebagai ‘*street children*’, Ops Pasir dan sebagainya, banyak lagi jenis anak-anak yang tidak ada ibu bapa, yang berkeliaran begitu sahaja, orang yang di laut, orang yang di darat, orang yang di pinggir Sabah itu yang tidak ada pendaftaran, kita sekarang sedang menunggu keputusan yang dibuat oleh *Royal Commission of Inquiry* ini. Kalau apa sahaja yang diputuskan, kita akan menggunakan itu sebagai satu *guideline* untuk mengambil tindakan ke seluruh negara. Jadi Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri adalah mempunyai semangat prihatin dan perikemanusiaan, Yang Berhormat. Terima kasih.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Oleh kerana soalan lisan telah berakhir, izinkan saya bangun untuk membuat sedikit penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan pemberitahuan saya yang bertarikh pada 24 Oktober 2013 di bawah Peraturan Mesyuarat 27 yang telah saya hantar kepada Tuan Yang di-Pertua bagi merujuk Yang Berhormat Sepang kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 80 kerana dia telah mengeluarkan suatu sangkaan jahat kepada Yang Amat Berhormat Pekan. Mohon penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua berkenaan kedudukan pemberitahuan saya itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya terima satu notis daripada Yang Berhormat Jasin bertarikh pada 24 Oktober mengenai dengan satu insiden yang berlaku. Saya perlu untuk buat keputusan mengenai dengan hal ini kerana notis secara bertulis telah dihantar kepada saya. Pada ketika perkara itu berlaku, konon hujah daripada Yang Berhormat Sepang yang mengatakan

bahawa - *I just take the offending word.* Antara lain dia sebut bahawa, “*la bermula daripada MCA dengan UMNO sendiri di mana ucapan daripada Yang Berhormat Pekan pada ketika itu, Ketua Pemuda, dia bercakap, “Marilah kita titiskan darah Cina dengan keris”.*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan sedikit penjelasan di atas perkara yang telah berlaku pada 23 hari bulan yang lalu. Sebenarnya, latar belakang isu ini adalah berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat Sepang pada hari Rabu 23 Oktober 2013, kira-kira jam 12.30 tengah hari hingga 12.50 tengah hari apabila Yang Berhormat Sepang semasa dalam perbahasan peringkat dasar Undang-undang Keselamatan Langkah-langkah Khas (Pindaan) 2013 dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut, “*Akan tetapi saya hendak tanya, adakah saya rasa, saya khuatirlah takut Yang Berhormat Tanjong Karang mungkin ada masalah amnesia, jenis pelupa. Jadi saya hendak katakan, kalau betul Yang Berhormat Tanjong Karang bersikap jujur, ini sejarah yang tidak boleh hendak dinafikan. la bermula daripada MCA dan UMNO sendiri di mana ucapan Yang Berhormat Pekan pada ketika itu sebagai Ketua Pemuda, bercakap, “Marilah kita titiskan darah Cina dengan keris”.* Itu ucapan dia.

Jadi saya berpendapat, dengan perkataan ini, “*la bermula daripada MCA dengan UMNO sendiri di mana ucapan Yang Berhormat Pekan pada ketika itu sebagai Ketua Pemuda ...*” dengan ucapan yang cukup serius ini merupakan perkataan-perkataan yang salah daripada segi fakta. Tidak ada rekod rasmi yang menunjukkan bahawa Yang Berhormat Pekan pernah membuat kenyataan sedemikian. Tuan Yang di-Pertua, perkataan sedemikian yang ditujukan kepada seorang pemimpin ulung kita iaitu Yang Amat Berhormat Pekan sebagai Perdana Menteri Malaysia boleh menimbulkan fahaman jahat kepada Perdana Menteri Malaysia sebagai anti kaum Cina. Jadi padahal, Yang Berhormat... *[Disampuk]* Ini *floor* saya, biar saya bercakap dahulu.

Padahal, rakyat tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah pun meminggirkan ataupun mengamalkan diskriminasi terhadap mana-mana kaum di Malaysia. Apatah lagi mahu menitiskan darah kaum Cina di Malaysia. Saya dengan keras berpendapat Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkataan-perkataan iaitu “*Marilah kita titiskan darah Cina dengan keris”*, boleh menimbulkan rasa keresahan dan juga huru-hara yang mana Yang Berhormat Sepang dengan niat sengaja mengeluarkan suatu sangkaan jahat kepada Yang Amat Berhormat Pekan. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat Sepang telah pun melanggar Peraturan 36(6) iaitu “*Seseorang ahli tidak*

*boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain".* Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mahu supaya Yang Berhormat Sepang dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Terima kasih. [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Setiap ada perkara berlaku seperti begini, sebenarnya yang menanggung masalah adalah saya dan timbalan-timbalan saya. Itu sebab setiap kali apabila bersidang, saya sering kali ingatkan kepada Yang Berhormat, apabila mengeluarkan hujah, perkataan-perkataan yang dizahirkan itu perlu kita mengambil sikap tanggungjawab. Saya faham bahawa apabila kita berbahas, kadang-kadang ada perkara-perkara yang selepas kita berhujah, kita kesali oleh kerana ia melanggar Peraturan Mesyuarat. Jadi pada ketika itu, saya bukan mempengaruhi Mesyuarat. Saya baca *Hansard*. Saya sebagai Tuan Yang di-Pertua telah memanggil Yang Berhormat Jasin sendiri untuk bertanya dan saya juga ada panggil Yang Berhormat Sepang untuk bertanya.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya panggil Yang Berhormat Sepang untuk respons kepada dakwaan itu, saya sering kali ingatkan diri saya. Saya sendiri apabila berlaku silap, saya minta maaf secara terbuka. Umpamanya sewaktu akhir Sesi Parlimen pada Parlimen Ke-12, saya secara terbuka minta maaf kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor walaupun pada ketika itu beliau tidak ada. Kita sebagai pemimpin, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mesti bersikap bertanggungjawab.

Jadi saya sekarang ini, dengan tulus ikhlas, pohon Yang Berhormat Sepang untuk respons kepada tuduhan tadi itu. Kalau umpamanya Yang Berhormat Sepang masih juga berpendirian apa yang disebut itu tadi, masih berpegang kepada itu, jadi saya terpaksa ambil tindakan yang lain menurut Peraturan Mesyuarat. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Sepang mengatakan bahawa itu tidak apa yang saya sebut dan ada alasan-alasan tertentu ataupun apa, saya akan dengar. Jadi saya boleh buat *ruling*. Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Jasin. Saya merasa amat bersyukur kerana Yang Berhormat Jasin mengemukakan isu ini. Saya hendak ceritakan sedikit latar belakangnya. Pertamanya, sebelum Yang Berhormat Jasin membuat laporan bertulis, beliau sendiri telah mengemukakan secara lisan yang boleh dibaca dalam *Hansard*. Saya ingin bacakan.

Yang Berhormat Jasin menuduh saya mengatakan begini, "Yang Amat Berhormat Pekan memberi ucapan semasa ketika tersebut beliau adalah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO

*Malaysia.*" Ini saya tidak ada sebut pun "...ambil menghunus keris." Ini pun saya tidak ada sebut. Menyatakan, "*Marilah kita mandikan...*". Saya tidak ada sebut "...mandikan..." pun. Dia kata saya kata "...darah, titis darah Cina". Selepas itu dia kata pula, "...sebanyak satu juta orang." Ini pun saya tak sebut.

■1140

Jadi Yang Berhormat Jasin, kalau ingin bermain, kata orang, *play with fire*, saya juga boleh menggunakan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) untuk rujuk Yang Berhormat Jasin kepada jawatankuasa juga. Oleh sebab beliau menuduh saya bercakap yang tidak tentu. Itu yang pertama [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap dulu. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu yang pertama. Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya bukan berucap pada masa itu sebagai seorang pembahas. Saya hanya bertanya kepada Yang Berhormat Tanjung Karang. Oleh sebab beliaulah yang memulakan ucapan tentang Operasi Lalang. Jadi saya bertanyakan [*Disampuk*] Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang untuk... Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang, jadi saya harap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, sila. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap dulu. Kita selesaikan isu ini dengan cara baik. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Tanjung karang menyatakan tentang Operasi Lalang dan nampaknya menuduh pembangkang, jadi saya bertanyakan, bukankah itu bermula daripada UMNO dan MCA? Saya mengakui memang saya ada menyebut perkataan yang "*marilah kita titiskan darah Cina dengan keris*", yang saya kata ucapan Ketua Pemuda. Saya tak sebut nama pun. Ketua Pemuda 'Pekan' masa itu, okey. Sebenarnya apa yang saya cakap ini, saya ambil daripada *Wikipedia*, tentang Operasi Lalang yang boleh diakses di *internet*, yang boleh kita lihat dalam [en.wikipedia.org/wiki/operationlalang](https://en.wikipedia.org/wiki/OperationLalang).

Dalam itu, izinkan saya baca. Dikatakan bahawa, "*Yang Berhormat..*" Dia sebut nama Yang Berhormat Pekan, dituduh kononnya ingin membasahkan keris. Jadi, saya percaya, apa yang dinyatakan dalam *Wikipedia* ini sehingga sekarang tidak pernah dinafikan oleh Yang Berhormat Pekan.

Jadi saya merasakan apabila tidak ada penafian daripada Yang Berhormat Pekan, bermakna apa yang dikaitkan oleh *Wikipedia* ini dengan rujukan-rujukan adalah betul. Maka atas dasar itulah saya percaya, ketika saya cakap itu, ia adalah betul.

Akan tetapi, dalam masa yang sama saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua, dan beliau juga telah memanggil saya. Saya mengatakan, kalau sekiranya apa yang saya kata tidak betul, saya bersedia untuk tarik balik dan juga minta maaf. Tidak ada masalah. Kita bukan *perfect*. Kalau sekiranya tidak betul, saya bersedia untuk meminta maaf. Saya mengharapkan apa yang dinyatakan *Wikipedia* itu juga, kalau sekiranya Yang Berhormat Pekan merasakan ini tidak betul, sila buat laporan, sila ambil tindakan juga kepada *Wikipedia*. Ini supaya nama Perdana Menteri kita boleh dibersihkan. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik penerangan daripada Yang Berhormat Sepang. Ini kerana seharusnya sebagai seorang Ahli yang telah diberi amanah oleh rakyat, bukan sahaja kita mesti bersikap jujur bahkan kita mestilah berdiri daripada apa yang kita telah sebutkan. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ada membuat apa juga kesilapan, saya bersedia dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib [*Tepuk*] Akan tetapi apa yang saya hendak sebut di sini, *Hansard* ini telah pun dikeluarkan. Cukup jelas menunjukkan, kalau kita sudah cakap, kita kata ya, apa salah kan? Kalau kita minta maaf, rugi kah kita? Ular yang menyusur akar, tidak akan hilang bisanya [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, dalam *Hansard* ini bertarikh 23 hari bulan, ada disebut dengan terang sekali. Tidak ada pernah menyebut pun ‘*WikiLeaks*’. Tidak ada! [*Disampuk*] *Wikipedia*, tidak ada sebut pun. Dia ada sebut di sini.

“Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]. “Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang...” Masa itu dia mencelah - “Yang Berhormat Tanjong Karang telah membabitkan tentang Operasi Lalang yang mengatakan bahawa ia dicetuskan oleh pembangkang. Akan tetapi saya hendak tanya, adakah saya rasa, saya khuatirlah takut Yang Berhormat Tanjong Karang mungkin ada masalah amnesia, jenis pelupa. Jadi saya hendak katakan, kalau betul Yang Berhormat Tanjong Karang bersikap jujur, ini sejarah yang tidak boleh hendak dinafikan. Ia bermula daripada MCA dan UMNO sendiri, di mana ucapan daripada Yang Berhormat Pekan”. Disebut itu dengan jelas. “...Pada ketika itu, Ketua Pemuda, dia bercakap [*Disampuk*] . Hansard tidak salah. “... Dia bercakap, marilah kita titiskan darah Cina dengan keris.” Itu ucapan dia.

Selepas itu, Yang Berhormat Pasir Salak bangun menentang. Kalau beliau tidak menggunakan perkataan tersebut, takkanlah Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri pun bangun menentang. Yang Berhormat Tanjong Karang bangun menentang. Jadi,

janganlah hendaknya kita nafikan apa yang telah kita sebut. Kita sama-sama, kalau boleh dapat menerima hakikat bahawa sebagai manusia, kita boleh buat apa jua kesilapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Akan tetapi kesilapan itu sebagai satu pelajaran kepada kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah kata tadi, saya sudah bagi penjelasan. Saya dah kata *[Dewan riuh]* Tidak, sini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, diam dulu Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tak tahu lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, duduk dulu Yang Berhormat. Nanti saya fikir.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dah lama putar belit. Ini dalam Dewan Rakyat. Jangan putar belit!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat! Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan, duduk Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam mahkamah beginilah kerja dia, putar belit, pusing-pusing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, duduk dulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching, jangan campur dulu. Saya belum lagi buat keputusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, dengar baik-baik. Yang Berhormat Sepang dengar baik-baik. Bermakna, sebelum pun saya buat tindakan seperti begini untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat Jasin untuk memperjelaskan, kerana apabila saya baca daripada notis yang saya terima, kurang elok. Biar kita semua dengar penjelasan. Jadi saya beri juga ruang kepada Yang Berhormat Sepang untuk kasi penjelasan tadi. Jadi apabila Yang Berhormat Jasin bercakap begitu, bermakna dalam *Hansard*, penjelasan Yang Berhormat adalah sama ada apa yang tertulis dalam *Hansard* itu betul atau tidak? Kalau apa yang tertulis dalam *Hansard* itu betul atau tidak, pendirian

saya, interpretasi saya, apabila saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(6), betul ada perlanggaran peraturan mesyuarat. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, belum lagi saya siap Yang Berhormat. Tinggal lagi Yang Berhormat Sepang sebagai *practicing lawyer*, kalau kita umpamanya di mahkamah *pleads guilty, there is no such thing is conditional pleading guilty, either yes or no*. Di dalam soal ini, kalau Yang Berhormat mempertikaikan apa yang tertulis dalam *Hansard*, bermakna saya terpaksa buat keputusan yang lain untuk penyiasatan lanjut. Akan tetapi dalam hal ini tidak perlu ada penjelasan lanjut kerana yang berlaku adalah dalam Dewan, semua dalam *Hansard*. Cuma Yang Berhormat sekarang ini fikir baik-baik. Tarik balik apa yang tertulis itu atau tidak. Kalau Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dulu Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat mahu tarik balik, bermakna isu *settle*. Kalau juga Yang Berhormat tidak tarik balik, saya ada dua pilihan. Satu, sama ada saya kata *prima facie* ada kes untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ataupun saya sendiri boleh buat *ruling* di bawah Peraturan Mesyuarat 36(6). Ada dua di situ Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah menyatakan bahawa saya mengakui apa yang saya nyatakan dalam *Hansard* itu. Takkan saya hendak bercakap berbeza dengan apa yang ditulis dalam *Hansard*. Saya mengatakan, cuma saya katakan, yang saya bercakap itu sebab atas dasar kepercayaan saya, benda itu benar. Akan tetapi kalau sekiranya didapati benda ini tidak benar, memang saya bersedia dan saya bersedia tarik balik dan saya minta maaf. Tidak ada masalah.

**Beberapa Ahli:** Tariklah! *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tarik balik. Okeylah. Tidak apa, untuk hendak menyenangkan hati-hati pihak, saya tarik balik. Saya minta maaf *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Okey, okey *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau itu yang mereka rasa seronok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, ya, ya. Terima kasih Yang Berhormat Sepang, terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]:** Eh, kita tak kisahlah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Kinabatangan, duduklah!

**Seorang Ahli:** Tarik balik dan mohon maaf!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal senang, hati tidak senang [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini soal menghormati Perdana Menteri...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Minta dia tarik, tarik ikhlas Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini Dewan, bukan di pasar.

**Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]:** Eh! Ini *freshie, freshie...*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Takut macam ini, lain kali dia buat lagi. Tarik balik begitu sahaja Tuan Yang di-Pertua [*Dewan riuh*] Ya, samalah Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ha, nampak benarlah penakut. Kalau berani sila. Lain kali buat lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh tak Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Lenggong, yang berdiri itu tolong duduklah Yang Berhormat [*Ketawa*] Duduk, duduk.

Soal ini adalah soal di antara Notis yang diberi kepada saya dan respons daripada Yang Berhormat Sepang. Saya yang buat keputusan Ahli-ahli Yang Berhormat. [*Tepuk*] *That's it*, jelas. Cuma kita ambil ini sebagai iktibar. Lain kali kalau berhujah, ingat risiko. Ingat. Itu sebab sentiasa saya ingatkan. Jadi bagi saya, saya anggap isu ini *settle*, kerana saya berpuas hati, dia kata, dia tarik balik, dia minta maaf. [*Tepuk*] [*Disampuk*]

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Mohon maaflah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi biasanya orang-orang politik ini ada sahaja ekoran-ekoran daripada apa yang disebut. Dia kata kalau menyenangkan hati. Jadi saya senang hati, tidakkah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak senang hati?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching, apa lagi Yang Berhormat Bandar Kuching?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apalah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang lain senang hati, Yang Berhormat Bandar Kuching tidak senang hati sebab apa?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa lagi Yang Berhormat Bandar Kuching mahu?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, beri saya satu minit sahaja. Ya, memang ini isu di antara notis ini sudah habis tetapi isu pokoknya sama ada Yang Berhormat Pekan ada sebut perkataan ini. Itulah yang penting. Ini, ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sebut *[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Isu pentingnya, Yang Berhormat Pekan tidak ada sebut. Fahamkan Yang Berhormat Bandar Kuching *[Dewan riuh]* Apa lagi Yang Berhormat Bandar Kuching mahu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk dahulu. Ini isu baru lagi Yang Berhormat. Duduk! Tiga orang Ahli Yang Berhormat, duduk!

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya rasa ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini isu pokok. Isu pokok ini kalau kita ada sebut perkara ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk! Yang Berhormat Bandar Kuching *practicing lawyer*. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang itu adalah apa yang tertulis dalam media di luar sana. Perkara yang tertulis di luar bukan menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menafikan. *Some people choose*

*to just keep quite kerana bukan bererti apa yang tertulis itu adalah fakta. Jadi jangan bawa perkara-perkara begitu Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan. Ini kerana apabila kita berbahas pun di Dewan, apabila kita bawa laporan daripada media ataupun lain-lain dokumen, peraturan mesyuarat juga mengatakan, you must be responsible for those thing that you bring in. Apa lagi perkara yang di luar, so that is no issue [Dewan riuh]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ada haiwan kah dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** *So there is no more issue,* Yang Berhormat. Isu selesai. Terima kasih Yang Berhormat Jasin, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh enam bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM46,499,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2014, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2013, adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. **[30 Oktober 2013]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya difahamkan bahawa yang berhujah daripada Penampang. Yang Berhormat telah mengambil masa beberapa minit. Saya difahamkan ada 16 minit lagi. Jadi sila hormati masa. Sila, Yang Berhormat.

### 11.52pg.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin berterima kasih kepada siaran langsung daripada RTM-Parlimen dan PAS TV sebab rakan-rakan kita di Sabah dapat bersama-sama dengan kita, Ahli-Ahli Parlimen dalam perbahasan semalam dan hari ini.

Ini kerana siaran langsung tersebut, ramai rakan-rakan telah memberikan nasihat dan komen selepas perbahasan saya semalam. Satu daripadanya *[Ketawa]* Yang Berhormat Parit Sulong pun. *A few second* sudah itu. *So anyway*, saya telah berbahas semalam berkenaan dengan memansuhkan Polisi Kabotaj dan rakan-rakan semua telah menghantar SMS dan juga mesej bahawa kerajaan patut membuat dua pilihan di Sabah. *Either* dengan izin, kerajaan menintroducekan GST ataupun menghapuskan Polisi Kabotaj ataupun menghapuskan, *exempt*kan Sabah daripada GST dan *maintain*kan Polisi Kabotaj Itu adalah pesanan daripada kawan-kawan. *Now*, saya ingin menyambung.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga telah mengusulkan bahawa sebanyak RM331 juta akan diperuntukkan oleh kerajaan dalam program penyeragaman harga subsidi pengangkutan. Dalam hal ini saya ingin - minta maaf saya baca balik apa yang saya sudah baca semalam. Saya ingin menukar balik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengusulkan peruntukan sebanyak RM66 juta dalam pembelian peralatan hospital serta membina blok tambahan di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Saya agak hairan kenapa kerajaan mahu menambahkan blok di Hospital Queen Elizabeth ini. Adakah penambahan blok tersebut berkaitan dengan kesesakan yang sedang dihadapi oleh Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu?

Rakyat Sabah yang tinggal di sekitar Kota Kinabalu khususnya di Daerah Penampang tahu bahawa Hospital Queen Elizabeth ini dekat sahaja. Namun, kesesakan lalu lintas yang amat teruk sekali amat menyusahkan mereka. Di samping itu, kehadiran ribuan pesakit setiap hari ke hospital ini dari seluruh pelosok negeri Sabah untuk mendapatkan rawatan memberikan tekanan kerja yang tinggi sekali kepada doktor dan jururawat. Di samping itu, prosedur penting seperti pembedahan juga kadangkala menjadi lambat berikutan dengan jumlah pesakit yang ramai. Dalam erti kata lain, Hospital Queen

Elizabeth sudah tidak mampu lagi untuk menampung jumlah pesakit yang hadir setiap hari.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]**

Maka saya berpendapat, penyelesaian jangka panjang untuk masalah ini adalah dengan membina sebuah hospital baru di Bandar Satelit Kota Kinabalu iaitu Daerah Penampang. Saya amat yakin bahawa kehadiran sebuah hospital yang baru di Penampang mampu mengurangkan kesesakan yang sedang dialami di Hospital Queen Elizabeth serta tekanan kerja yang dihadapi oleh doktor-doktor serta jururawat yang bertugas. Ini adalah kerana kehadiran sebuah hospital di daerah ini juga akan mampu menyediakan khidmat rawatan kepada penduduk di sekitar Daerah Papar, Putatan, Inanam dan kawasan-kawasan lain yang berdekatan. Seperti orang Sabah selalu cakap, “Jangan alang-alang bah”. Jadikan sebuah hospital di Daerah Penampang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga telah memperuntukkan sebanyak RM312 juta dalam projek menaiktarafkan beberapa lapangan terbang di Sabah dan Sarawak seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sandakan serta Mukah dan lain-lain untuk keselesaan penumpang. Negeri Sabah dan Sarawak sememangnya layak menerima penaik taraf ini kerana kedua-dua buah negeri ini ialah pengeluar minyak utama di Malaysia. Saya ingin memberitahu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tentang aspek keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang diragui dan sedang hangat diperkatakan oleh juruterbang-juruterbang yang mendarat di lapangan terbang tersebut.

Lapangan terbang tersebut masih belum mempunyai - dalam bahasa Inggeris, *Instrument Landing System* ataupun *Transponder Landing System* dan Malaysia Airports Berhad telah mengakui bahawa instrumen ini hanya akan dipasang pada hujung tahun 2014. Maka saya juga ingin mengingatkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan agar tidak mengutamakan aspek kecantikan dan keselesaan sahaja di lapangan terbang semata-mata. Akan tetapi haruslah menitikberatkan aspek keselamatan. Selain daripada itu, adakah peruntukan tersebut juga merangkumi kerja-kerja pengapalan jalan yang menghubungkan Kota Kinabalu *Airport 1* dan *2* yang kini dalam keadaan yang amat menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan *flood mitigation measure* yang mana beliau telah membentangkan pada hari Jumaat yang lepas. Beliau telah mengumumkan sebanyak RM 659 juta kepada Muar di Johor, Pekan di Pahang dan beberapa tempat tetapi tidak disebutkan di daerah-daerah yang perlu *flood mitigation measure* ini di Sabah dan juga di Sarawak. Diharapkan agar Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan akan membuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah banjir yang agak teruk di Sabah dan Sarawak pada setiap kali hujan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur apabila Menteri Kewangan masih lagi ingat dengan fakta sejarah bahawa 16 September 1963, Sabah, Sarawak dan juga Singapura dengan Tanah Malaya telah bersetuju untuk membentuk Malaysia. Kita faham dan ingati bahawa ramai yang telah membuat rundingan pada waktu itu. Apabila Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyebutkan 16 September, saya berterima kasih daripada Penampang dan mengambil ini sebagai pengiktirafan kepada Sabah dan Sarawak bahawa Sabah dan Sarawak adalah rakan kongsi sesama dalam Persekutuan Malaysia ini.

#### ■1200

Walau bagaimanapun, pelbagai insiden yang terjadi di persada nasional baru-baru ini telah turut sama membabitkan Sabah dan Sarawak. Insiden-insiden ini telah memperlihatkan bagaimana mekanisme atau pun instrumen-instrumen perlindungan Sabah dan Sarawak yang lebih dikenali sebagai *Inter-Governmental Report* yang di enact kan di dalam Perjanjian Malaysia 1963 termasuk juga dengan perkara 20, perkara 18 di Sarawak telah menerima serangan bertubi-tubi.

Dalam konteks ini Sabah dan Sarawak telah bersetuju untuk membentuk Malaysia dengan syarat bahawa tidak akan ada agama rasmi di Sabah dan Sarawak. Namun adalah amat menyedihkan apabila terdapat segolongan kepimpinan di Malaysia telah memperkecilkan hakikat ini dengan menjadikan agama Kristian sebagai sasaran semata-mata untuk mendapatkan sokongan politik. Buku suci al-Kitab telah dirampas, di cop malah juga diugut oleh Ibrahim Ali untuk dibakar. *The latest being the seizure*, dengan izin, di *Airport* Kota Kinabalu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran kerana bekerja dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk menyelesaikan masalah itu. Akan tetapi kami harap dari Penampang bahawa ini tidak akan terjadi sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu Sabah dan Sarawak telah pun menegaskan melalui mekanisme-mekanisme ini bahawa proses Borneonisasi haruslah dilaksanakan dalam jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, proses Borneonisasi ini sekali lagi diperlekehkan apabila lima orang hakim di Sabah yang bertugas di mahkamah Kota Kinabalu sebagai *Magistrate Session Court* dan timbalan *registrar* telah diarahkan berpindah ke Semenanjung Malaysia pada November yang akan datang ini. Mereka telah diarahkan atas alasan integrasi nasional dan saya syak bahawa pengganti mereka bukannya datang dari Sabah. Secara kabetulannya kelima-lima hakim ini adalah berasal daripada kaum saya, Kadazan dan datang daripada Penampang, daerah saya. Kelima-lima mereka.

Saya merayu sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen dari Borneo untuk menggesa kerajaan untuk hentikan arahan perpindahan lima hakim ini dan laksanakan Borneosasi di mahkamah-mahkamah di Sabah seperti mana yang telah dipersetujui dalam pembentukan Malaysia. Dengan izin, *there is no interference or breach of the separation of powers* kerana hal ini adalah hal dalam *Public Service Department*.

Pada masa yang sama saya merayu lagi kepada Ahli-Ahli Parlimen dari Borneo untuk menyokong juga usul saya di Dewan ini untuk mengembalikan hak imunisasi Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dengan sepenuhnya kepada Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Ini selaras dengan Perjanjian Malaysia.

Keduanya, usul saya untuk mengganti Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dengan seorang yang faham penuh dengan *judicial autonomy*, dengan izin, di Sabah dan Sarawak, perkara 18 dan perkara 20 di Sabah dan Sarawak dan juga Perjanjian Malaysia. Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada masa ini telah membuat keputusan yang tidak tepat, tidak menghormati Perjanjian Malaysia lebih lagi Borneonisasi yang terdapat dalam perkara 18 dan perkara 20. Ada juga saya rasa *there is a displacement*, dengan izin, kepada kaum saya di Mahkamah Sabah kerana bila lima hakim ini dipindahkan, tiada lagi Kadazan yang memegang jawatan setinggi *magistrate session* dan *Deputy Registrar* di Sabah.

Selain daripada itu, saya berpendapat bahawa proses integrasi nasional pegawai-pegawai kerajaan seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak hanya boleh dicapai apabila proses Borneonisasi telah mencapai matlamatnya di Sabah dan Sarawak terlebih dahulu. Yakni anak-anak watan dari Sabah dan Sarawak telah pun mengetuai dan mentadbir sendiri jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak, namun apa yang kita lihat ialah hampir kesemua jabatan ini masih lagi dikuasai dan ditadbir oleh

pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia. Bukan kah ini sama seperti pegawai-pegawai British masih mentadbir Sabah dan Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa bajet ini tidak mengulas berkenaan dengan permintaan rakyat Sabah untuk mengkaji balik atau meningkatkan royalti ke atas petroleum dan gas di Sabah. Rakan saya Yang Berhormat Tuaran telah mengusulkan 10% soal royalti minyak kepada kerajaan tetapi saya dan rakan Pakatan Rakyat lebih-lebih lagi dari Penampang mengusulkan 20% dan bukan 10%. Sabah dan Sarawak adalah bumi bertuah yang diberkati dengan simpanan petroleum dan gas yang amat banyak sekali. Masanya sudah tiba untuk kita merujuk kembali Akta Pembangunan Petroleum 1974 untuk membolehkan Sabah dan Sarawak termasuk negeri-negeri seperti Terengganu dan Kelantan untuk mengendalikan hak-hak kepada gas dan minyak di negeri-negeri tersebut.

Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semenanjung yang berada di dalam Dewan ini pergi ke Sabah dan Sarawak, kamu semua akan mengetahui bagaimana rakyat Sabah dan Sarawak kini merasakan bahawa Sabah dan Sarawak- saya rasa Terengganu dan juga Kelantan cuma dipergunakan untuk kepentingan kewangan Kerajaan Persekutuan sahaja. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat pergi ke Sabah dan Sarawak, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh log in ke *blog*, *Facebook* dan layari laman web untuk membaca sendiri keluhan demi keluhan yang diluahkan oleh rakyat Sabah dan Sarawak mengenai hal ini. Persoalannya, adakah ini yang kita dari Sabah dan Sarawak mahukan pada pembentukan Persekutuan Malaysia ini? *I am sure we can solve this.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gua Musang telah mendedahkan pada 25 September 2013 yang lalu dalam forum bertajuk, “*Malaysia and the Non-Fulfillment of the 20 and 18 Point Agreements with Sabah and Sarawak,*” dengan izin, bahawa mekanisme perlindungan Sabah dan Sarawak iaitu perkara 20 dan perkara 18 sepatutnya dirujuk semula pada tahun 1973. Walau bagaimanapun, rujukan yang sepatutnya dibuat pada tahun 1973 ini tidak menjadi kenyataan dengan kematian kejutan *Chairman Review Committee* itu iaitu arwah Tun Dr. Ismail Abdul Rahman merangkap Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu dan selepas itu perkara 18 dan perkara 20 lenyap dari sejarah Malaya.

Seterusnya Sabah memasuki era di mana Perjanjian Malaysia 1963, perkara 20 dan perkara 18 telah menjadi *taboo*, dengan izin, yang tidak boleh diperkatakan secara

terbuka dan juga sebagai perkara remeh seperti alasan yang diberikan apabila Penampang membuat soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Sorry?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Gulung.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Berkennaan dengan isu 20 perkara. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa ramai Ahli Yang Berhormat dari Semenanjung Malaysia faham dengan keadaan di Sabah dan Sarawak. Saya telah pun berbincang dengan sebahagian daripada kamu baik daripada Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Rakan-rakan yang saya tabik ini adalah rakan Ahli Yang Berhormat yang percaya dengan prinsip rakan kongsi atau *equal partnership* antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Mereka akan berdiri di samping dan bersama kita kerana mereka merasakan kita telah kehilangan maruah atau pun *dignity*, dengan izin, sebagai rakan kongsi serta semangat dan matlamat pembentukan Malaysia yang sebenar. Oleh yang demikian pada hari ini dan di Dewan yang mulia ini, saya sebagai Ahli Parlimen Penampang, Sabah mengusulkan agar rujukan semula dilaksanakan ke atas perkara 20 dan perkara 18, Perjanjian Malaysia 1963 dan meminta untuk menu buhkan sesuatu *caucus* Borneo.

Saya menjemput semua Ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak Borneo yang telah dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama sekali lagi *review* atau merujuk balik pada tahun ke-50 Malaysia ini. Dengan tujuan untuk menggunakan Artikel 8 dalam Perjanjian Malaysia 1963 dengan tujuan spesifik untuk rujuk balik bagi mempertahankan maruah Sabah dan Sarawak serta mekanisme perlindungan 20 perkara dan 18 perkara ini dengan instrumen-instrumen yang berkaitan pada pembentukan Malaysia, atau juga satu *White Paper* berkenaan dengan isu pembentukan Malaysia. Isu *Inter-Governmental Report*, Malaysia negeri tahun 1963, 20 perkara, 18 perkara supaya kita dapat bahaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

## ■1210

Dengan izin, *we deserved what we should have* sebagai rakan kongsi di Persekutuan Malaysia, dan semuanya terpulang kepada anda semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari Borneo yang di dalam Dewan ini. Harus diingat, kita semua mempunyai tanggungjawab moral untuk memastikan agar Sabah dan Sarawak bergerak ke arah yang sepatutnya, dan bukan dijadikan hamba semata-mata. Marilah kita menentukan masa

depan kita sebagai rakan kongsi *on an equal voting*, dengan izin, dan bukan menjadi koloni semata-mata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang, dan tolak cadangan dalam bajet yang tidak adil kepada Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, saya ingatkan bahawa semalam telah diputuskan perbahasan selepas Yang Berhormat Penampang ini, tidak melebihi 15 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh hendak baca surat Yang Berhormat Bakri? Saya baca surat Yang Berhormat Bakri, "Sila beri seorang 10 minit berucap, sebab sekurang-kurangnya ada 40 orang belum berucap. Harap dipertimbangkan. Terima kasih - Yang Berhormat Bakri".

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tidak cukup. Selama 10 minit tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Sik.

## 12.12 tgh.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamumalaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH. Salam 1Malaysia [*Mengucapkan salam dalam bahasa Cina, Tamil dan Siam*]

Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Alor Gajah dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat lain ingin mengucapkan selamat datang kepada pengundi-pengundi Alor Gajah dari Melaka [*Tepuk*]

Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan sebaris ayat [*Membaca beberapa potong ayat Al-Quran*] Tuan Yang di-Pertua, pertama kali saya ingin mengucapkan tahniah dan sangat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan sebuah bajet yang begitu mantap dan jitu yang merangkumi semua lapisan rakyat bagi memacu Malaysia ke arah sebuah negara yang berdaya saing setanding dengan negara-negara maju. Pembentangan bajet ini juga menyerlahkan lagi kehebatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam keadaan di mana kebanyakan negara-negara di dunia menghadapi krisis ekonomi termasuk negara-negara di Eropah seperti Greece dan Amerika Syarikat sendiri. Perdana Menteri

yang tercinta terus gagah dan bergaya memimpin ekonomi Malaysia sehingga beliau mendapat pujian dari pemimpin-pemimpin dunia yang terkenal. Syabas Dato' Sri Mohd Najib.

Bagi memikul amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada saya oleh penduduk Parlimen Sik, saya ingin menyokong Bajet 2014 ini yang saya yakin mampu memangkinkan perkembangan ekonomi negara yang menjadi prasyarat kepada kelangsungan proses pembangunan negara lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar seperti Parlimen saya. Saya penuh yakin bahawa bajet ini telah dirangka secara teliti dan terperinci agar impak dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan perbezaan geografi.

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini bagi memohon agar sebahagian daripada bajet disalurkan ke kawasan seperti mana umum mengetahui Parlimen ini adalah sebuah Parlimen luar bandar dan agak tercincir dari arus pembangunan perdana. Perhatian dan peruntukan yang lebih haruslah diberi kepada kawasan-kawasan Parlimen luar bandar yang agak mundur seperti ini kerana kami menyumbang banyak Kerusi Parlimen kepada Barisan Nasional. Saya akan menyentuh atau komen tentang bajet yang lebih keutamaannya atau lebih relevan dengan kawasan luar bandar. Kalau saya tidak ketengahkan sekarang, bila lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang pertanian. Kerajaan telah memperuntukkan RM6 bilion untuk program pertanian yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan berdaya komersial. Antara inisiatif utama ialah menujuhan *Food and Agro Council for Export* (FACE) akan dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang bertindak sebagai pemudah cara untuk meningkat eksport produk pertanian tempatan. Majlis ini untuk menambah eksport hasil pertanian tempatan. Selain dari itu, FAMA juga diharap dapat memainkan peranan yang lebih strategik dengan konsep dari ladang ke pasaran eksport. Sebanyak 60 pasar tani, 50 pasar ikan dan 50 karavan tani akan dibuka selain memperluaskan 100 buah gerai buah-buahan oleh FAMA dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang akan dapat memberi kemudahan kepada peniaga, penjual secara langsung dari luar bandar. Saya cadangkan kepada FAMA supaya banyak pasar tani atau karavan dibuka di kawasan-kawasan luar bandar seperti kawasan saya. Saya juga mencadangkan agar inisiatif FACE segera di kawasan saya agar hasil pertanian tidak terbiar dan dapat dieksport.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dato' Sri Mohd Najib kerana meneruskan bantuan subsidi dan inisiatif berjumlah RM2.4 bilion yang

mana merangkumi subsidi baja, benih dan harga padi. Insentif pengeluaran dan peningkatan hasil padi, subsidi harga beras, insentif hasil tangkapan nelayan sama ada nelayan laut atau nelayan darat yang terdapat di kawasan saya di mana terdapat dua tasik di mana orang-orang tempatan mendapat hasil perniagaan daripada tangkapan ikan.

Pelaksanaan program penanaman semula getah dan kelapa sawit serta ladang hutan yang mana telah diperuntukkan sebanyak RM200 juta. Peruntukan RM630 juta di bawah Bidang Utama Negara bagi meningkatkan produk serta menghasilkan produk pertanian yang mempunyai permintaan tinggi, ianya merangkumi sektor-sektor seperti tanaman padi, ternakan ikan dalam sangkar, burung walet, herba bernilai tinggi serta sayuran dan buah-buahan yang mana boleh diperuntukkan juga kepada Parlimen luar bandar. Perwujudan *Bioeconomy Community Development* dengan membangunkan tanah-tanah terbiar melalui aplikasi *biotech* dan penanaman kontrak adalah dialu-alukan sangat.

Saya mencadangkan agar *Bioeconomy Community Development* ini juga dilaksanakan di Parlimen Sik kerana Parlimen Sik mempunyai tanah-tanah terbiar yang luas. Kerajaan mesti membuat satu sistem yang berkesan kerana tanah-tanah terbiar ini tidak tertumpu di satu kawasan tetapi berselerak merata-rata. Jenis pertanian yang sesuai juga mestilah dikenal pasti supaya projek ini menjana hasil yang diharapkan dan tidak gagal. Satu lagi nikmat bajet ini kepada peniaga-peniaga kecil yang boleh dimanfaatkan di kawasan ialah kerajaan memperuntukkan sejumlah RM100 juta yang mana akan dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional bagi membantu peniaga-peniaga pasar malam.

Peniaga-peniaga pasar malam yang mendapat bantuan ini sudah tentu berselerak di seluruh kawasan, mestilah dipantau dari semasa ke semasa supaya dana bantuan ini tidak disalahgunakan. Ini kerana peniaga-peniaga pasar malam mempunyai premis yang tetap dan mereka boleh pergi ikut suka dan tanggungjawab membayar pinjaman ini sudah tentu akan merugikan kerajaan dan wang rakyat jika mereka mengabaikan pembayaran pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan. Sebanyak RM54 bilion telah diperuntukkan. RM500 juta bagi program prasekolah dan penambahan 93 buah prasekolah di sekolah rendah kebangsaan. RM160 juta diperuntukkan bagi memperluaskan akses *internet* di sekolah di kawasan-kawasan luar bandar, *alhamdulillah*. Sebanyak RM800 juta peruntukan untuk membina 33 sekolah baru dan menaik taraf sekolah yang sedia ada. Saya hari ini sekali lagi meminta supaya membina

sekolah asrama penuh di kawasan Parlimen saya, cawangan UiTM, cawangan universiti dan juga universiti-universiti induk.

Pada 8 Julai yang lepas, Menteri dan Timbalan Menteri KKLW telah mengumumkan di Parlimen pembinaan MRSM di Sik. Diharap pembinaan ini dapat dipercepatkan, kalau boleh permulaan prosesnya berlaku pada tahun hadapan. Bantuan RM100 untuk pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah diteruskan. Baucar Buku 1Malaysia untuk prauniversiti dan IPT sebanyak RM250 juga diteruskan. Terima kasih banyak Dato' Sri Mohd Najib.

Berkenaan dengan pembangunan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kawasan luar bandar merangkumi 70% daripada keluasan negara termasuk Parlimen Sik. Menyedari kepentingan serta potensi kawasan luar bandar, kerajaan telah menetapkan pembangunan luar bandar sebagai salah satu teras utama belanjawan bagi tahun 2014. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM4 bilion khusus untuk pembangunan luar bandar. Kita harap pembangunan kawasan luar bandar ditumpukan bagi memastikan tiada golongan terpinggir daripada pembangunan arus perdana di bandar-bandar. Ianya termasuk RM900 juta menaik taraf 450 kilometer jalan luar bandar.

#### ■1220

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, secara spesifiknya saya meminta agar kerajaan memberi peruntukan kepada jalan luar bandar di Parlimen Sik. Jalan utama di dalam Dewan Undangan Jeneri yang menyusuri sebelah barat Banjaran Bukit Enggang ke Belantik sudah teruk dan rosak. Nampak seperti jalan tahun 80-an ataupun 90-an. Mestilah diperbaiki dengan serius. Malah, sebahagian dari jalan utama ini yang melalui Kuala Kerik dan Kampung Betong tidak ubah seperti jalan mini tar kampung yang bengkang bengkok yang berdekatan dengan rumah-rumah penduduk di situ.

Begitu juga jalan utama dari Pekan Jeniang menyusuri sebelah timur Banjaran Bukti Enggang merentasi Pekan Sik ke Belantik mesti dibuat empat *lane* kerana kenderaan sudah banyak dan kadang-kadang sudah *jammed*. Kadang-kadang sudah hendak potong kerana hanya ada dua *lane*. Saya ingin membangkitkan perkongsian JKR Kuala Muda Sik sekali lagi. Saya harap ini dipercepatkan. Berilah seorang jurutera sepenuh masa untuk Daerah Sik.

Bayangkan kalau seorang doktor, mana mungkin pesakit akan mendapat rawatan terbaik jika seorang doktor menjaga dua hospital. Kalau nasib baik pesakit itu lambat dirawat. Kalau nasib tidak baik, pesakit itu mati dahulu sebelum doktor sampai. Mini tar di kawasan-kawasan kampung juga mesti ditambah. Saya sangat-sangat yakin kepada

Menteri KKLW meluluskan permintaan-permintaan yang kita minta. Ini adalah kerana kita memberi undi yang banyak kepada naib presiden ini. Tahniah Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal *[Tepuk]*

Kita mengharapkan dari peruntukan RM450 juta Bekalan Air Bersih Luar Bandar di bahagikan dan disalurkan kerana masih banyak kawasan-kawasan yang tidak dapat bekalan air bersih. Begitu juga dengan bekalan elektrik dan peruntukan bajet yang banyak. Peruntukan baik pulih 20,000 buah rumah sebanyak RM180 juta saya harap dapat dipertimbangkan dan diberi kepada baik pulih beratus-ratus rumah di Bandar Baru Beris Jaya. Bandar Baru Beris Jaya di Daerah Sik adalah satu kawasan penempatan pemindahan penduduk yang terlibat dengan pembinaan Empangan Beris selain daripada baik pulih rumah-rumah miskin yang lain di Daerah Sik.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi akses ....

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Minta laluan Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Anak manakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Boleh? Ya, 'pak manakan'.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Hendak tolong kah?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tolong, tolong.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tolong, okey.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih 'pak sedara' Sik. Tadi Yang Berhormat sebut mengenai keperluan jalan-jalan kampung, mini tar dan sebagainya. Jadi, minta daripada Kementerian Luar Bandar untuk memperbanyakkan di kawasan luar bandar seumpama Sik.

Saya pernah pergi ke Sik dan pernah mendapat satu rungutan daripada rakyat Sik yang mengatakan bahawa dalam soal membina mini tar untuk masuk ke kampung-kampung ini, kadang-kadang ada projek terpilih. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu. Dia dalam satu kampung sebagai contohnya, tar itu dibuat daripada jalan besar sampai ke rumah JKKK. Selepas pada itu tidak buat dah kerana mungkin orang dalam itu tidak sokong JKKK kah macam mana tidak tahulah. Perkara ini banyak berlaku.

Oleh sebab itulah kita masuk satu kampung ada jalan tar, kemudian terputus dengan tidak ada jalan tar, sambung balik jalan tar. Jadi ini seumpama pembangunan terpilih dalam memberi kemudahan kepada rakyat. Saya minta Yang Berhormat Sik bagi komen sedikitlah perkara yang benar ini. Terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ini bukan hendak tolong ini. Saya ingat peruntukan sampai takat itu, maka jalan pun sampai takat itulah *[Ketawa]* Tuan Yang di-

Pertua, dari segi akses internet kita mendengar banyak aduan sistem telekomunikasi tidak terdapat di kawasan luar bandar. Justeru itu, kita menyambut baik apabila 1,000 pemancar telekomunikasi akan dibina dalam tempoh tiga tahun dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion untuk meningkat liputan *internet* di kawasan luar bandar. Pada masa yang sama juga pernah terjadi seperti di kawasan saya di mana terdapat 7 pemancar tetapi di antara 7 pemancar itu tidak ada liputan sekeliling bagi tiga pemancar yang telah lama siap dibina. Di manakah silapnya?

Jadi, jika banyak pemancar dibina di masa hadapan di kawasan luar bandar, kita kena kenal pastikan bahawa pemancar itu dapat memancarkan liputan. Jumlah RM1.6 bilion diperuntukkan untuk jalur lebar berkelajuan tinggi atau *high speed broadband* (HSBB) di pinggir bandar berikutan dari *high speed broadband* fasa kedua kawasan bandar. Projek berkenaan yang akan dijalankan dengan kerjasama pihak swasta dijangka akan meningkatkan lagi kelajuan *internet* kepada 10 MB sesaat. Ini akan memanfaatkan 2 juta pengguna pinggir bandar termasuk pengguna-pengguna di kawasan persekitaran Pekan Sik. Walau bagaimanapun, kita berharap HSBB ini akan dapat dinikmati dengan sempurna di pinggir bandar seperti mana yang dinikmati oleh kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi peruntukan pelancongan, Daerah Sik mempunyai bentuk muka bumi yang memungkinkan sektor pelancongan dapat dimajukan dengan pesat sekiranya dapat ditangani dengan baik. Dari segi *Agro Tourism* terdapat satu-satunya ladang anggur yang besar di Sik di kawasan utara Malaysia. Manis, dan ladang lada hitam. Peruntukan sebanyak RM2 bilion dari tabung khas infrastruktur pelancongan melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk membangunkan pusat pelancongan, pusat peranginan, taman tema dan perkara-perkara yang berkaitan dengan sektor pelancongan dapat dimanfaatkan oleh rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kesihatan kerajaan terus menyediakan perkhidmatan kesihatan yang baik serta berkualiti kepada rakyat. RM22 bilion peruntukan untuk perbelanjaan kesihatan yang merangkumi perbelanjaan operasi dan pembangunan. Selain daripada bekalan ubat, rawatan perubatan, peralatan perubatan, penambahan jururawat, hospital-hospital pakar *cardiothoracic* sebagai menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada rakyat yang mengidap penyakit buah pinggang atau *end stage renal failure*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kita sedar bahawa kerajaan begitu prihatin untuk membantu terus kepada rakyat dalam bidang kesihatan dan kita nampak berbilion-bilion ringgit disediakan sama ada melalui klinik kesihatan, perubatan dan sebagainya. Kerajaan juga prihatin kepada penyakit-penyakit kritikal seperti buah pinggang dan diberi sebuah mesin untuk rawatan buah pinggang sebanyak RM19,000 satu unit.

Jadi, dalam masa yang sama pembangkang pula menyatakan bahawa tidak ada apa-apa untuk rakyat dalam bajet ini. Jadi, boleh kah Yang Berhormat menghuraikan bahawa bajet yang diberi pada 2014 ini merupakan satu bajet untuk rakyat, datang daripada rakyat dan dikembalikan kepada rakyat. Bukan seperti dakwaan pembangkang yang kononnya bajet ini tidak ada apa-apa untuk rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ya, sedikit. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Kinabatangan dalam ucapan saya. Penyakit buah pinggang yang kronik dan *end stage* ini terpaksa melakukan hemodialisis. Kerajaan akan membekalkan secara percuma kit rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) yang bernilai RM19,000. Sebenarnya itu bukan hemodialisis. RM19,000 adalah CAPD unit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sik sekejap boleh? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak ada masa dah Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Satu minit Tuan Yang di-Pertua. Boleh? Satu minit. Pertamanya terima kasih kerajaan kerana prihatin berikan CAPD ini secara percuma. Setujukah Yang Berhormat Sik yang saya tekanan sekarang ini mencegah adalah lebih baik dari merawat dan lebih mudah dan lebih murah. Dan *CKD – chronic kidney disease* boleh dihalang, kebanyakan CKD disebabkan oleh kencing manis yang mana disebabkan oleh obesiti. Ini kerana rakyat telah mengambil karbohidrat yang tinggi terutamanya gula. Dengan penghapusan subsidi gula, rakyat sepatutnya sedar dan insaf untuk kurangkan gula dalam kehidupan dan kita patut berterima kasih kepada kerajaan, dengan perubahan sikap yang sedikit ini kita akan lebih sihat dan dapat memakmurkan negara. Setujukah Yang Berhormat Sik?

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Saya sangat setuju dengan Yang Berhormat Bagan Serai dan masuk dalam teks ucapan saya. Tindakan kerajaan ini memberi CAPD yang percuma. Adalah satu rawatan yang bijak kerana CAPD lebih murah kosnya berbanding dengan proses hemodialisis dalam jangka masa panjang. Setiap kali hemodialisis berharga RM400, pesakit perlu membuat hemodialisis sebanyak tiga kali seminggu. Ini bermakna pesakit perlu membelanjakan lebih kurang RM4,000 sebulan. Bayangkan dalam masa setahun, lebih kurang RM45,000. Saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali, isu yang terakhir ialah perumahan. Hasil nikmat daripada Belanjawan 2014, rakyat dapat terus menikmati dan memiliki rumah dalam Skim Perumahan JPN, PR1MA, SPNB, myHome dan swasta sebanyak 200,000 buah rumah pada tahun depan. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dan akhir kata, saya Sudah perbahasan saya ini dengan kata-kata, marilah kita sama-sama berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dan bersyukur kepada Allah SWT.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh sebut nama. Ahli Yang Berhormatlah, sebut kawasan Yang Berhormat Pekan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, yang itu betul Yang Berhormat.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih, masuk ucapan saya. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh, terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu tidak perlu masuk dalam ucapan.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pekan. Akhir sekali, saya akhiri ucapan saya dengan ayat *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Sik mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

### **12.33 tgh.**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh, bismillahi rahmanir rahim. Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat telah pun mendengar pembentangan Belanjawan 2014 pada 25 Oktober tentang dasar perbelanjaan kerajaan dan apa yang ketara adalah cara menangani isu-isu dari

Laporan Ketua Audit Negara tentang ketirisan, pembaziran tidak akan diselesaikan. Sepatutnya ini menjadi perkara pokok.

Dalam bilangan 1.4 juta pekerja awam iaitu terbesar di dunia, sepatutnya cara mengatasi masalah dalam *Auditor General's Report*, dicadangkan oleh kerajaan melalui *redeployment* pekerja-pekerja. Tanpa mengakui masalah sebenarnya yang wujud, kerajaan tidak akan mengatasi masalah kewangan negara sampai bila-bila pun.

Belanjawan menyatakan secara kuantitatif apa yang akan dilaksanakan tetapi tidak menyentuh secara kualitatif, apakah manfaat kepada rakyat terutamanya yang miskin. Laporan Ketua Audit Negara melaporkan;

- (i) kelemahan pelaksanaan projek berpunca dari kurang pemantauan. Maksudnya, kecuaian dan ia juga menyatakan syarat kontrak tidak selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan. Maksudnya, kerajaan arah dan kerajaan sendiri ingkar,
- (ii) Audit melapor 83 projek Kementerian Kerja Raya mansuh dan hanya RM1.1 bilion dari RM2.2 bilion bon pelaksanaan dikutip balik iaitu 50% berkurangan. Maksudnya, penguatkuasaan lemah atau *no political will to enforce*, dengan izin.
- (iii) *Auditor General's Report* juga melaporkan bahawasanya reka bina atau *design and build* secara rundingan terus patut dikaji semula kerana kosnya terlalu tinggi. Maksudnya, adalah setiap tahun pembaziran berlaku.

Saya percaya tahun depan isu-isu ini akan diulang dalam Laporan Audit dengan tambahan contoh-contoh. Di Terengganu, contohnya adalah projek pembaziran iaitu Pusat Bebas Cukai Hutan Tasek Kenyir Hulu Terengganu sedang dijalankan walaupun surat jawapan Kementerian Kewangan kepada saya bertarikh 1 Oktober 2013 menyatakan status bebas cukai lulus secara prinsip sahaja, bersyarat kajian daya saing dan impak minimum alam sekitar disiapkan.

Akan tetapi hari ini projek separuh siap. Kos projek ini menelan belanja RM300 juta kompleks bebas cukai sahaja dan Pulau Bayas di mana kompleks ini didirikan telah botak daripada apa-apa pertumbuhan atau pokok, gondol. Di manakah *ecotourism* akan berlaku di Kenyir kalau inilah daya tarikan pertama untuk mereka datang ke Kenyir. Talian elektrik di sini juga telah merintangi 33 kilometer daripada Tanah Besar melalui beberapa puluh pulau, memakan belanja RM30 juta. Padahal masalah sama elektrik dapat diatasi dengan hanya dengan membina dua *genset* iaitu belanjanya hanya RM500,000. Kenapa mesti

belanja RM30 juta? Sementara ramai orang Melayu Hulu Terengganu tiada elektrik dan dalam keadaan yang daif. Orang asal Orang Asli masih merayau-rayau di hutan Kenyir dan hutan Taman Negara. Di manakah konsep rakyat di dahulukan? Ini saya pasti akan muncul di dalam Laporan Audit Negara tahun depan.

Contoh kedua yang akan diulangi pembaziran adalah pelanggaran dua jabatan kerajaan, syarat-syarat yang ditentukan oleh jabatan kerajaan iaitu JPS dan juga Jabatan Alam Sekitar dan dalam penambakan dan muka Kuala Sungai Terengganu. Projek ini rundingan terus secara *design and build*, memakan belanja lebih kurang RM150 juta telah dilakukan walaupun *Auditor General's Report* berkali-kali menyatakan *design and build* rundingan terus patut tidak diadakan kecuali dalam keadaan yang amat luar biasa.

Keadaan penambakan ini dilakukan dalam keadaan 180 ekar *reclaimed land* sudah lapan tahun siap dan tidak ada apa-apa lagi pun dibina. Dalam melaksanakan projek ini juga tiada kajian EIA dan tiada kajian *hydrology study* yang wajib dijalankan telah dibuat oleh pemaju atau kontraktor. Saya telah mendapat pengesahan dari JPS melalui surat mereka bertarikh 4 September, tiada EIA, tiada hidrologi yang diperlukan telah disiapkan. Saya juga telah menerima surat daripada Jabatan Alam Sekitar, 25 September. Menyatakan yang sama, bahawa tiada EIA dan *hydro study* telah dijalankan. Jadi, syarat jabatan-jabatan kerajaan telah dilanggar oleh kerajaan sendiri untuk mengejar projek untuk apa? Bukan projek keperluan tetapi projek keindahan sahaja.

Satu lagi yang ingin saya timbulkan di sini, apa yang dikatakan oleh Audit Negara. Jabatan berkenaan mestilah bertanggungjawab tetapi di dalam kerja penambakan di dalam Sungai Kuala Terengganu ini yang begitu padat dengan penduduk, JPS yang sepatutnya memantau projek ini tidak diberi tanggungjawab kerana JPS tidak bersetuju dengan projek ini atas sebab-sebab yang disebut tadi.

Sebaliknya, JKR pula yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan projek di dalam sungai. Jadi, dalam keadaan yang kita tahu cuaca di Filipina, di Vietnam, di China, tengkujuh amatlah berat dan amatlah kronik sekarang ini. Siapakah yang akan bertanggungjawab jika apa-apa berlaku jikalau JPS tidak diberi tanggungjawab untuk memantau kawasan di bawah tanggungjawabnya.

Semalam, pada 29 Oktober, Timbalan Menteri Kerja Raya telah menyebut bahawa kontraktor-kontraktor yang bermasalah disenaraihitamkan. Saya ingin soalkan di sini, dua masjid yang runtuhan di Terengganu iaitu di Binjai Kertas pada awal tahun ini dan di Batu Putih tahun 2009, telah runtuhan bumbung di dalam masjid yang dibina oleh satu kontraktor yang sama, menggunakan kepakaran *lightweight cold steel form*. Kenapakah kontraktor

yang telah bermasalah ini, telah runtuh pada tahun 2009, dibenarkan lagi membina sebuah lagi masjid yang runtuh pula pada bulan lepas. Kami difahamkan, kontraktor yang sama juga mendirikan beberapa lagi projek kerajaan di mana tidak ada apa-apa tindakan diambil.

■ 1240

Sama juga saya ingin katakan di sini. Pada sidang Parlimen Pertama tahun ini, saya telah menyatakan dan meminta Kementerian Kerja Raya menyatakan, siapakah yang bersalah dalam keadaan runtuhnya bumbung Stadium Terengganu. Ini kali ketiga Parlimen bersidang tahun ini tetapi masih juga tidak ada jawapan. Jadi, ironi pada isu masjid tadi adalah dalam isu kalimah Allah, ramai sangat prihatin. Ramai sangat bersemangat tetapi dalam isu rumah Allah dan keselamatan nyawa hamba Allah yang beribadat dalam masjid, tidak dipedulikan oleh pihak yang berkuasa. Di manakah keprihatinan kerajaan menjaga keselamatan jemaah dan mereka yang memasuki rumah Allah? Berapa lagi bangunan kerajaan yang dibina oleh kontraktor yang sama, yang berisiko tinggi, yang tidak dipantau oleh Jabatan Kerja Raya?

Semalam Yang Berhormat Kota Raja menyamakan GST dengan pukat tunda. Saya setuju analoginya kerana ikan kecil dan besar, semua kena. Ikan kecil tidak berpeluang menikmati hidup lama dan semua kena 100% seperti GST. Akan tetapi saya ingin cadangkan, pukat tunda itu diganti dengan ‘pukat jerut’, orang Terengganu kata. Ini kerana ‘pukat jerut’ ini saiz lubang pukatnya ada yang besar dan ada yang sederhana, supaya ikan-ikan kecil terlepas, supaya hidup lebih lama dan membesar, supaya orang miskin lepas dan dikecualikan...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kuala Terengganu, minta laluan. Banyak Yang Berhormat Kuala Terengganu mendedahkan tentang bagaimana projek-projek runtuh dan juga Laporan Audit. Soalan saya ialah bersetuju atau tidak Yang Berhormat Kuala Terengganu, perkara yang berlaku ini kadang-kadang pegawai mengalami permasalahan. Satu, kerana ada arahan yang berbentuk secara mulut. Maka akhirnya, pegawai terpaksa ikut sedangkan risikonya akan dialami oleh pegawai tersebut. Contohnya dalam kes PPRT dalam RM32 juta dulu. Yang terkenanya ialah Setiausaha kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedangkan mereka yang terlibat di atas, tidak terlibat. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju bahwasanya banyak arahan diberi tanpa bertulis dan

banyak profesional yang bertugas dalam kerajaan merasa sangat *frustration* kerana pandangan mereka, profesionalisme mereka tidak diberi pandangan yang sepatutnya. Itu memanglah masalah yang berterusan dan akan berterusan jika tidak ada perubahan daripada sikap penguatkuasaan perjalanan projek.

Saya ingin sambung tentang ‘pukat jerut’ tadi - supaya orang-orang biasa terlepas daripada cukai. Sekarang, hanya 15% rakyat bayar cukai. 85% tidak kerana di bawah RM2,500. Akan tetapi melalui GST, 100% membayar cukai. Untuk meminjam *tagline* AirAsia yang mengatakan ‘Now, Everyone Can Fly’, Kerajaan Malaysia boleh kata, ‘Now, Everyone Can Cry’ kerana semua orang akan membayar lebih daripada sepatutnya. Mengapa kerajaan mengelirukan keadaan GST di Singapura dan Malaysia? Saya ingin nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, Singapura memulakan GST mereka dengan 3%, memakan masa sembilan tahun untuk naik sehingga 4%. Selepas itu mengambil masa selama empat tahun lagi untuk sampai kepada 7% iaitu jangka masa 13 tahun daripada 3% untuk sampai kepada 7%. Malaysia telah *start* dekat 6%.

Perbandingannya, orang kata semalam, “*Malaysia suka meniru*”. Sepatutnya Malaysia patut pandai belajar. Singapura negara maju, Malaysia negara membangun. Tahap kemiskinan rakyat jauh berbeza. Singapura lebih prihatin kepada rakyat dan publisiti meluas bertahun-tahun diadakan sebelum GST dikenakan. Islam adalah sistem yang paling adil. Cukai melalui zakat dan harta dan perniagaan dikenakan untuk mereka yang berada sahaja dan mesti cukup haul tempoh setahun sekurang-kurangnya simpanan. Orang berada sahaja dikenakan dan kadarnya hanya 2.5%. Islam menuntut pemerintah menjual aset dan harta sendiri sebelum rakyat dikenakan cukai bebanan yang terlalu tinggi. Di Malaysia, jurang pendapatan miskin dan kaya semakin jauh. Pada tahun 1970, perbezaan golongan miskin dan kaya adalah RM1,000. Pada tahun 2012, bezanya telah menjangkau RM9,000. 40 orang terkaya di Malaysia mengawal atau kontrol 25% kekayaan negara.

Dalam isu memperkasakan ekonomi bumiputera yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri, saya ingin nyatakan di sini. 40% rakyat Malaysia bumiputera *salarynya* RM4,000 sahaja dan 40% lagi bumiputera gajinya hanya RM1,700 ke bawah. Isu pembangunan usahawan dan memperkasakan ekonomi bumiputera ini dengarnya amat baik tetapi bumi mana, Islam mana? Sepatutnya semua miskin dibela. Kemiskinan tidak mengenal bangsa. Saya ingin menyatakan satu contoh yang mana sepatutnya memperkasakan bumiputera patut dilaksanakan. Contohnya sebuah *supermarket* di Terengganu bernama Sabasun 100% milik bumiputera, 100% rakyat tempatan dan 100%

orang Islam. Sebuah *supermarket* tempatan bersaing dengan Giant dan Mydin yang terletak lebih kurang setengah kilometer sahaja. Selama 12 tahun Sabasun telah berjaya bersaing dengan Mydin dan Giant. Sepatutnya menjadi kebanggaan. Akan tetapi, kerajaan telah tidak memperbaharui lesen Sabasun pada bulan Januari ini dan Sabasun sekarang ini tergantung-gantung.

**Seorang Ahli:** Hidup Melayu!

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Hidup Melayu! *Supermarket* kedua yang Sabasun cadangkan untuk dibina di Gong Badak ditolak dan tanah diambil balik, sementara sebuah Giant yang baru naik di sebelah.

**Beberapa Ahli:** Hidup Melayu! Hidup Melayu!

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ini hidup Melayu sebelum TPPA lagi. Bayangkan apabila TPPA diadakan, di manakah Melayu akan merempat? Kalau kita betullah hendak memperkasakan Melayu, soalnya Melayu mana? Sabasun bukan minta subsidi, bukan minta tanah dan bukan minta geran. Hanya kebenaran untuk bermiaga. Saya nyatakan di sini. Tiga negeri pengeluar minyak iaitu Sabah, Sarawak dan Terengganu, tiga termiskin. Kelantan yang tidak diberi royalti sesen pun tidak termasuk di dalam tiga termiskin kerana pimpinan Tok Guru yang penuh beramanah. Di situlah letaknya. Amanah, bukan wang semata-mata. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Saya ingin menyatakan di sini, tempayan yang bocor, sebelum ditambah air, baik ditampal dahulu. Saya juga ingin katakan di sini - selalu saya katakan tentang minyak Sabah, Sarawak dan Terengganu.

*Di mana ada hutan dan semak,*

*Di situ ada duri,*

*Di mana ada wang dan minyak,*

*Di situ ada pencuri. [Ketawa] [Tepuk]*

Inilah yang menjadi penyakit kita. Tentang transformasi modal insan, kita ingin menyatakan di sini. Pupuk sikap amanah amat penting. Bukan profesional yang hebat kerana kita cukup profesional. Akan tetapi bagaimana profesional pun, kalau tidak amanah, tidak ada integriti, kebocoran, ketirisan akan terus berlaku. Timbalan Perdana Menteri iaitu Menteri Pendidikan menyatakan tahun lepas, “*Pendidikan Malaysia sama taraf dengan US dan UK*” tetapi pada bulan September tahun ini, agensi antarabangsa,

QS menyatakan UiTM jatuh seratus tempat daripada 601 kepada 701. Universiti Malaya yang sama taraf dengan Universiti Singapura jatuh sepuluh tempat. Bertahun-tahun pendidikan mendapat bajet tertinggi di dalam perbelanjaan Malaysia tetapi apakah hasilnya? RM54.6 bilion sebenarnya, tetapi apakah hasilnya? *TalentCorp* yang ingin membawa orang kembali, tidak berjaya.

Saya ingin mengakhiri ucapan saya ini dengan menyampaikan rayuan daripada profesional-profesional, sahabat saya yang meminta peluang untuk berbakti kepada negara dengan memberi kepakaran dan amanah mereka di dalam menangani masalah-masalah kontraktual yang berleluasa yang disebut sepenuhnya di dalam Laporan *Auditor General*. Banyak akauntan, *engineer*, arkitek dan doktor, *migrate*. Bukan orang bukan Melayu sahaja tetapi orang Melayu pun *migrate* ke Australia, ke *Singapore* dan ke UK. Kenapa? Bukan hanya kerana wang ringgi tetapi kerana kepuasan profesional tidak dapat dikecapi di Malaysia dengan banyak campur tangan seperti disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang tadi. Terlalu banyak campur tangan.

Jadi kalau tidak ada lagi profesional di dalam negara, siapakah yang akan memantau projek-projek kita? Bilakah akan habis masalah-masalah ini? Yang paling menghinakan, pihak profesional merintih kerana Dewan yang mulia ini iaitu Parlimen yang telah meluluskan *Akta Minimum Skill of Fees* atau yuran profesional, jurutera dan sebagainya.

#### ■1250

Akan tetapi dalam masa yang sama Perbendaharaan juga yang meminta konsultan memberi diskau yang bukan-bukan. Konsultan di minta beri diskau dan juga masuk tender. Konsultan yang sepatutnya jaga kontrak di minta masuk tender, pemborong yang sepatut dijaga diberi cara rundingan terus. Bagaimana itu Tuan Yang di-Pertua? Orang yang patut beramanah menjaga, ditolak dan dibuli, tetapi mereka yang selalunya tidak membuat projek dan persisiran yang elok diberi keistimewaan. Di mana *Auditor General* mengatakan tidak patut ada lagi rundingan terus, bukan cara tender terbuka. Di sinilah rintihan oleh profesional.

Jadi kalau kita tidak ada profesional dan tidak pula ada profesional yang amanah yang di bawa melalui sistem pendidikan kita, di manakah masa depan negara kita untuk menghadapi tahun 2020. Saya rasa matlamat ini tidak akan dapat dicapai tanpa pembaikan asas atas ini. Iaitu kita perlu pulang kepada asas agama Islam iaitu amanah adalah segala-galanya. Bukan jumlah wang, tetapi secara kebijaksanaan kewangan ini dikendalikan seperti Tok Guru di Kelantan telah mengendalikan Kelantan selama 23

tahun. Bagaimana uzur pun Tok Guru, tetapi sikap amanahnya bukan hanya mengendalikan Kelantan dengan elok, tetapi telah meyakinkan orang bukan Islam, orang bukan Melayu betapa indahnya Islam. Saya di sini ingin mengesyorkan bahawa kajian yang lebih menyeluruh dilakukan untuk memperbetulkan belanjawan yang telah dibentangkan baru-baru ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### **12.51 tgh.**

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji. Begitulah tema Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat lalu. Aspirasi pucuk kepimpinan negara yang dizahirkan melalui tema bajet ini adalah sangat bertepatan dengan masanya. Ekonomi Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan positif pada setiap tahun. Sungguh pun kelembapan ekonomi pada tahun 2008 dan tahun 2010 masih berulang, terutamanya di Amerika Syarikat dan Eropah.

Namun hasil daripada pelaksanaan beberapa strategi dan transformasi kerajaan, ekonomi Malaysia masih mampu bertahan dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan Malaysia. Terbaru, kelmarin kita lihat bahawa Malaysia telah diletakkan oleh *World Bank* di tempat yang keenam, tempat yang termudah untuk menjadi *business* di negara ini daripada tangga ke-12 sebelum ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, cabaran utama dalam aktiviti merencanakan hala tuju ekonomi Malaysia bukanlah terletak pada peringkat dasarnya. Akan tetapi pada peringkat pelaksanaannya agar sesuatu dasar itu berkesan serta menepati sasaran. Maka terdapat tiga perkara utama perlu diberi perhatian kepada inisiatif-inisiatif yang baru ini.

Pertama, kita perlu memastikan bahawa sesuatu dasar itu difahami dengan jelas di setiap peringkat masyarakat, agar setiap individu mendapat kefahaman yang sama dan mendalam. Hal ini penting supaya setiap inisiatif baru daripada kerajaan akan disambut baik oleh rakyat dan tidak mudah diputar belit oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kedua, strategi pelaksanaan perlu disusun baik dengan objektif untuk mengurangkan ketirisan, kebocoran dan pertindihan. Setiap perkara perlulah diambil berat berkenaan perinciannya iaitu *attention to detail* dengan izin. Ketiga, pemantauan secara berkala adalah amat perlu bagi memastikan setiap pelaksanaan tepat dan mudah untuk diperbaiki jika berlaku apa-apa masalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi ke yang lebih jauh, saya terpanggil untuk memberi sedikit komen kepada kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh. Beliau menyatakan kegusaran beliau dengan keadaan di mana perbelanjaan pembangunan Malaysia menurun sebanyak RM2 bilion setahun bermula pada tahun 2010. Ini seolah-olah kerajaan mahu menghentikan semua pembangunan untuk rakyat. Perlu difahami bahawa Malaysia sekarang berada di tahap ambang status negara maju. Maka adalah lazimnya untuk negara Malaysia mengurangkan sedikit perbelanjaan pembangunan memandangkan kebanyakan pembangunan asas dan yang besar yang diperlukan untuk menjana ekonomi telah pun dilaksanakan.

Sebagai contoh, bayangkan kita membeli dan membina sebuah rumah. Pada awalnya apabila kita hendak mula maju, kita membelanjakan jumlah yang begitu banyak untuk memastikan rumah itu siap, selesa untuk diduduki. Apabila ada kemajuan lagi, kita tambah bilik tidur, tambah bilik air, pasang lantai baru, kabinet dapur masih memerlukan perbelanjaan yang besar. Akan tetapi apabila kita bertambah maju dan berdaya maju, kita membelanjakan kurang sedikit seperti menambah *porch* kereta, stor dan taman landskap.

Begitu jugalah keadaannya dengan Malaysia, yang sudah hampir maju memerlukan penambahbaikan sahaja. Pengurangan kepada bajet pembangunan ini sebenarnya merupakan satu petanda yang baik iaitu negara kita ke arah sebuah negara yang maju. Saya ingin juga membawa rakan-rakan kepada realiti senario industri perumahan dan pembinaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sepuluh tahun, 20 tahun yang lalu, saya masih ingat pasangan yang baru bekerja masih mampu untuk memiliki rumah yang selesa di kawasan-kawasan seperti USJ Subang, Ampang, Shah Alam, Kota Damansara, Puchong malahan di Pulau Pinang dan di Ipoh, Kota Kinabalu dan Kuching. Persoalannya sekarang, adakah anak-anak kita dapat membeli dan menikmati perkara yang sama yang telah kita lalui. adakah mereka mampu membeli rumah lebih daripada RM400,000 atau RM500,000? Jauh panggang daripada api. Adalah tidak keterlaluan untuk dikatakan harga pasaran hartanah sudah hampir mencapai tahap yang tidak masuk akal.

Sekarang ini kita lihat di Langkawi pun sudah ada *apartment* yang bernilai RM1 juta lebih. Apatah lagi di Kuala Lumpur, apartmen-apartmen bertaraf dunia telah mencecah lebih daripada RM10 juta hingga RM50 juta. Di London juga kalau kita lihat, apartmen-apartmen bertaraf dunia sudah mencecah ratusan juta sebuah apartmen hingga ke RM300 juta harga nilai apartmen. Akan tetapi di London masih ada terdapat rumah dan kadar rumah itu boleh di mampu milik oleh rakyat. Seperti juga di Kuala Lumpur, nilai di London dan Kuala Lumpur adalah lebih kurang yang sama.

Tidak cukup dengan itu, kadar sewa juga sudah mencapai tahap yang memberatkan rakyat. Terdapat juga sewa rumah melebihi RM1,000 untuk apartmen biasa di Kuala Lumpur. Hendak beli pun mahal, hendak sewa pun mahal. Maka perlahan-lahan mereka beransur keluar daripada lingkaran bandar dan kerajaan dipertanggungjawabkan untuk menangani masalah ini.

Saya amat yakin antara faktor penyumbang terbesar kepada masalah kenaikan harga rumah ini adalah disebabkan oleh spekulasi yang terlampau kepada harga rumah. Spekulasi terlampau ini seolah-olah ada sindiket spekulasi di dalam pasaran hartanah. Jadi apakah kita tidak mempunyai undang-undang untuk membanteras perkara ini. Orang adat orang bermiaga, di mana ada gula, di situ semut kerumun. Oleh sebab pelabur-pelabur asing dan juga wang-wang panas singgah di Kuala Lumpur. Apabila mereka di sini kita pun tidak tahu siapa.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kita mempunyai perangkaan sebenarnya daripada pihak kerajaan dan juga pihak pemaju sama ada kita tahu bahawa mereka ini pemilik pertama, kedua, ketiga? Ada mereka ini spekulator-spekulator, pelabur-pelabur atau pun mereka-mereka ini adalah penyangak-penyangak antarabangsa yang tidak bermuka.

Apa akan jadi kalau mereka ini keluar daripada Kuala Lumpur atau negara kita menuju ke satu tempat tumpuan yang lain seperti ke US sekarang ini. Di mana kita lihat selepas *shutdown* mungkin pasaran hartanah menarik di Amerika Syarikat untuk pelabur-pelabur dan juga penyangak-penyangak antarabangsa ini. Apakah kita akan ada lagi dana harta ketiga, keempat, kelima? Jadi kita perlu fikirkan bersama-sama. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan, kerana disebabkan itu kita telah mengumumkan pemansuhan skim DIBS dan meningkatkan RPGT dalam Bajet 2014 bagi mengekang aktiviti spekulasi harga hartanah dari menjadi lebih parah.

Tindakan yang bersifat serampang dua penjuru ini dan dua mata ini saya kira amat tepat pada masanya. Maka saya mencadangkan untuk kerajaan memberi insentif-

insentif dengan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kos pembinaan untuk mengambil pekerja tempatan dan insentif-insentif lain untuk mereka membina rumah mampu milik untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah membuktikan bahawa keamanan dan keselamatan negara amat penting bagi menjaga dan melindungi ekonomi kita. Jelas sekali kita tidak boleh mengambil mudah *and take for granted* dengan izin. Faktor ini kerana ia ampu memberi padah kepada struktur ekonomi kita. Negara Myanmar yang terkaya hasil buminya, terkunci ekonominya kerana faktor-faktor ini. Sejarah lalu telah menceritakan beberapa siri Perang Larut yang berpunca daripada pertelingkahan antara dua kumpulan kongsi gelap yang besar iaitu Ge Hin dan Hai San bukan sahaja telah meruntuhkan industri perlombongan bijih timah, tetapi juga telah mengheret orang-orang besar Melayu dan melibatkan pihak pemerintahan negeri dan istana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sambung petang ini Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Ya, terima kasih.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]*

■1430

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaaatuh.* Yang Berhormat Kuala Kangsar, masih berminat hendak sambung?

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yes, ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tiga minit.

## 2.32 ptg.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyambung perbahasan saya berkaitan dengan keselamatan dan juga perlombongan. Sejarah lalu telah menceritakan bahawa beberapa siri Perang Larut yang berpunca dari pertelingkahan antara dua kumpulan kongsi gelap yang besar iaitu Ghee Hin dan Hai San bukan sahaja telah meruntuhkan industri perlombongan bijih timah tetapi juga telah mengheret orang-orang besar Melayu melibatkan pihak pemerintahan negeri dan istana. Rentetan Perang Larut ini telah mendesak pihak Inggeris campur tangan hingga terpaksa membawa askar-askar dari India. Mengikut cerita sejarah, pergaduhan ini tercetus daripada perkara-perkara kecil sahaja seperti pergaduhan di meja perjudian dan krisis kisah cinta antara dua remaja dari Ghee Hin **dan** Hai San.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika itu sekitar 1870-an, 140 tahun dahulu, nilai ataupun *turnover* industri bijih timah di Larut lebih daripada RM1.2 juta. Bermakna kalau dinisbahkan mengikut nilaiann bersamaan sekarang, ia mencecah ratusan juta ringgit, mungkin ke bilion ringgit. Akhirnya, pertelingkahan ini tamat melalui Perjanjian Pangkor pada 1874 dan Larut ditukar nama kepada "Taiping", yang membawa maksud "keamanan selama-lamanya". Industri perlombongan bijih timah terselamat tetapi mulai lumpuh semula sekitar tahun 70-an. Kini industri perlombongan bijih timah sedang menunjukkan tanda-tanda kebangkitan semula satu *revival*, dengan izin, yang positif.

Malaysia masih kaya dengan deposit hasil bumi seperti di Pahang, Kelantan, Perak, Terengganu dan Kedah. Malahan, terdapat beberapa penemuan baru dan juga aplikasi baru dalam teknologi tinggi, teknologi angkasa lepas serta industri berdasarkan petroleum dan lain-lain yang memerlukan galian-galian tradisional dan galian-galian seperti *bornite*, *tungsten*, *magnesium*, *titanium*, *kuarza*, emas, timah dan besi.

Saya masih ingat, ketika industri perlombongan ini berada di kemuncak, Ipoh menjadi bandar yang mempunyai jumlah jutaan yang kedua teramai di dunia selepas Dallas di Amerika Syarikat. Industri ini kini dilihat sebagai industri yang telah luput, terhad dan tertutup juga belanjawan negara malangnya tidak mengutarakan industri perlombongan yang berpotensi ini. Namun kita harus mengambil sikap proaktif untuk memberi penekanan semula kepada industri perlombongan seperti:

- (i) perlu ada insentif untuk menggalakkan pelaburan dan pembangunan industri hiliran berdasarkan mineral;

- (ii) perlu ada insentif dan Program Pembangunan Modal Insan untuk sektor perlombongan kerana kita ketandusan tenaga mahir tempatan dan terpaksa bergantung kepada tenaga kerja daripada China dan juga Australia; dan
- (iii) mengadakan kerjasama strategik antara agensi pusat dan negeri untuk merangka strategi pelaksanaan berkesan, mesra pelabur dan boleh juga negeri-negeri melihat semula enakmen mineral setiap negeri yang terlibat supaya tidak merugikan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, NKEA pertanian disasarkan untuk meningkatkan jumlah sumbangan PNK daripada RM34 bilion kepada RM49 bilion pada tahun 2020. Oleh yang demikian, adalah langkah bijak untuk meneliti cadangan membuka tanah-tanah kerajaan yang baru dan tanah-tanah terbiar untuk aktiviti pertanian secara besar-besaran mengikut mana-mana kaedah yang sesuai. Kuala Kangsar menyambut baik dan mengalau-alukan segala bentuk cadangan pembukaan tanah baru secara besar-besaran yang berimpak tinggi di Kuala Kangsar.

Kita lihat sejak Mei 2013, harga pasaran dunia untuk komoditi seperti getah dan kelapa sawit menurun secara mendadak. Kita ingin mencadangkan untuk kerajaan mewujudkan satu mekanisme penstabilan harga komoditi sawit, getah dan lain-lain memandangkan lebih daripada separuh hasil komoditi kita ini dieksport ke luar negara dan secara langsung ini melibatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil luar bandar yang bergantung kepada industri ini.

Aspek lain yang penting iaitu aspek taraf jalan-jalan masuk ke ladang. Kita mahu jalan-jalan masuk ke ladang yang lebih baik perlu diambil kira dengan pembukaan tanah-tanah perladangan yang baru kerana kebanyakan tanah-tanah ini di pinggiran ataupun di pedalaman yang jauh daripada jalan-jalan utama. Maka apabila produktiviti dapat ditingkatkan dan keluasan tanah dapat dibesarkan, nescaya pendapatan dapat digandakan ke tahap sebuah ekonomi berpendapatan tinggi di kalangan penduduk-penduduk luar bandar khususnya bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan bulanan purata kaum Cina adalah lebih tinggi berbanding bumiputera dengan kadar nisbah 1 kepada 43. Bermakna 43 kali ganda mengikut data daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada tahun 2012. Transaksi harta tanah yang melibatkan bumiputera masih lagi berada pada kadar yang rendah iaitu pada kadar 36%. Maka jurang *disparity* dan *inequality* ini, dengan izin, yang

ketara ini perlu dirapatkan dan diseimbangkan dalam sebuah negara yang majmuk seperti Malaysia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, gulung.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Ya, hendak gulung. Jadi kita harap pihak swasta dapat berperanan untuk membantu menyusun semula masyarakat kerana apabila kaum bumiputera diperkasakan bukan bersama-sama sahaja kita membantu ekonomi negara malahan membantu memperkuuhkan bukan bumiputera yang memegang tunjang kepada ekonomi negara.

Akhir kalam, sedikit tentang GST. GST sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua GST adalah begitu baik. Kenapa? Ini kerana ia lebih berkesan dan menambah kutipan cukai sistem yang lebih efisien, mudah dilaksanakan oleh peniaga dan agensi yang terlibat.

Saya tidak sebut peratusan lima, sepuluh atau enam peratus tetapi sistem itu sahaja adalah lebih baik kerana cara pelaksanaan *tax* itu adalah lebih baik. Cara strateginya, ini contoh, buktinya apabila *Fitch Ratings* dahulu telah menolak markah kepada kita, tiba-tiba dengan adanya GST mereka telah memberi *thumbs up* kepada kita kerana GST ini telah menaikkan kemampuan negara kita dan ekonomi untuk kita dan pelaburan antarabangsa.

GST buat kutipan, ini penting. Maknanya, GST buat kutipan pada setiap tingkat pusingan perniagaan. Kerajaan akan dapat membuat kutipan cukai bukan selepas setahun taksiran tertutup tetapi pada setiap *interval*. Katakan satu atau tiga bulan dalam tahun perniagaan yang sama, bermakna adanya *better cash flow*, aliran tunai yang sihat. Ekonomi antara lainnya akan memperoleh manfaat kerana sektor pelancongan diperingkatkan dengan adanya *tourist refund scheme*.

#### ■1440

Pengguna sepatutnya mendapat harga barang dengan lebih murah kerana cukai berganda seperti dalam sektor perhotelan dan F&B diganti dengan hanya satu cukai sahaja. Rakyat terbanyak akan menikmati perkhidmatan kerajaan dengan lebih banyak dan murah dalam jangka masa yang panjang kerana perolehan cukai yang meningkat. Manakala kerajaan akan dapat mengurangkan defisit belanjawan dan memperteguh *current account balance*. Sebenarnya bila kerajaan untung bukannya rakyat rugi. Apabila kerajaan untung, rakyat akan untung. Inilah yang dilaga-lagakan oleh pihak pembangkang yang mengatakan apabila kerajaan untung rakyat merana.

Jadi akhir kata, faktor kejayaan untuk GST ini penting dalam kita perlu membuat penelitian lanjut kepada beberapa perkara, antaranya:

- (i) mempersiapkan kemudahan logistik dan perjawatan agensi yang terbabit. Ianya penting agar *collection on GST data* dapat dibuat dengan lebih berkesan;
- (ii) penumpuan juga perlu dilihat atas aspek *accuracy on GST data* untuk mengelak *tax evasion* dengan mempertingkatkan sistem audit; dan
- (iii) kerajaan juga perlu memperluas dan melanjutkan tempoh mendidik pihak yang terlibat, terus memberi insentif kepada peniaga dan profesional yang terbabit.

Dengan itu skim latihan, bantuan geran, insentif percukaian terutamanya fi pengurusan perniagaan perlu diberi secara berterusan. Konklusinya GST baik untuk semua. Sebenarnya lebih ramai pembangkang bantah dan mengkritik tentang GST bermakna GST ini baik. Kalau benar-benar GST ini tidak baik sudah tentu pembangkang berdiam diri dan dibiarkan sahaja.

Saya menyokong sepenuhnya aspirasi bajet ini untuk pelaksanaan yang cekap, dapat memberi manfaat dan kesejahteraan kepada negara dan rakyat. Dengan ini, kuala kangsar menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Raub.

#### 2.42 ptg.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat boleh rehat dahulu. Sakit tekak itu. Mengganggu Ahli yang lain berucap.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak bincang GST...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mike tidak dengar tetapi telinga saya dengar.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** ...Kalau kita hendak bincang GST ini bukan dalam masa 15 atau 20 minit. Ia boleh mengambil masa dua tiga jam, baru betul-betul bagus atau tidak bagus. Akan tetapi terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk memberi sedikit pandangan mengenai Bajet 2014. Saya hendak bercakap dua perkara kalau sempat. Nombor satu, agenda menambah baik pengurusan belanjawan dan nombor dua, Pelan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera.

Menambah baik pengurusan belanjawan. Agenda ini bagus. Saya mengalui-alukan sisipannya ke dalam Bajet 2014. Saya mengalui-alukan *Outcome-Based Budgeting* (OBB), pengauditan projek yang melebihi RM100 juta ketika projek dijalankan dan iltizam mahu mengurangkan defisit dan mengurangkan hutang sektor awam supaya tidak melebihi 55%. Sekurang-kurangnya kerajaan sudah mengiktiraf bahawa penambahbaikan pengurusan bajet mesti mengandungi langkah-langkah mengurangkan defisit dan hutang negara. Saya mendoakan semoga Menteri Kewangan, Yang Berhormat daripada Pekan, kampung saya, mempunyai sokongan dan keberanian melaksanakannya.

Akan tetapi sebetulnya penambahbaikan pengurusan bajet mesti dibangunkan atas satu prinsip yang paling penting dan fundamental iaitu belanja mengikut kemampuan dan belanja berjimat-cermat serta berhemah. Oleh kerana itu, kita memerlukan perspektif baru melihat bajet. Jangan kita tumpukan kepada RM40 bilion defisit tahun 2014 dan 2013 RM43 bilion tanpa melihat kesemua *outlay* yang kerajaan minta.

Defisit berkurangan 3.5% tahun depan yang dijangkakan memanglah menggembirakan ramai orang tetapi kita lupa walaupun hasil naik perbelanjaan *operating expenditure* pun naik dan *capital expenditure* menurun RM3.2 bilion. Ini kita kena ingat. Akan tetapi sebetulnya, kalaularah kerajaan hendak belanja, hendak defisit berapa banyak pun dia hendak buat, kita sepatutnya tidak payah hendak risau supaya biarlah kita biarkan kerajaan membelanjakan dirinya kepada *financial ruin* sebab apabila berlaku demikian dan apabila dana kering, kerajaan tidak boleh bagi belanja sesuka hati. Kos untuk meminjam semakin meninggi, keyakinan terhadap kemampuan membayar akan menurun. Semua ini akan menjatuhkan kerajaan. Lantaklah besar mana defisit pun dia hendak belanja.

Akan tetapi kepada rakyat satu ringgit yang diperoleh melalui bajet defisit serupa juga dengan satu ringgit yang diperoleh melalui bajet surplus, satu ringgit. *A ringgit is a ringgit, is a ringgit*, tidak kira. Rakyat tidak kira. Sebaliknya, kita kena lihat kesemua bajet yang dimohon sebagai tanggungan yang mesti diuruskan dengan berhemah dan baik.

Kerajaan memohon Parlimen meluluskan RM262.4 bilion. Maka RM262.4 bilion inilah defisit kita yang sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Raub pandang ke belakang, pandang siapa? Yang Berhormat Lanang atau Yang Berhormat Kota Melaka?

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Meluluskannya satu tanggungjawab yang berat maka hari ini kita membahaskannya, berdebat dan bertukar pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan duit yang boleh diperlakukan sesuka hati. Cubaan menyamakan bajet dengan duit zakat adalah perkara yang mengelirukan. Maknanya institusi Parlimen ini, baitulmal ataupun pusat kutipan zakat. Tidak sama. Jadi Parlimen bukan sama dengan institusi-institusi Islam. Ianya bukan pusat kutipan zakat atau baitulmal. Kalau tidak, mengapa kita ada rang undang-undang perbekalan? Ambil sahaja wang dan diperlakukan sesuka hati. Kita mesti mengasingkan diri daripada mentaliti CEO TEKUN yang menganggap bahawa sebab ini duit yang UMNO ambil, dia boleh lakukan sesuka hari.

Jadi, sikap macam inilah yang membuatkan segala salah laku yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, bahawa sikap dan pemikiran seperti ini dipegang oleh pemimpin pula amat mengejutkan. Inilah orang cakap bapa borek, anak rintik. *Father speckled, son spotted [Ketawa]* Bapa kencing berdiri, anak kencing berlari. *Father urinate standing, son urinated running [Ketawa]*

Jadi kita mesti melihat kepada RM262.4 bilion ini dan bagaimana ianya ditadbirkan sebab duit ini bukanlah yang duit kerajaan hasilkan. Ia datang daripada cukai dan hutang. Kekayaan dicipta oleh kilang-kilang di ladang-ladang, di pasar tani, di pasar borong, di dalam bilik lembaga pengarah syarikat. Oleh kerana demikian, setiap perbelanjaan, setiap item kita kena teliti dan perinci dengan baik. Oleh sebab itu saya sebutkan fokus kita bukan hanya kepada *incremental deficit* RM40 bilion tahun ini, RM43 bilion tahun lepas tetapi kita mesti melihat keseluruhan bajet RM262.4 bilion. Dari mana kita mula? Kita mesti mula dengan mengamalkan nasihat yang diberi oleh kerajaan kepada rakyat yakni berhemah dan bercermat dalam belanja dan belanja mengikut kemampuan, *spend within your means.*

Dua perkara terpenting dalam penambahbaikan pengurusan bajet ialah mengurangkan defisit dan memotong hutang sektor awam. Kerajaan mesti jujur melakukan dua perkara ini atas dasar *it is the right thing to do*. Bukan melakukan untuk

*impress Fitch Rating atau Moody's ataupun badan-badan rating yang lain.* Kita mesti *apply the same common sense* yang selalu didakwahkan oleh Perdana Menteri dan kerajaan. Belanja mengikut kemampuan. Ketika menyampaikan BR1M satu, dua dan yang akan datang tiga ini *the prior message* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, yang mengiringi ialah dengan duit RM500 ini belanjalah kamu dengan berhemah atau dalam bahasa Inggeris, *with this RM500 spend wisely*. Jadi, sebagai teladan kepada rakyat, kerajaan mesti memulakan mengamalkan nasihat ini kepada diri mereka sendiri terlebih dahulu, belanja berhemah dan ikut kemampuan *[Berucap dalam bahasa Arab]* Kamu suruh orang buat baik tetapi kamu gagal mengingatkan diri kamu melakukan kebaikan itu terlebih dahulu.

Sayang kerajaan tidak lakukan apa yang dikhutbahkan. Kerajaan mengelak dari nasihat ini dengan berhutang dan menanggung defisit. Ekonomik sebetulnya ialah satu ekonomi yang *debt driven*. Kerajaan mendanai *business plannya* atau bajetnya dengan menanggung hutang yang banyak. Yang membimbangkan, *debt* kita sudah menjadi *structural debt* yakni apabila ekonomi kita baik, apabila *revenue* kita baik kita masih menggunakan hutang untuk *top-up* kita punya bajet. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya ialah kita melihat, kita fokus, *attention* kita mengenai *skirting around the issue* ataupun berputar dan memutarbelitkan supaya kita tidak melampaui *debt ceiling* 55%. Jadi, kita gunakan bermacam-macam cara.

#### ■1450

Kita menyembunyikan perbelanjaan oleh GLC umpamanya yang kita telah diberitahu beberapa hari yang lalu, sudah mencecah RM93 bilion. Kalau campur dengan hutang *public sector* yang saya jangka, penghujung tahun ini sudah pun mencapai RM458 bilion, campur dengan *off budget* punya *contingent liabilities* yang sudah mencecah RM150 bilion, maka kita mempunyai menanggung hutang hampir RM700 bilion iaitu sudah hampir 70% daripada GDP. *That sensing* sahaja kalau kita mempunyai RM650 bilion hutang *public sector* dengan kadar faedah pada kadar 4%, maka bayaran *debt servicing*nya ialah RM26 bilion setahun.

Untuk menjimatkan masa, saya hendak pergi- saya mencadangkan sebab kita selalu fokus kepada 55% ini, maka 55% *debt ceiling* ini, makalah kita ada mempunyai langkah-langkah setengah-setengah pihak memanipulasi supaya kita tidak pernah melampaui 55% ini dan kita senantiasa mencari jalan dan helah, tipu muslihat macam mana hendak menyembunyikan 55% ini. Oleh sebab itu saya mencadangkan sebagai

langkah mengekang *discretionary spending* yang dilakukan untuk mengelak *debt ceiling* 55% ini, kita *set rule* yang menyekat perbelanjaan *discretionary* tersebut.

Sabotaj ekonomi yang dilaporkan yang terjadi sebab kita memberikan ruang yang sangat besar kepada *Little Napoleon* dan *Little Stalin* di dalam jabatan-jabatan kerajaan yang mengambil kesempatan, yang melakukan apalah. Oleh sebab itulah kita dapat laporan daripada Ketua Audit Negara yang menceritakan cerita seram kepada kita. Jadi untuk mengelakkan itu semua, saya ingin mencadangkan kita set satu limit, kita *fixed* bahawa bajet untuk satu-satu tahun itu ialah beberapa peratusan daripada GDP. Akan tetapi macam mana kita hendak kira perkara itu? Macam mana kita hendak pilih peratusan yang paling sesuai. Kita tengok sebelum 1988, ekonomi kita berkembang pada 7% hingga 8% dan kita pilih ketika mana prestasi ekonomi kita terbaik, berapakah peratusan GDP kita, jadi berapakah peratusan bajet kita daripada GDP. Kalau misalnya sebagai contoh, tahun 1997 yang terbaik kita punya kadar pertumbuhan ekonomi ketika itu 8%, maka ketika itu bajet kita 22%. Maka kita pilih 22% daripada GDP sebagai kita punya bajet untuk setiap tahun. Saya memang setuju kerajaan mengunjurkan bahawa dalam masa menyampaikan pada tahun 2020, kita hendak adakan *balance budget*.

Ini saya secara peribadi saya lebih suka kita mencapai *balanced budget* daripada *surplus budget*. Ini kerana surplus bajet sama sahaja, yang tidak bagusnya dengan defisit bajet sebab ianya menggambarkan bahawa kita tidak ada *financial discipline*. Kalau kita lebih pun tidak bagus, jikalau kita kurang pun tidak bagus tetapi kita hendakkan *balance budget*. Itu yang lebih penting. Jadi setelah kita *fixed* 22% daripada GDP, itulah yang akan menjadi panduan kepada kita. Kita hanya ada tujuh tahun lagi untuk menyampaikan kepada tahun 2020, maka kita sekarang ini melakukan program untuk meletakkan *as a rule* bahawa bajet kita melalui tahun-tahun akan datang hanya tidak melebihi daripada 22% daripada GDP. Ini penting.

Apabila kita sudah *fixed the rule* yang menetapkan bahawa bajet kita hanya sekian-sekian peratusan daripada GDP, kita *stick to it*. Janganlah kita mencari jalan bagaimana hendak memutar dan mengelilingi angka yang *artificial* seperti *debt ceiling* 55%. Jadi saya hendak pergi kepada *assessing* ataupun mengadili bajet, cadangan-cadangan dalam tahun 2014. Ada yang bagus, ada yang tidak bagus. Saya cakap dengan jujur ada perkara bagus, ada yang tidak bagus. Pada 25 Oktober yang lalu, kita dengar guruh dan halilintar daripada Menteri Kewangan mengenai Bajet 2014. Akan tetapi seperti kata pepatah, “Banyak ribut, sikit hujan”, “*Much thunder, little rain*”.

Ada perkara yang baik dan tidak kurang juga yang membimbangkan dan meragukan. Macam lagu S. Effendi, *Bimbang dan Ragu*. Orang tua tahu Tuan Yang di-Pertua. Misalnya berkenaan RPGT. Ini satu perkara, satu langkah yang saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh gulung Yang Berhormat Raub.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh gulung.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Satu langkah yang baik. Boleh gulung, saya tidak bercakap pemerkasaan ekonomi bumiputera. RPGT ini adalah untuk mengekang spekulasi harta tanah. Spekulasi menyebabkan harga tanah- walaupun kita berbeza pendirian politik, tetapi apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi mengenai spekulasi yang diguna yang terlalu menyebabkan harta tanah mencecah paras harga yang tidak masuk akal, yang mengeluarkan ramai orang daripada pasaran dan yang paling teruk impak ini ialah golongan bumiputera, siswazah yang baru masuk pasaran kerja dan lain-lain lagi.

Akibat dari itu, kerajaan merasakan perlu membina lebih daripada 200,000 buah rumah setahun. Kerajaan membina sebanyak ini kerana mesti mempertanggungjawabkan janjinya untuk membina sejuta rumah dalam masa lima tahun. Walaupun begitu, janganlah menjadikan ianya satu alasan membina rumah yang substandard. Jabatan Perumahan Negara sebagai contohnya, akan membina 164,073 buah rumah dengan bajet RM578 juta. Ini kalau kita kira, maknanya rumah ini harganya RM35,000 sebuah. RM35,000 sebuah saya tidak tahu macam mana rumahnya dan saya harap pada harga ini rumah dibina sempurna dan mengikut piawai.

Jabatan Perumahan Negara diberi RM146 juta untuk membina 600 perumahan rumah disewa dan Perumahan Rakyat Bersepadu. Bermakna sebuah rumah ialah RM243,000 sebuah. Jadi saya berharap kerajaan akan mengenakan sewa yang berpatutan dan menetapkan *exit point* yang *definite*. Jangan kita bagi sewa duduk lima tahun, dia hendak duduk seterusnya. Bagi peluang orang lain juga sewa rumah yang sedemikian.

Agenda PR1MA Tuan Yang di-Pertua, ini saya sedikit sangsi. Dengan RM1 bilion bajet dia hendak bina rumah 80,000 unit. Kalau kita bahagi, maknanya kos rumah ini RM12,500 dan dia akan dijualkan dengan diskon 20%, maknanya harga sebuah rumah ialah RM10,000. Jadi saya harap pada harga ini bukan reban ayam yang didapati atau

sarang merpati. RM10,000, tidak masuk akal Tuan Yang di-Pertua. RM1 bilion untuk bina 80,000 unit dengan diskaun 20%.

Saya setuju seperti yang disebut semalam oleh wakil daripada Titiwangsa yang saya ingat, yang cakap kerajaan mesti mengambil kesempatan ke atas tanah-tanah yang berada di sekitar kiri kanan LRT. Bina rumah yang mampu milik untuk rakyat jelata supaya mereka dapat mengambil kesempatan daripada infrastruktur yang dibina oleh kerajaan. Demikian juga laluan-laluan yang direntas oleh laluan kereta api, *high speed rail* yang kita hendak bina daripada Singapura menghubungkan Kuala Lumpur dan menghubungkan Bangkok. Kemudian nanti janganlah kita ini termakan budi YTL, maka kita gadai *body* kepada YTL tidak hendak mengambil tanah di sekeliling untuk bina perumahan untuk rakyat. Habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Habis.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Tidak, sikit lagi.

BR1M, sebab BR1M semalam ada- 2 minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Semalam wakil daripada Yang Berhormat Parit Sulong ada sebut BR1M, jadi saya hendak sentuh sedikit. Pemberian *income transfer* dalam bentuk BR1M dan bantuan-bantuan lain adalah bagus. Negara mesti menyediakan jaringan kebajikan dan keselamatan sosial untuk membantu mereka yang lemah dalam ekonomi disebabkan pelbagai faktor. Tidak ada orang yang siuman membantah program membantu orang susah dan kurang upaya. Jadi bila Yang Berhormat Parit Sulong semalam menceritakan penerimaan BR1M yang disambut dengan linangan air mata, kita boleh *relate*, kita boleh faham kerana orang seperti itu tidak pernah mendapat wang tunai yang percuma.

Jika orang Barisan Nasional merasa tersentuh, kita pun Pakatan Rakyat pun rasa sedemikian juga. Kita sama-sama manusia. Demikian juga apabila kerajaan Selangor memberi wang tunai kepada warga emas untuk pergi membeli belah, pemberian disambut dengan tangisan yang gembira. Jadi, sama-sama kita boleh memberikan khidmat kepada rakyat. Tahun depan nilai BR1M yang dijangka diberi oleh kerajaan ialah RM4.6 bilion diberi kepada hampir 8 juta orang. Jikalau kita pandang pada sudut-sudut yang lain, pada maksud yang sama sambil ia mempamerkan kepekaan dan kedulian kerajaan, tetapi pada masa yang sama ia mengesahkan bahawa dalam negara kita ini ada 8 juta orang yang miskin. Sebab itu dibagi BR1M.

#### ■1500

Jadi saya amat setuju. Semalam ada satu cadangan daripada wakil Barisan Nasional supaya BR1M ini disampaikan melalui pejabat daerah ataupun urus setia bukan

lagi diberi melalui Wakil-Wakil Rakyat, Ahli-ahli Parlimen yang berkelahi sesama sendiri nak berebut nak bagi BR1M. Saya diberitahu Tuan Yang di-Pertua, apabila BR1M 1.0 dan BR1M 2.0 dahulu hendak dilancarkan, Bank Negara dan rangkaian bank-bank semua sudah sedia hendak memberi secara langsung kepada penerima BR1M. Jadi saya harap kerajaan akan serius sebagai tidak mempolitikkan pemberian BR1M, jadikan ia sebagai satu perkara yang neutral, bagi secara langsung terus kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tiga minit saya bagi bantuan masa 1Malaysia kepada Yang Berhormat Raub.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bantuan masa 1Malaysia.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Satu negeri, daripada satu negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Yang Berhormat Sibuti.

### **3.01 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapan kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 kali ini.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan rasa syukur ke hadrat llahi, dengan limpah kurnianya maka sekali lagi Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat membentangkan Bajet 2014 kepada rakyat Malaysia setelah diamanahkan untuk mentadbir negara setelah kejayaan pada pilihan raya bulan Mei yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, setelah diingatkan oleh rakyat di Parlimen Sibuti agar menyampaikan salam dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana apa yang telah dibentangkan dalam Bajet 2014 menepati janji yang telah dilaungkan sebelumnya. Saya berkesempatan balik ke kawasan meninjau pendapat masyarakat akar umbi berkaitan Bajet 2014. Apa yang saya peroleh adalah rakyat mengalu-alukan kerajaan meneruskan Bantuan Rakyat 1Malaysia selaras dengan manifesto yang telah lepas dan yang menggembirakan rakyat adalah kenaikan kadar

daripada BR1M 3.0 ini daripada RM500 ke RM650, manakala golongan bujang menerima RM300. Saya sendiri juga berasa amat senang hati dalam Bajet 2014 ini, golongan yang berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000 turut layak memohon BR1M 3.0 ini.

Selain itu, saya juga menghargai kesungguhan kerajaan meneruskan bantuan sekolah RM100 kepada para pelajar. Bantuan ini saya lihat amat bermakna terutama sekali kepada ibu bapa di kawasan luar bandar seperti kawasan saya Sibuti. Kepada mahasiswa pula, berharap dengan penerusan baucar RM250 sedikit sebanyak dapat meringankan beban kepada mereka untuk membeli buku dan keperluan belajar.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya nak mencadangkan satu bentuk insentif bantuan tunai kepada pekebun kecil sawit di Sabah dan di Sarawak yang sejak kebelakangan ini terpaksa menjual sawit pada harga di bawah harga pasaran kepada pusat pengumpulan sawit. Saya mencadangkan supaya setiap 30 tan yang dijual apabila di pasaran kurang daripada RM400, diberi insentif RM50 tiap-tiap 30 tan ke bawah yang mereka jual.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2014 kali ini saya melihat komitednya kerajaan untuk meneruskan dasar pembangunan di negeri Sarawak dan Sabah. Kita meneruskan dasar pembangunan walaupun 50 tahun kedua-dua negeri ini bersama membentuk Malaysia daripada segi pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik masih jauh ketinggalan berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Akan tetapi saya percaya bersama-sama rakyat Sibuti berpuas hati dengan kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang prihatin dengan keperluan rakyat. Sejak tahun 2009, pelbagai insentif di bawah NKRA berjaya dilaksanakan seperti Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Projek Bekalan Air Luar Bandar telah sampai ke rumah-rumah panjang dan kampung-kampung di seluruh negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan besar saya bagi rakyat negeri Sarawak bersama Sabah untuk melihat projek Pan Borneo dapat direalisasikan. Saya mengharapkan agar pihak kerajaan telah merancang dengan teliti untuk melaksanakan projek ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada pihak kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan selama ini berusaha untuk meningkatkan pembinaan jalan perhubungan di kawasan luar bandar. Kita dapat melihat kesungguhan kerajaan dengan memperuntukkan sebanyak RM4.1 bilion bagi tujuan pembangunan luar bandar dengan memfokuskan dan meningkatkan lagi kualiti jalan raya dan jalan perhubungan desa.

Untuk kawasan Parlimen Sibuti, saya mengharap agar melalui peruntukan ini dapat disalurkan untuk menaik taraf kepada jalan berturap bagi kawasan Kuala Lajong, kawasan Kuala Sibuti dan kawasan Sungai Takut di Parlimen Sibuti serta menjadi harapan besar kepada 12 buah rumah panjang di kawasan Skim Sepupuk agar kerajaan merealisasikan pembinaan jalan berturap sama ada menaik taraf jalan berhubung sedia ada atau membina baru jalan yang akan datang. Ini memanfaatkan sekurang-kurangnya 2,000 penduduk dan meningkat naik ekonomi mereka setempat. Saya juga mengalaukan penambahan peruntukan untuk membekal tangki 1Malaysia dan berharap pemberian tangki ini dapat diagihkan dengan segera serta memohon agar pembekalan perhubungan dengan pusat khidmat wakil rakyat agar tidak menimbulkan salah faham semasa agihan.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Sibuti amat bertuah kerana pusat transformasi luar bandar (RTC) akan dibina di Pekan Bekenu. Beberapa siri perbincangan telah dijalankan dan saya berharap agar RTC ini dapat dimulakan pada tahun 2014 kelak. Setakat ini tapak telah disediakan, menanti proses seterusnya. Kami di Parlimen Sibuti mengalaukan pembukaan RTC ini dan melihat RTC sebagai pusat yang mampu mempertingkatkan hasil ekonomi penduduk sekitar.

Untuk merancakkan program RTC, saya melihat sejumlah besar wang yang telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk sektor pertanian sebanyak RM6 bilion. Kawasan Parlimen Sibuti mempunyai ramai pekebun kecil sawit dan mempunyai keluasan yang besar dalam penanaman sawit. Kami berharap agar peruntukan sebanyak RM243 juta untuk penanaman semula sawit dapat disalurkan sebahagianya di kawasan Sibuti dan mana-mana tempat di seluruh Malaysia mengikut keutamaan. Selain itu, dengan peruntukan yang begitu besar ini saya berharap agar pihak kerajaan dapat melaksanakan, memperkasakan jentera pelaksana terutama sekali jabatan pertanian dan FAMA agar program-program seperti ini benar-benar sampai ke Sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa keperluan memiliki rumah bukan sahaja penting di kawasan bandar malah rakyat di kawasan luar bandar juga penting dan untuk melihat keperluan memiliki rumah merupakan keperluan asas mereka.

#### ■1510

Ini kerana rumah pusaka keluarga tidak mampu menampung pertambahan jumlah keluarga daripada setahun ke setahun. Selain daripada kawasan luar bandar, ini juga mampu menjana ekonomi serta ramai pasangan muda menetap terus di kampung. Sejak tahun 2009, saya melihat ada meningkatnya ketara dalam pemilikan rumah mesra rakyat

dan bantuan bina baru rumah di kawasan Parlimen Sibuti. Saya memohon agar pihak kerajaan memberi pertimbangan yang lebih ke kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negeri Sarawak.

Meneruskan lagi berkenaan isu pemilikan rumah, kita sedar bahawa peningkatan harga rumah terlalu mendadak sejak tahun 2008. Jika hal ini berterusan, maka kadar rumah teres dua tingkat sekarang berharga tidak kurang daripada RM400,000 ke RM450,000 sebuah. Kita mengharapkan pihak kerajaan memberi sepenuh perhatian agar harga-harga ini tidak dimanipulasikan. Bagi penduduk di kawasan bandar, saya mewakili rakyat di Sarawak ingin menyuarakan agar Kerajaan Persekutuan dapat membawa projek PR1MA ke bandar besar seperti Miri, Kuching dan Bintulu memandangkan di situng tumpuan utama golongan muda bekerja dan keperluan memiliki rumah sangat-sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak melihat modal insan itu akan menjadi seorang insan yang benar-benar penting, benar-benar maju, maka semua sekolah, SMK, SK, mesti dinaiktarafkan. Guru-guru yang dihantar ke sana benar-benar sudah terlatih dan bijak serta pandai. Kita tidak mahu bahawa guru-guru yang dihantar ke kawasan kami di luar bandar adalah untuk melatih mereka sahaja, kemudian itu mereka setelah dapat pengalaman, akan balik ke kampung masing-masing dan tidak dapat memberi penuh perhatian untuk mengajar di sekolah-sekolah luar bandar.

Oleh sebab itulah, pada Bajet 2014 ini peruntukan yang besar diberi kepada kementerian ini, maka sekolah-sekolah di luar bandar juga diberikan sepenuh perhatian, terutama sekali sekolah-sekolah di kawasan rumah-rumah panjang. Hal ini kerana sekolah-sekolah ini sangat daif, yang dibina pada tahun 70-an dan juga rumah-rumah guru sangat daif. Maka, dengan itu kita memohon pihak kementerian, Yang Berhormat Menteri-menteri yang ada di dalam kementerian ini turun padang, pergilah kawasan-kawasan kita di luar bandar seperti kawasan Sibuti.

Saya memohon juga di Parlimen Sibuti supaya tiga buah sekolah utama, SMK Nu, SMK Subis dan SMK Luar Bandar untuk diberi bangunan untuk mereka mengadakan aktiviti iaitu kawasan mereka berkumpul di sekolah. Ini kerana sekolah ini tidak mempunyai bangunan dewan. Oleh sebab itulah, kita memohon tiga-tiga sekolah menengah ini ada dewan sendiri. Sekolah Skim Sepupok juga memerlukan perhatian untuk membina semula bangunan sekolah yang usang supaya menyamai standard ruang belajar yang moden dinikmati oleh pelajar di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, salah satu masalah utama di kawasan luar bandar adalah keadaan sekolah yang usang, kuarters guru yang usang. Maka, kita mengharapkan dengan Bajet 2014 ini dapat dibuat baru seperti melalui *industrial built system* yang dikenal pasti pada masa kini dapat membina dengan masa yang singkat.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Eh, cepat juga? Lagi banyak ini. Saya *prepare* untuk setengah jam. Kesihatan. Terima kasih lah Yang Berhormat Menteri menteri yang dahulu yang melawat kawasan saya, berjanji untuk menaik taraf klinik di Batu Niah, *insya-Allah* ditepati. Bajet banyak ini.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Isu setempat boleh peringkat Jawatankuasa nanti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Ya, bolehlah. Akan tetapi klinik ini sebab janji hospital dahulu, hospital sudah tidak bangun, maka klinik naik taraf, tolonglah klinik dua tempat ini, di Bekenu dan di Niah.

Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, di luar bandar itu banyak juga bakat-bakat sukan. Berilah peluang juga kepada kita di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya negara kita ini sudah di dalam kancang di mana dadah datang dari luar, di sinilah tempat ia berkeliaran. Bangsa-bangsa kulit hitam dari negara Afrika datang menjual, maka anak-anak kita di sinilah yang terjebak dalamnya. Maka, kita mengharapkan badan yang bukan kerajaan seperti Rumah Pengasih itu diberi bantuan supaya dapatlah anak kita dipulihkan semula dengan kelakuan yang baik, akan merancakkan penghidupan mereka akan datang.

Akhir katalah Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak yang saya hendak cakap di sini, banyak yang saya hendak utarakan di sini, masa tidak mengizinkan. Saya mendoakan agar Bajet 2014 yang bertemakan, '*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksana Janji*' akan memberi limpahan ekonomi yang lumayan kepada negara dan kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawab dengan memastikan Bajet 2014 akan sampai kepada rakyat, agar dirasai oleh semua lapisan kaum seluruh negara dengan slogan '*Janji Ditepati*'. Dengan ini, Sibuti menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Nibong Tebal.

**3.18 ptg.**

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera. Mula-mula sekali hendak ucap Selamat Deepavali kepada rakan-rakan yang akan menyambut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bajet Perdana Menteri yang bertemakan, '*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksana Janji*'. Ini bermakna Bajet 2014, Yang Berhormat Pekan berjanji untuk memakmurkan negara dan menyejahterakan rakyat. Namun Tuan Yang di-Pertua, penelitian rapi bajet ini juga boleh kita katakan ia mencerminkan bajet bagi habuan terpilih ataupun *selective reward budget*. Kenapa kita kata begitu Tuan Yang di-Pertua?

Kita dapat dalam bajet ini, pemberian habuan kepada kumpulan-kumpulan tertentu dan seolah-olahnya meminggirkan kumpulan tertentu dalam bajet. Orang kaya dapat banyak habuan dan malangnya juga kita di negara ini, dalam kumpulan-kumpulan etnik tertentu pun dibeza-bezakan. Jadi, secara spesifiknya, hadiah kepada bumiputera dalam butiran memperkasa bumiputera digariskan dengan begitu jelas dan banyak. Seperti agenda bumiputera sebagai agenda nasional, mengangkat agenda bumiputera. Kemudian Program Peningkatan Pelajar Bumiputera UiTM kepada 250,000 pelajar. Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB), Skim Amanah Saham Bumiputera 2, Dana Ekuiti Bumiputera dengan dana RM300 juta. Pembangunan semula tanah rizab Melayu SUPERB, TEKUN, AIM.

**■1520**

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah dengan ini malah saya sokong kuat ini. Malah saya juga tuntut supaya banyak lagi seperti tanah wakaf, Baitulmal, wang zakat patut difikirkan semula bagaimana untuk memperkasakan bumiputera ini. Begitu juga kepada masyarakat India malah Perdana Menteri mengucapkan *[Bercakap dalam bahasa Tamil]* Diberikan RM100 juta untuk pendidikan. Sebahagian RM28 juta daripada jumlah ini adalah untuk pendidikan awal dan RM50 juta untuk program SPUMI di bawah TEKUN dan juga Amanah Ikhtiar Malaysia. Saya sokong kuat juga usaha ini. Tidak ada masalah bagi saya. Malah saya ingin juga memohon kerajaan untuk memberi pertimbangan kepada kaum-kaum India yang tinggal di ladang-ladang terutama sekali di kawasan saya di Nibong Tebal. Daif sangat. Jadi saya mohon beri perhatian. Malangnya bagi masyarakat Cina, walaupun ada peruntukan sekolah sebanyak RM50 juta tetapi tidak diterangkan secara spesifik seperti yang diberikan kepada kaum-kaum lain.

Jadi, itu yang secara awalnya Tuan Yang di-Pertua. Kalau lahir persoalan ini Tuan Yang di-Pertua, berterusan, bagaimana kita hendak memakmurkan negara? Dalam Bajet 2014 ini, tidak langsung menyentuh usaha-usaha untuk memerangi rasuah, membanteras penyelewengan dan juga menangani pembaziran. Jadi Ketua Audit Negara dengan jelas membuat laporan yang pembaziran di tiap-tiap tahun di sekitar RM20 bilion hingga RM30 bilion. Malah paras hutang negara pun cukup teruk pada hari ini iaitu di tahap 53.5% KDNK berbanding dengan 43% pada tahun 2008. Ini menghampiri 55% paras bahaya Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana kalau kita hendak memartabatkan rakyat sekiranya bajet pembangunan dikurangkan dan perbelanjaan pengurusan ditingkatkan begitu banyak?

Dalam masa yang sama juga, kita dapati pelbagai program, pelbagai subsidi untuk memberi manfaat besar kepada rakyat terus dihapuskan ataupun dikurangkan...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Nibong Tebal minta laluan.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Saya minta maaf...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Setengah minit, setengah minit. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Nibong Tebal ada menyebut sumbangan dalam bajet ini sebanyak RM50 juta kepada masyarakat India. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Nibong Tebal, dalam Bajet 2013 yang tahun lepas, didapati bajet ini memperuntukkan RM34.5 juta untuk 4,212 usahawan masyarakat India di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India. Saya difahamkan yang tahun lepas pun tidak dilaksanakan lagi. Bagaimana pula tahun ini, apa komen Yang Berhormat?

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Sebenarnya saya akan sentuh dalam pelaksanaan sebab fokus perbahasan saya ini adalah dalam aspek pelaksanaan Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh kita masukkan persoalan itu dalam ini, dalam ucapan saya juga.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita teliti Bajet 2014 ini, sejumlah RM264.2 bilion diperuntukkan dan pecahannya untuk pengurusan ialah RM217.6 bilion dan untuk pembangunan RM44.5 bilion sahaja. Ini peningkatan pada pengurusan tetapi pengurangan pada pembangunan. Kalau kita pecahkan lagi juga, kita dapati peningkatan kepada pengurusan ini meningkat daripada tahun 2010 lagi. Macam tahun 2010, peruntukan yang diberi adalah sebanyak RM15.6 bilion, tahun 2011 adalah sebanyak RM182.6 bilion, tahun 2012 adalah sebanyak RM205.56 bilion dan tahun 2013 adalah

sebanyak RM216.2 bilion. Jadi, ini peningkatan tiap-tiap tahun belanja pengurusan. Namun demikian- ataupun bajet pembangunan menurun dari tahun 2010 hingga ke tahun 2014 seperti yang disebutkan.

Ini maknanya apa? Ini maknanya peningkatan bajet pengurusan ini tanpa memberi perhatian langsung kepada teguran-teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara. Ini akan membuka ruang atau pendedahan kepada penyelewengan dan juga pembaziran. Dalam soal yang sama juga, kekurangan ataupun kurangnya bajet pembangunan ini bermakna, terbantutlah pelbagai pelaksanaan, pelbagai projek yang membawa manfaat besar kepada rakyat jelata keseluruhannya. Kalau kita perhatikan ini terutama sekali kepada rakyat jelata di kawasan luar bandar, peruntukan bagi di kawasan pembangunan luar bandar dikurangkan sebanyak RM545 juta Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali kalau kita perhatikan dan kalau kita dapat pecahan lagi, kita lihat seperti bekalan elektrik luar bandar dikurangkan sebanyak RM47 juta, bekalan air luar bandar dikurangkan sebanyak RM136 juta, Jabatan Kemajuan Orang Asli dikurangkan sebanyak RM24 juta dan begitu juga kalau Institut Kemahiran MARA dikurangkan sebanyak RM50 juta. Ini kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada rakyat turut terjejas dengan bajet ini.

Kementerian Kerja Raya, ini untuk pembangunan infrastruktur Tuan Yang di-Pertua. Sabah dan Sarawak mengalami yang teruk. Sabah dikurangkan sebanyak RM72.2 juta, Sarawak dikurangkan sebanyak RM86 juta. Begitu juga dengan Kementerian Kesihatan, kurang sebanyak RM130 juta. Kekurangan dalam Kementerian Kesihatan ini terutama sekali di kawasan luar bandar di Sarawak seperti yang dilaporkan oleh rakan-rakan kita, peningkatan penyakit tibi. Ini patut juga diberi perhatian Tuan Yang di-Pertua.

Seperti yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya bawakan perkara ini sebab saya hendak fokuskan kepada aspek-aspek pelaksanaan program-program ini. So dalam aspek pelaksanaan ini saya pilih memperkasa bumiputera, usaha untuk memperkasa bumiputera dengan penekanan pada satu program khusus iaitu Program TEKUN. Saya sentimental dengan program ini Tuan Yang di-Pertua kerana Program TEKUN ini, saya yang mengasaskannya mula dahulu dan saya menjadi Pengarah Urusannya yang pertama masa di USM dahulu. Jadi, saya terlibat daripada aspek membentuknya, *design questionnaire* bagaimana membuat permohonan, meluluskan permohonan, falsafah di sebaliknya, berfikir bagaimana hendak mengatasi masalah *defaulters*.

Saya menyambut baik sangat usaha kerajaan dalam bajet ini. Kerajaan tambah sebanyak RM700 juta lagi untuk Program TEKUN ini. Namun, kebimbangan saya yang saya rasa betul-betul kecewa ialah apabila Menteri, Timbalan Menteri memberi jawapan kepada Yang Berhormat Bayan Baru yang mengatakan *defaulters rate* yang tidak bayar balik hutang ini adalah 45%. Ini adalah tinggi Tuan Yang di-Pertua. Ini bermaknanya apa? Ini bermaknanya, kalau 10 orang pinjam, empat ke lima orang tidak bayar. Kalau 100 orang 45 orang, kalau 1,000 orang 450 orang, 10,000 orang 4,500 orang, 100,000 orang 45,000 orang. Sekarang kita dimaklumkan bahawa lebih 200,000 orang sudah menjadi ahli TEKUN. Kalau 45% berapa?

Kalau kita fikirkan daripada segi nilai kewangannya Tuan Yang di-Pertua, berapa wang yang kita hilang, yang kita bazirkan? Kita dimaklumkan bahawa RM2 bilion lebih sudah pun dibelanjakan untuk program ini. Kalau RM2 bilion, kalau 45% tidak bayar Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna apa? Ini bermakna hampir RM1 bilion ataupun RM900 juta yang tidak bayar. Jadi saya harap, selepas ini Menteri boleh beri jawapan kepada kita, bagaimana cara, adakah usaha yang konkret kita lakukan untuk kita *recover*, dengan izin, orang-orang yang tidak bayar balik pinjaman TEKUN ini. Ini juga saya lagi apabila dalam kempen Sungai Limau, Pengerusi TEKUN iaitu Datuk Hamidah Osman mengumumkan di DUN Sungai Limau yang TEKUN akan memberi pinjaman kepada 222 orang.

### ■1530

Ini pengumuman *on the spot* ini. Ini bermakna apa? Saya semasa mula-mula buat projek ini dulu, pada masa itu Yang Berhormat Jeli dan juga Yang Berhormat Besut adalah Menteri yang bertanggungjawab. Saya kata okey, mula sekali kalau kejayaan projek ini, jangan ada campur tangan politik. *There must be no political interest* Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Akan tetapi bukan bermakna yang orang politik tidak boleh kaut pulangan politik. Dia boleh buat begitu. Maknanya, masa membuat pemberian pinjaman, masa meluluskan pinjaman, hendak *present check*, boleh panggil orang politik bagi.

Dulu yang kita buat macam itu pun. Jadi dapat, tetapi pulangan yang macam ini, maknanya mana dia borang itu, proses temu duga, kemudian boleh lulus itu. Itulah, kalau itulah caranya, maka kita tidak hairan *default rate* ini begitu tinggi, 45% merugikan, membazirkan duit, dan lebih malang lagi menyekat peluang orang-orang lain lagi yang memerlukan bantuan. Jadi, orang-orang yang *genuine*, orang yang perlu bantuan ini tak dapat, tetapi orang yang tak sepatutnya dapat, dapat. Itu kebimbangan saya dan harap ini dapat diberi perhatian, Tuan Yang di-Pertua.

Okey, saya hendak sentuh pula tentang untuk memperkasakan pendidikan tertiary. Saya sambut baik juga pengumuman kerajaan, Yang Amat Berhormat Pekan untuk mempertingkatkan geran ataupun peruntukan kepada pengajian tinggi terutamanya. Dalam geran penyelidikan, diumumkan akan diberi RM30 juta lagi. Lebih besar lagi di samping keseluruhan RM50 juta. *In fact* Kementerian Pendidikan dapat yang terbanyak Tuan Yang di-Pertua. Saya yang hendak bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan usaha-usaha penyelidikan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Ya, kita sambut baik terutama sekali dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Akan tetapi dalam masa yang sama, *the source research* ataupun penyelidikan dalam bidang sosioekonomi yang memberi input besar kepada pembentukan dan pelaksanaan dasar kerajaan, perlu juga diberi perhatian. Kalau dibandingkan dalam awal tahun 70-an dan 80-an, kita dapati, di USM umpamanya, ada sebuah institusi yang menjalankan penyelidikan-penyeleidikan yang macam ini. Ada yang buat penyelidikan, kemudian diberikan kepada kerajaan untuk dilaksanakan program-program. Apa dia penyelidikan-penyeleidikan ini? penyelidikan umpamanya macam *MUDA Agriculture Project*. Dia buat apa? dia *study* pemilikan dan juga pengurusan tanah di kawasan MUDA. Kemudian dia bentuk daftar pemilik, bentuk sistem kupon negara. Kemudian ada penyelidikan seperti *National Integrated Data System* (NIDA) yang dipelopori oleh masa itu Profesor Kamal Salleh. Jadi apa yang dia kaji? Dia kaji tentang semua sistem pemilikan tanah. *Design* satu sistem yang diberikan kepada kerajaan, macam e-Tanah yang buat sistem komputer tanah, kupon dan yang buat sistem itu.

Begitu juga dengan projek TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia. Jadi ini semua, ini maksud saya ialah *Research Action Program* ataupun penyelidikan tindakan. *Action research* dan ini patut juga diberi perhatian di samping penyelidikan-penyeleidikan sains seperti yang saya sebutkan tadi. Ini kaitan Tuan Yang di-Pertua dengan sistem di universiti sekarang ini, kita dapati seperti Yang Berhormat Bukit Bendera bangunkan yang disebutkan semalam yang merudumnya kedudukan status universiti-universiti kita di sini.

Ini perlu, perlu sekali kita lihat sistem pembelajaran dan juga pengajaran terutama sekali cara kita rekrut studen masuk dalam universiti. Malah lebih penting lagi penjawat-penjawat yang penting di dalam universiti itu daripada Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan juga Ketua-ketua Jabatan, Dekan-dekan dalam universiti, mesti dikaji

semula sistem pelantikan itu supaya kecemerlangan universiti ini dapat kita ambil atau dipulihkan kembali.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi dalam penggulungan. Sebenarnya cukup susah kalau kita hendak rumuskan apa yang kita fikirkan banyak dalam masa yang sikit. Namun demikian, saya hendak ulang kembali dalam rumusan ini yang aspek-aspek pelaksanaan kepada program-program yang digariskan itu perlu kita beri perhatian juga. Bajet kita kena bagi, sebab apa? Sebab kita tingkatkan bajet yang cukup besar dalam bidang pengurusan, malangnya kita tidak bagi perhatian penting dalam aspek-aspek yang disebutkan ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya ucapkan terima kasih di atas masa yang diberikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tenom.

### **3.35 ptg.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang juga untuk melibatkan dalam perbahasan pada petang ini. Saya berusaha untuk menepati masa yang telah diperuntukkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kepada Allah SWT kerana terus memberi saya kekuatan untuk berada dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, bagi membahaskan satu rang undang-undang yang cukup penting untuk negara, demi masa depan rakyat dan pembangunan ekonomi negara. Sudah tentu saya yang mewakili rakyat daripada Tenom, Sabah menyokong penuh Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 ini, sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu. Semoga kepimpinan kerajaan UMNO Barisan Nasional terus kekal dan memainkan peranan yang penting, dalam mentransformasikan negara ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Kita sebagai pemimpin Sabah dan mewakili rakyat Sabah dan juga merupakan negeri yang menyumbang besar kepada kestabilan politik negara. Kerajaan amat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap keperluan dan kehendak rakyat negeri Sabah ini. Bak kata, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, pemimpin dan rakyat Borneo Utara mengambil langkah bijak serta berani apabila menjadi antara rakan karib dalam pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

Malah keputusan dibuat 50 tahun lalu itu terbukti tepat apabila Sabah kini menikmati pembangunan pesat termasuk dalam kestabilan politik dan juga perpaduan. Oleh sebab itu sejajar dengan tema sambutan 50 tahun, Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia, September lalu, antara manfaat terbesar hasil kemerdekaan ialah kestabilan politik yang menghasilkan kerajaan padu serta sistem pentadbiran yang cekap dan juga berkesan. Di samping itu hubungan baik dan kerjasama erat kerajaan negeri dan Persekutuan membolehkan pelbagai agenda serta program pembangunan dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai infrastruktur asas luar bandar adalah terbukti yang nyata. Sebanyak RM4.1 bilion diperuntukkan merangkumi jalan dan lebuh raya, bekalan elektrik, air, mengatasi masalah banjir, keusahawanan, perumahan dan juga tanah adat. Saya ingin menyentuh sedikit Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan Lebuhraya Pan Borneo. Kalau diikut sejarah lalu, satu kajian pernah dibuat oleh kerajaan mengenai satu lebuh raya baru antara Sabah dan Sarawak yang pernah dilaksanakan pada tahun 2015. Jadi saya hendak tahu, apakah status kajian itu? Apakah ia akan diteruskan atau adakah peruntukan RM500 juta untuk Pan Borneo ini adalah untuk jalan raya Pan Borneo yang sedia ada?

Saya mendapat maklum, objektif kajian itu adalah untuk menentukan cadangan projek dari aspek teknikal dan juga ekonomi serta menentukan jajaran yang berdaya maju. Saya difahamkan daripada hasil kajian itu, telah mencadangkan jajaran baru sepanjang 275 kilometer dengan anggaran kos terkini sebanyak RM2.5 bilion untuk dibina secara berperingkat-peringkat. Jadi agak merugikan jika tidak ada usaha-usaha untuk mentransformasikan prasarana utama ini antara Sabah dan Sarawak.

Ini penting kerana pembinaan jalan perhubungan baru ini dilihat strategik bagi menyediakan sistem rangkaian jalan yang lengkap dan lebih efisien. Ini akan menggalakkan lagi pertumbuhan sosioekonomi di antara Sabah dan juga Sarawak. Malah ia juga akan menjadi laluan utama bagi menghubungkan bandar-bandar kecil di sekitarnya agar lebih berdaya maju. Saya juga berharap melalui laluan Pan Borneo ini, kawasan Parlimen Tenom tidak juga dikecualikan untuk mendapat limpahan peruntukan di bawah Bajet 2014.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu yang seterusnya iaitu perhatian yang diberikan oleh Kerajaan Pusat berhubung dengan tanah adat di negeri Sabah, menunjukkan sikap keprihatinan pemimpin sedia ada. Kita berterima kasih di atas peruntukan RM50 juta berhubung kerja-kerja pengukuran tanah dan juga pengesahan

hak milik tanah adat. Soalnya sekarang, jika kita bercakap dengan orang dari luar yang pernah menjelajah ke seluruh Sabah, mereka akan mengatakan bahawa Sabah begitu kaya dan mempunyai tanah yang banyak. Kenyataan itu tidaklah keterlaluan. Apakah yang tidak ada di Sabah dari segi sumber asli? Sabah dengan keluasan lebih separuh Semenanjung, mempunyai banyak tanah adat bumiputera (NCR).

#### ■1540

Akan tetapi apa yang menjadi masalah ialah ada pihak tertentu yang cuba menjadikan isu NCR ini sebagai isu duri dalam daging bagi Kerajaan Barisan Nasional terutama pada setiap kali Pilihan Raya Umum. Isu NCR membabitkan kaum Bumiputera yang tinggal di luar bandar dan juga pedalaman. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua sekarang ialah NCR adalah hak istimewa yang diberikan kepada Anak Negeri Sabah yang telah menetap dan mengusahakan tanah kerajaan untuk tujuan sara hidup selama tiga tahun berturut-turut dan juga tertakluk kepada seksyen 5, 6, 13 sehingga 16, 65 dan juga 88 iaitu mengikut *Land Ordinance* 1913, dengan izin.

Apa yang menjadi tanda tanya kelak ialah kerja-kerja pengukuran tanah dan pengesahan hak pemilikan tanah adat ini tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah kerana ada kalanya tanah NCR juga adalah tinggalan kubur waris-waris, tanah buah-buahan atau kebun dan juga bekas tanah perkampungan. Malah, hak milik tanah pun ada pelbagai jenis seperti *native title*, *free register*, *town list*, *country list and professional list*, dengan izin, di samping seseorang yang boleh menuntut tanah NCR adalah seorang Anak Negeri Sabah, mengemukakan tuntutan bertulis kepada Pejabat Pemungut Hasil Tanah serta mengadakan siasatan tanah ataupun ELE melalui Laporan Lapangan dan Pengesahan daripada Ketua Kampung untuk memutuskan tuntutan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu, berapakah sebenarnya keluasan tanah NCR yang telah diukur setakat ini dan berapakah jumlah hektar yang sudah diwartakan? Ini amat penting bagi kita Tuan Yang di-Pertua sebab saya mengetahui selain daripada bajet tahun hadapan, tahun lalu pun telah diperuntukkan untuk menangani masalah-masalah ini. Soal ini penting dan saya menganggap tanah tersebut bukan sahaja penting untuk bercucuk tanam tetapi satu aset yang berharga dan tanah NCR dianggap sebagai waris yang perlu dipertahankan untuk *survival* generasi masa akan datang. Jadi saya mencadangkan tanah-tanah NCR yang diukur dan pengesahan pemilik tanah hendaklah dilonggarkan proses penyiasatannya serta dipermudahkan proses perundangan di mahkamah.

Kalau dilihat hari ini, atas keprihatinan kerajaan negeri, mereka telah menggerakkan satu usaha iaitu yang dikenali sebagai- diberi melalui geran komunal di mana pemberi tanah ini- tanah terancang ataupun Tanah Terancang *Fast Track* dipermudahkan supaya geran komunal dikeluarkan di negeri Sabah. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan memberikan geran komunal ini, sudah tentu akan dapat memberikan pembangunan yang cepat kepada penduduk-penduduk yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, penyelesaian isu tanah NCR ini adalah Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak yang telah dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jawatankuasa itu telah ditubuhkan pada tahun 2010 secara khusus berusaha untuk meneliti dan menyelesaikan pelbagai isu membabitkan pendidikan, prasarana, kemiskinan dan seumpamanya di kedua-dua negeri ini.

Isu yang penting sekarang ialah bagaimana untuk menangkis persepsi betul atau salah bahawa kerajaan merampas tanah rakyat seperti yang dicanangkan oleh pihak pembangkang. Memang diakui bahawa kerajaan negeri banyak memberikan tanah melalui pemberian geran tanah kepada penduduk. Akan tetapi hakikat bahawa berlaku sesuatu yang tidak kena dari segi pengambilan tanah NCR. Oleh itu, sesetengah pihak mahu kerajaan negeri mengukur tanah NCR mengikut seksyen 18, Kanun Tanah Negeri dan bukannya di bawah seksyen 6 bagi membolehkan geran berasingan dan persendirian diberikan. Pemilik tanah peribumi tidak mahu berlaku apabila tanah mereka diukur mengikut seksyen 6, maka ia dikategorikan sebagai rizab komunal peribumi. Mereka bimbang jika tanah berkenaan diambil, kemudian hari mungkinkah mereka akan diberikan pampasan atau yang diperlukan oleh rakyat sekarang ialah mereka diberi geran persendirian. Jadi saya pohon kepada pihak Kerajaan Persekutuan supaya memperhalus soal-soal ini walaupun tampak keprihatinan Kerajaan Pusat dalam memberikan peruntukan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada satu lagi isu iaitu berkenaan dengan soal kedaulatan Islam yang nampaknya hari ini telah cuba digugat oleh segelintir Badan Bukan Kerajaan (NGO) dari negara ini kononnya di atas dasar hak asasi manusia atau *human rights*, dengan izin. Gerakan ini di bawah tuntutan gabungan NGO- Hak Asasi Manusia atau dikenali sebagai COMANGO yang mana di bawah gabungan ini terdiri daripada 54 NGO pelbagai latar belakang. Kita sudah mendapat maklum bahawa COMANGO ini menghantar laporannya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva pada minggu lalu dengan mengandungi tuntutan yang boleh disifatkan

sebagai keterlaluan dan menghakis kedaulatan serta kedudukan Islam dalam negara kita.

Antara tuntutan COMANGO ialah:-

- (i) menuntut kebebasan untuk murtad sebagai hak kebebasan beragama dan menafikan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam menentukan keislaman seseorang itu;
- (ii) menghapuskan undang-undang jenayah yang sedang berkuat kuasa;
- (iii) memberikan gambaran buruk terhadap usaha kerajaan menyampaikan dakwah Islam kepada Orang Asli;
- (iv) mengiktiraf hak pengamal lesbian, gay, biseksual, transeksual, LGBT; dan
- (v) menghalalkan perzinaan antara alasan kedua-dua pihak rela dan bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya menemui pada setiap empat tahun, Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNHRC akan mengkaji dan meneliti perkembangan serta prestasi isu-isu yang melibatkan hak asasi manusia sejak tahun 2009 terhadap 193 buah negara PBB termasuklah Malaysia. Ia disebut sebagai proses semakan berkala, sejagat Majlis Hak Asasi Manusia. Akan tetapi masalahnya sekarang ialah tuntutan COMANGO ini seolah-olah tidak selari dengan perlombagaan negara kita. Tindakan mereka ini seolah-olah memberikan gambaran buruk terhadap negara kita. Mungkin akibat tindak tanduk COMANGO ini boleh menjelaskan hubungan baik dan juga nama Malaysia dengan mana-mana negara sehingga boleh menjelaskan prospek ekonomi, perdagangan dan juga hubungan antarabangsa.

Jadi saya hendak tahu apakah langkah-langkah kerajaan dalam memantau hal-hal seperti ini? Kita hendak tahu setakat manakah kerajaan menangkis tohmahan-tohmahan yang tidak betul ini? Saya juga mohon Tuan Yang di-Pertua supaya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) turut menyiasat setiap 54 NGO di bawah COMANGO ini sama ada mereka ini pertubuhan yang aktif atau sekadar pada nama sahaja. Senarai ini ada pada saya Tuan Yang di-Pertua. Antara NGO yang boleh dipertikaikan dengan tindak tanduk mereka di bawah COMANGO ini ialah Migration Working Group, PT Foundation, Sinui Pai Nanek Sengik (SPNS) dan juga Persatuan Guru-Guru Tadika Semenanjung Malaysia (PGGT).

Kadang-kadang, kita takut NGO-NGO ini hanya dipergunakan oleh pihak-pihak tertentu dan memasukkan ke dalam gerakan COMANGO. Jadi mungkin ada juga NGO

yang teraniaya atau sebaliknya. Sebab itu, kita mahu pihak ROS menyiasat segera masalah ini. Satu lagi, NGO yang berteraskan Islam iaitu *Sister In Islam* (SIS). NGO ini memang tersenarai dalam COMANGO dan jika benar mereka ini mempunyai wakil yang pergi ke Geneva serta menyokong COMANGO adalah sesuatu yang bahaya kepada umat Islam atas dasar tuntutan-tuntutan COMANGO yang jelas sekali menidakkann peranan dan kewujudan agama Islam di negara kita. Adalah sesuatu yang amat mendukacitakan Tuan Yang di-Pertua, jika ada SIS berada dalam kelompok COMANGO ini, saya pohon kepada pihak JAKIM juga agar turut menyiasat dalam hal ini untuk tindakan segera. Usaha-usaha jahat ini perlu diperangi dengan segera supaya tidak ada pihak lain yang akan mengambil kesempatan ke atas isu yang boleh memecahbelahkan perpaduan umat Islam dalam negara kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sabah pelaksanaan pembangunan luar bandar perlu sentiasa ditambah baik dan memberikan keutamaan kepada pembangunan di suatu kawasan supaya dapat menambah keyakinan rakyat kepada usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan. Perlu diingat, masih banyak golongan dan agenda yg tidak menepati kehendak penduduk luar bandar. Jadi penduduk luar bandar adalah kebanyakannya pengundi-pengundi yang setia Tuan Yang di-Pertua seperti di kawasan saya dan mereka ini memerlukan pembelaan yang sewajarnya. Saya percaya kerajaan akan membala budi mereka terhadap kepercayaan penduduk luar bandar selama ini.

Kali ini saya melihat antara kerajaan iaitu untuk memperkasakan luar bandar dengan mewujudkan lebih banyak RTC dan saya berterima kasih kerana Sabah juga telah dipilih untuk menjadi salah satu lokasi RTC yang akan dibangunkan. Akan tetapi apa yang saya ingin cadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua, supaya RTC ini dapat diperbanyak di negeri Sabah dan juga Sarawak. Ini kerana keluasan kami begitu luas. Mungkin juga kerajaan boleh menimbang lebih banyak *Mobile CTC* untuk bergerak ke kawasan pedalaman bagi memudahkan orang ramai membuat urusan berkaitan dengan fungsi RTC.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua sebagai akhirnya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Perkhidmatan Awam Tuan Yang di-Pertua. Sektor awam adalah tulang belakang kepada perjalanan pentadbiran negara. Tanpa sokongan sektor awam, tidak mungkin negara membangun dengan pesat seperti mana yang ada pada hari ini. Saya mendapat

maklum balas yang baik daripada kakitangan awam, tidak kira yang tetap ataupun kontrak.

■1550

Dalam Bajet 2014 tahun hadapan kerajaan telah mengumumkan bonus serta menambah baik 81 skim perkhidmatan dari pelbagai peringkat yang melibatkan 613,743 kakitangan awam. Saya mohon supaya pihak JPA segerakan untuk umumkan apakah penambahan 81 skim yang telah diumumkan itu. Saya berharap dalam 81 skim perkhidmatan itu mengambil kira kos untuk menanggung kehidupan, pengangkutan dan perumahan untuk kakitangan awam lebih-lebih lagi yang bertugas di bandar-bandar.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan daripada perbahasan saya, saya mengharapkan daripada peruntukan yang besar yang telah disediakan oleh pihak kerajaan terutamanya untuk membangunkan luar bandar, saya harap rancangan ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera dan dapat menepati kehendak-kehendak rakyat atau pun masyarakat di luar bandar terutama di kawasan saya. Kita tidak mahu kegagalan pada masa-masa yang lepas, yang kita tidak boleh nafikan harus disegerakan, diperbetulkan dan diperbaiki. Mudah-mudahan dengan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam bajet ini, mudah-mudahan ianya akan dapat membantu khususnya kepada masyarakat di kawasan saya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tenom mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**3.51 ptg.**

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Hubbulwatan minal iman.* Sayangkan negara sebahagian daripada iman.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa memulakan bajet baru-baru ini, memulakan dengan membaca ayat al-Quran, surah al-Qasas ayat 77. Jadi, saya berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Menteri Kabinet sekalian akan melaksanakan bajet ini mengikut acuan Islam. Sepatutnya pun kita menggunakan acuan ini kerana kita

semua adalah milik Allah [*Berucap dalam bahasa Arab*] Milik Allah, apa yang di langit, apa yang di bumi, apa yang ada di antara langit dan bumi juga di dalam perut bumi.

Tuan Yang di-Pertua, bajet adalah perkara biasa bagi sebuah kerajaan negeri atau pun keluarga atau pun negara. Kalau kita lihat bajet yang dibentangkan baru-baru ini merupakan kesinambungan kepada bajet defisit yang sudah 16 tahun berlarutan atau pun berturut-turut. Bajet defisit sebenarnya akan memberi tekanan kepada kerajaan. Sama seperti bajet sebuah keluarga. Sekiranya keluarga yang banyak berhutang atau pun berbelanja mengikut kemahuan tanpa memikirkan tentang pendapatan, maka mereka akan terdedah kepada tekanan. Tekanan-tekanan ini akan mengurangkan produktiviti mereka dan mereka boleh terdedah kepada kesalahan-kesalahan lain seperti tidak datang kerja, ponteng, rasuah dan sebagainya. Begitulah juga dengan kerajaan.

Apabila kerajaan kita saban tahun meningkat hutangnya, kerajaan dengan sendirinya berada dalam keadaan tekanan. Jadi tekanan ini akan dibawa ke mana? Sudah tentunya tekanan kerajaan ini akan menekan pihak yang lebih lemah yakni rakyat, sebagai contoh. Dalam bajet baru-baru dan terbaru contohnya ialah senang - gula, minyak masak, petrol. Walau pun tidak naik kata setengah orang, dipotong subsidi tetapi yang pasti barang-barang ini naik harganya. Kesan kenaikan harga ini ada dua. Pertamanya, kesan secara langsung dan kesan secara tidak langsung. Kesan secara langsung ini pun tidak dapat ditampung oleh BR1M yang kita sibuk-sibuk itu. Berilah BR1M, tidak mengapa tetapi dengan nilai RM1.80 sehari itu tidak dapat pun mengimbangi kenaikan barang-barang asas ini.

Jadi, naik secara langsung. Apatah lagi kenaikan ini pula akan menyebabkan barang lain akan terus sama naik. Inilah yang dikatakan kita menekan rakyat. Saya tidak nafikan bahawa kerajaan telah melakukan kebajikan kepada rakyat tetapi dengan hasil mahsul kerajaan sepatutnya rakyat boleh menerima lebih banyak daripada itu. Itu sebenarnya yang kita bangkitkan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, Islam menggariskan beberapa konsep di dalam perbelanjaan. Antaranya ialah biasanya Islam mengutamakan kepentingan umum atau pun rakyat berbanding dengan kepentingan syarikat. Mengutamakan kepentingan rakyat dan umum ini meningkatkan unsur keadilan dan juga unsur kebajikan. Apabila dua unsur ini berlaku, maka kita akan dapat rahmat. Kita akan dapat keberkatan dari Allah SWT. Itu yang penting.

Keduanya, kaedah yang dilakukan oleh Islam ialah dalam kaedah berbelanja ada tiga konsep iaitu *daruriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat*, iaitu dalam keadaan yang mendesak. Dalam keadaan yang mendesak kita akan gunakan apa sahaja kewangan atau keperluan

yang ada untuk berbelanja. Keduanya ialah *hajiyat* atau pun keperluan. Keperluan ini juga bergantung kepada keutamaan dan juga kepada kemampuan. Ketiganya, *tahsinyyat* iaitu pelengkap atau kosmetik. Kerajaan nampaknya lebih kepada perkara-perkara kosmetik. Banyak tempat yang diuruskan adalah tempat kosmetik. Kalau kita tengok Laporan Ketua Audit Negara, teguran-teguran yang begitu ketara yakni ketirisan, pemborosan, salah laku yang ditegurkan oleh Ketua Audit Negara ini sangat merugikan kewangan negara dan perkara ini mestilah diambil serius oleh kerajaan yang ada.

Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, banyak mana sekali pun *revenue* kita, banyak mana sekali pun pendapatan kita, sekiranya kebocoran ini tidak mampu ditangani dengan baik, maka kita akan kekal dengan defisit dan defisit kita akan bertambah, hutang kita akan bertambah dan mahu tidak mahu rakyat akan dipaksa untuk sama-sama terlibat dalam keadaan yang sedemikian. Jadi dalam hal ini, saya ingin bertanyakan kerajaan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi Laporan Ketua Audit Negara ini? Saban tahun Ketua Audit memberi teguran. Namun begitu tindakannya seolah-olah tidak diambil atau pun tidak diambil berat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut perkataan, “*menggalakkan industri penerbangan*”. Walaupun perkara mengenai ini Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra ini telah banyak kali ditegur, disebut, hari ini juga disebut, namun begitu jawapannya sangat mengecewakan. Bajet tidak dimasukkan dalam isu menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Saya hendak buat contoh dari sudut keutamaan. Kuantan disenaraikan untuk dinaiktarafkan dan pandangan saya, walau pun dinaiktarafkan Lapangan Terbang Kuantan ini, saya merasakan ia tidak dapat menambah jumlah penerbangan.

Alasannya mudah. Antara Kuantan-Kuala Lumpur, jarak perjalanan dengan kereta hanya mengambil masa lebih kurang tiga jam. Petrol lebih kurang RM30 atau RM40. Naik kapal terbang masa menunggu dan sebagainya juga mengambil masa tiga jam. Jadi, dalam keadaan ini ia tidak produktif untuk menggunakan pengangkutan udara bagi Kuantan. Akan tetapi bagi Pengkalan Chepa, ianya sangat ekonomi dan ia sangat penting kerana jarak antara Kota Bharu ke Kuala Lumpur mengambil masa lebih kurang tujuh atau lapan jam. Petrol mengambil kos lebih kurang RM100 ke RM150. Sama juga kalau menggunakan penerbangan juga mengambil masa lebih kurang tiga jam. Kos tiket kapal terbang hanya antara RM70 hingga RM150.

Jadi, penggunaan pengangkutan udara Kota Bharu ke Kuala Lumpur sangat *economic* kerana itu yang memajukan. Oleh kerana itulah lapangan terbang ini dari segi

kekerapan penerbangannya mencapai sampai 31 penerbangan dalam satu hari. Sangat banyak.

#### ■1600

Kedua, kenapa rasional lapangan terbang ini perlu dinaiktarafkan. Pertama, tanah telah diambil setiap tahun, akhir 70-an. Ada lagi jaraknya lebih kurang satu kilometer, boleh dipanjangkan *airport* itu. Lapangan terbang itu dulunya adalah namanya Lapangan Terbang Pengkalan Chepa dan kawasannya pun kawasan saya, kawasan Pengkalan Chepa dan saya tinggal pun di situ.

Kedua, rasionalnya ialah dia boleh menjadi hab penerbangan ke *Indo-China*, Thailand, Vietnam, China, Taiwan dan sebagainya. Dia boleh berdikari. Kedua, dia boleh jadi hab haji. Saya rasa kalau kita bukakan untuk haji, kita akan mendapat sambutan daripada Terengganu sendiri dan Selatan Thailand dan ini sangat memajukan. Dalam keadaan ini dia akan memuncak, dia menaikkan ekonomi negeri dan negara dan juga dia akan dapat meningkatkan pelancongan untuk negeri dan seterusnya.

Ketiga, perkara yang perlu ditekankan, diutamakan juga ialah tebatan banjir. Juga tidak dimasukkan dalam bajet, tebatan banjir untuk Sungai Golok ke Pengkalan Kubor. Sedangkan di sebelah Thailand sana, tebatan banjir telah pun siap. Dengan ini bila berlaku banjir, air akan melimpah ke kawasan ini dan dia akan menjadi sangat berkeperluan untuk disegerakan.

Seterusnya saya ingin menyentuh soal di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Di kawasan Pengkalan Chepa terdapat pantai-pantai baru, pantai-pantai yang belum dibangunkan. Antara pantai-pantai yang terdapat di kawasan Pengkalan Chepa ialah Pantai Mek Mas, Pantai Kundur, Pantai Cahaya Bulan, Pantai Sabak dan ini semua boleh mendatangkan jumlah pelancong yang tinggi ke Kelantan sekiranya kombinasi tadi. Maknanya lapangan terbang ini dibesarkan, tempat-tempat yang berpotensi untuk dibangunkan ini dibangunkan, maka *insya-Allah* pelancongan bukan sahaja dalam negara, malah yang berkaitan dengan Indo China juga akan datang ke Kelantan.

Seterusnya, Yang Berhormat Gua Musang sudah keluar. Saya hendak menyentuh sikit Gua Musang berkaitan dengan royalti. Jadi saya tidak mahu memberitahu soal- ini kerana Yang Berhormat Gua Musang adalah orang yang terlibat dalam perjanjian tahun 1974. Orang baru ini mari dia mentafsirkan undang-undang, tetapi orang yang membuat undang-undang masih ada. Boleh dirujuk. Oleh yang demikian, saya dengan ini mendesak dan juga merayu bagi pihak rakyat Kelantan, berilah royalti itu kepada rakyat

Kelantan [*Tepuk*] Berikanlah royalti itu kepada kerajaan yang sah, yang dipilih oleh rakyat. Sekali lagi saya ulangi, saya mendesak dan juga merayu bagi pihak rakyat Kelantan, berilah royalti ini kepada rakyat Kelantan melalui kerajaan negeri yang sah, yang dipilih oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sebut hari ini ialah perkara berkenaan dengan jenayah. Jenayah semakin hari semakin meningkat. Tembak-menembak macam bandar koboi. Dua hari lepas berlaku di Kota Bharu lagi. Jenayah sekolah meningkat 130%, enam bulan pertama tahun ini. Undang-undang kita telah pun kelihatan hebat. Kes senjata api, mati bunuh, dadah mati, kes bunuh juga dihukum bunuh. Sepatutnya undang-undang ini sudah pun menggerunkan orang ramai untuk tidak menyertai atau tidak melakukan jenayah.

Namun, rakyat ataupun jenayah tidak rasa gerun kepada undang-undang yang ada. Kenapa? Saya berpandangan bahawa undang-undang kita seolah-olah dipenjarakan. Undang-undang kita boleh jadi kerana ada campur tangan. Boleh jadi kerana ada rasuah. Boleh jadi kerana tidak kompeten pegawai-pegawainya. Boleh jadi tidak ada kesungguhan. Ini yang menyebabkan penjenayah tidak rasa gerun kepada undang-undang.

Analoginya saya buat begini. Seekor singa liar digeruni, ditakuti oleh semua binatang tetapi seekor singa liar ini yang diletakkan di dalam kandang akan dikencingi oleh kucing kurap pun. Jadi menambahkan rang undang-undang, menambahkan hukuman tidak lebih lagi menambahkan seekor, dua ekor harimau dalam kandang. Tidak akan memberi kesan. Oleh yang demikian, saya mengajak kepimpinan- Yang Berhormat Arau suka! Saya ingin mengajak keseluruhan pimpinan kerana kita saya kepada negara kita ini, bebasan, carilah, usahalah bagaimana untuk kita tidak campur tangan banyak dalam proses undang-undang ini. Kita jagalah kerajaan kita, pegawai kita daripada terlibat dengan rasuah. Kita atasi kompetensi kalau tidak mereka tidak kompeten, kita atasi mereka. *Insya-Allah* dengan kegerunan kepada undang-undang kita ini jenayah akan berkurang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Mengenai GST, saya rasa saya tidak masuk campur dalam GST ini kerana ramai sudah menyentuhnya. Cuma bagi saya GST ini tidak lebih daripada pukat tunda. Semua dia gasak. Islam suruh kita kutip daripada orang-orang kaya raya, *multimillionaire*, kita kutip daripada orang miskin. Kita bangga juga

dengan per kapita kita. Tinggi kita kata, walhal per kapita kita adalah disumbangkan oleh hanya 40 orang *multimillionaire*. Seramai 40 orang ini terdiri daripada 32 orang bangsa Cina, Jepun Melayu, dua India ini menguasai hampir 25% daripada kekayaan negara. Jadi per kapita kita pun tidak berapa tepat.

Jadi sekali lagi saya ingin mengajak diri saya dan tuan-tuan sekalian, di dalam melaksanakan bajet ini, kita mesti ingat bahawa kita dipertanggungjawabkan. Saya suka Yang Berhormat Arau. Kebetulan dia ada. Saya ingin memperingatkan dengan firman Allah Ta'ala [*Membaca beberapa potong ayat al-Quran*] Nanti di akhirat nanti kita lihat orang-orang *Mujrimun*, orang-orang yang berdosa, orang-orang rasuah, salah guna kuasa, mencuri, merompak dan sebagainya tunduk terpaku dalam keadaan terhina. Mereka mengakui mereka melihat dan mereka mendengar. Mereka mengakui kerana mereka melihat akan di depan mereka azab Allah Ta'ala.

Pada masa itu mereka berkata [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Antara maksudnya, hantarlah aku balik ke dunia semula, aku akan beramal soleh dan buat baik. Jadi sama-sama kita ambil ingatan kerana kita semua sayang kepada negara ini. *Wallahu a'lam*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang.

#### 4.08 ptg.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2014. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Pekan atas pembentangan Bajet 2014.

Sebagai permulaan, saya mengimbau kembali pencerobohan di Lahad Datu memberikan kesan bukan hanya kepada rakyat di Sabah, malahan menjadi parut di hati seluruh rakyat Malaysia. Angkatan pasukan keselamatan kita berjuang mengangkat senjata dan mempertaruhkan nyawa dalam memastikan negara kita kekal selamat dan keamanan negara tidak mudah digangu gugat. Tumpahnya darah perajurit, kita ditangisi seluruh rakyat Malaysia atas dasar pengorbanan yang dilakukan demi memastikan keamanan jutaan rakyat yang lain. Walaupun mungkin ada yang kata ini berlakonlah, rekaan.

Justeru, keprihatinan kerajaan kepada kebijakan anggota-anggota tentera sebagai usaha menghargai sumbangan mereka kepada negara dengan memperuntukkan jumlah RM202 juta disambut baik sebagai satu bukti penghargaan kerajaan di dalam memastikan

kebijakan bukan hanya kepada perajurit tetapi juga merangkumi keluarga perajurit. Tanpa melupakan jasa veteran Angkatan Tentera Malaysia, saya juga menyambut baik peruntukan RM48 juta bagi tujuan kebajikan 20,000 orang veteran ATM meliputi perubatan, *ex gratia* dan pendidikan.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil inisiatif bijak dan berhemah dengan menyediakan bantuan kepada golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Program kebajikan yang diperkenalkan kerajaan sebagai sebahagian daripada inisiatif jaringan keselamatan sosial terbukti telah memberi manfaat kepada 514,66 kumpulan sasar sehingga Ogos tahun ini.

Sebanyak RM1.2 bilion juga telah diperuntukkan kerajaan bagi program berkenaan yang membabitkan kanak-kanak, golongan kurang upaya, warga tua, keluarga miskin dan ibu tunggal. Dalam masa yang sama, kerajaan juga terus komited untuk membantu kebajikan rakyat dalam meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah dengan memperuntukkan RM400 juta bagi program 1Azam bagi pembabitan masyarakat dalam aktiviti berskala kecil seperti pertanian, perusahaan mikro dan subsektor perkhidmatan. Ini dapat membuktikan usaha kerajaan untuk mendidik golongan berpendapatan rendah juga supaya tidak terus menerus bergantung kepada subsidi dan bantuan kerajaan tetapi mempelbagaikan program bantuan kerajaan untuk kelestarian kehidupan dan ekonomi.

Sara hidup yang saban tahun meningkat termasuk harga harta tanah dan rumah yang begitu tinggi sedikit sebanyak menjelaskan taraf ekonomi keluarga. Jadi, kerajaan telah berusaha sebaiknya sebagai mana yang telah dibentangkan untuk menaikkan RPGT di dalam memastikan rakyat kekal menjalani kehidupan yang efektif dan harmoni. Dalam usaha untuk terus meringankan beban kehidupan rakyat memastikan pemberian bantuan menuju tepat kepada golongan sasaran, kerajaan menepati janji untuk menjaga kebajikan rakyat dengan menambah baik Bantuan Rakyat 1Malaysia kepada isi rumah dan individu bujang.

Melengkapkan lagi fokus kerajaan cadangan caruman insurans Takaful Berkelompok ini diberi kepada semua penerima isi rumah juga merupakan satu langkah yang tepat yang mana diharapkan dapat memberi perlindungan maksimum sehingga RM30,000 kepada penerima-penerimanya sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya yang kekal.

Tahniah juga kerajaan kerana menjaga kebajikan penjawat awam seperti mewujudkan subsidi rentas ke sektor awam berjumlah RM180 sebulan, kini juga bakal dinikmati oleh penjawat awam yang berpendapatan bulanan seisi rumah RM3,000 hingga RM5,000. Pemberian bantuan yuran taska sebanyak RM250 sebulan kepada ibu bapa berpendapatan bulanan tidak melebihi RM900 yang menghantar anak-anak ke taska swasta yang berdaftar.

Jadi, adalah diharapkan daripada penjawat-penjawat awam agar *delivery system* akan bertambah baik supaya dasar-dasar yang dibawa oleh kerajaan ini yang ingin dilaksanakan untuk kebajikan rakyat jelata ini akan dapat memanfaatkan rakyat. Bantuan-bantuan kebajikan ini secara tidak langsung merupakan subsidi-subsidi yang menepati sasaran dan adalah diharapkan rakyat juga akan mula belajar dan mempraktikkan perbelanjaan secara berhemah supaya dapat menyesuaikan diri dengan situasi ekonomi semasa.

Malaysia dianggarkan mempunyai sejumlah 2.8 juta OKU pada masa ini. Justeru, kita dengan adanya peruntukan ini juga kita mengharapkan akan lebih meningkatkan penyertaan golongan ini bukan sahaja dalam program kemasyarakatan tetapi juga skop pendidikan dan pasaran kerja untuk lebih berdaya saing dan maju seiring dengan golongan normal yang lain.

Saya ingin beralih kepada keadaan di kawasan saya. Pertama sekali ialah tentang kesihatan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana permohonan yang lepas dalam penggal lepas seperti permohonan untuk *city scan* dan sebagainya pada masa ini sedang dilaksanakan di Limbang. Dalam masa yang sama memandangkan Hospital Limbang telah pun dinaiktarafkan kepada Hospital Pakar Minor, jadi maka saya ingin memohon kepada kementerian supaya turut menyediakan sebuah *specialist block* dengan izin bagi menempatkan kemudahan-kemudahan pakar di Hospital Limbang.

Juga dari penggal yang lepas dan insya-Allah akan tetap memohon iaitu permohonan sebuah klinik desa di Nanga Mendamik yang telah pun diluluskan seawal tahun 2009. Tapaknya sudah sedia, hanya menunggu pembinaan sahaja. Jadi saya berharap dengan peruntukan dalam bajet ini, kerajaan akan membina klinik desa di Nanga Mendamik khusus untuk penduduk-penduduk di kawasan Ulu Limbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan kerajaan untuk membina sebanyak 223,000 unit rumah baru serta peruntukan bagi membina 80,000 unit PR1MA. Selain itu juga bersetuju dengan langkah yang diambil kerajaan dengan tawaran Skim

Rumah Mampu Milik, milik swasta atau *My Home* untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak kos rendah dan sederhana.

Penumpuan perlu dilakukan bukan hanya di kawasan bandar semata-mata kerana penduduk di luar bandar juga ingin menikmati kemajuan sektor perumahan ini untuk mereka mempunyai rumah sendiri yang lebih sempurna dan selesa seperti pelan perumahan yang dicadangkan kerajaan. Tidak perlu rumah yang mewah tetapi kos rendah dan sederhana supaya memadai untuk dimiliki mengikut kemampuan mereka.

Dalam arus kemajuan dan kecanggihan teknologi maklumat sekarang ini, penduduk di pekan kecil dan kampung juga sudah bijak mengikuti perkembangan semasa berkaitan perumahan ini. Saya mencadangkan agar jaringan skim-skim perumahan ini tidak hanya ditumpukan di bandar-bandar atau pun pekan besar sahaja tetapi juga memastikan agar skim ini diagihkan ke seluruh negara secara saksama mengikut saiz dan jumlah penduduk. Jangan langsung tiada kerana rakyat akan tanya kepada kami wakil rakyat, mana rumah 1Malaysia Yang Berhormat yang telah pun diumumkan oleh kerajaan?

Memang betul juga. Walaupun di pekan kecil ada juga rakyat-rakyat yang mampu untuk membeli rumah sedemikian tetapi jumlahnya memang tidak banyak. Bukan semua rakyat hanya ingin hendak duduk dalam rumah PPRT atau pun RMR sahaja. Saya berterima kasih atas bantuan perumahan seperti Rumah Mesra Rakyat dan juga PPRT yang telah pun banyak dibangunkan di Limbang. Saya mengharapkan pertimbangan sewajarnya daripada kerajaan kerana keperluan perumahan di kawasan ini masih perlu diperluaskan lagi.

Saya juga ingin menyentuh Skim Pinjaman Perumahan yang disediakan kepada golongan berpendapatan rendah bagi membina rumah. Saya mencadangkan agar pinjaman maksimum skim perumahan dapat dikaji semula dan dipanjangkan ke Sarawak kerana masih terdapat ramai rakyat berpendapatan rendah yang tidak dapat memohon pinjaman perumahan disebabkan gaji mereka yang kecil.

Menyentuh tentang luar bandar, saya akan terus kepada permohonan Tuan Yang di-Pertua iaitu pada masa ini kita mengucapkan terima kasih. Memang banyak perubahan di Limbang dari segi pembangunan jalan raya luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, dan juga bekalan air luar bandar. Hanya ada satu, dua perkara iaitu tentang jalan. Pada masa ini Jalan Meritam-Telahak-Bong Abai fasa 1 sudah siap. Fasa kedua pun sedang dalam pembinaan sebanyak 75% tetapi terbengkalai. Sudah mencecah dua

tahun belum siap-siap lagi. Jadi, ini membantutkan pembangunan tanah di kawasan kampung-kampung di sepanjang Sungai Limbang.

Justeru dari itu, saya ingin memohonlah kepada kerajaan. Kalau-lah kontraktor ini tidak mampu hendak buat, batalkan sahaja kontrak mereka dan teruskan, masukkan yang baki ini dalam fasa ketiga untuk membina jalan yang saya sebutkan tadi ini. Disebabkan jalan ini, kalau hanya berhenti di fasa 2, tidak ada fasa 3, jalan ini menjadi gajah putih di tengah-tengah hutan belantara. Jadi, fasal 3 mesti dilaksanakan sebagai satu *loop* di kawasan pedalaman, kawasan di sepanjang Sungai Limbang. Jadi, saya minta supaya fasa 2 ini disiapkan. Mungkin dimasukkan sekali dalam fasa 3.

Satu lagi ialah tentang Jalan Bong Ubur-Mentawai fasa I dalam pembinaan. Alhamdulillah berjalan dengan lancar. Saya berharap dalam *rolling plan* baru ini bajet ini akan diteruskan membina fasa II yang menuju kepada Gunung Muda dan terus ke Gunung Mulu iaitu kawasan *World Heritage*, tarikan pelancong di Sarawak.

Selain itu, dari segi pendidikan pula, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana banyak perubahan telah berlaku di luar bandar, tentang sekolah-sekolah di luar bandar. Ada sebuah sekolah SK Tanjong. Saya difahamkan tender telah pun di dalam proses pemanggilan tender. Saya berharap ia akan dapat dilaksanakan sebelum sungai itu sendiri terjun dalam Sungai Limbang disebabkan oleh masalah hakisan.

Satu lagi ialah bekalan air luar bandar. Pada masa ini dari Pekan Limbang menuju ke sebuah sub *district* iaitu pekan Nanga Medamik 26 batu. Separuh daripada bekalan air sudah sampai sepanjang jalan menuju ke situ. Saya berharap sebagai janji PRU-13, top prioriti dengan izin saya minta fasa II daripada Simpang Ukum ke Pekan Medamik yang di sana ada SMK ada SR, ada sekolah rendah, sekolah menengah, pekan baru, komersial *center* dan sebagainya, semua ada. Jalan ada, lampu, elektrik. Yang belum ada bekalan air luar bandar.

## ■1620

Jadi, saya minta dalam bajet ini akan diberi keutamaan untuk menyambung daripada Simpang Ukum ke pekan kecil Nanga Mendamit ini. Satu lagi ialah di kawasan bekalan air luar bandar ini juga kawasan Ulu Pandaruan. Dalam penggal lepas sehingga pada awal tahun ini, paip air sudah siap. Semua paip telah ditanam, pili bomba semua sudah siap di sepanjang menuju ke rumah panjang. Malangnya, air tidak boleh disalurkan. Mungkin *wrong paper work* dahulu. *They forgot*, dengan izin, lupa hendak bina *high level tank*. Paip ada tetapi air tidak ada, tidak cukup. Jadi, saya minta ini juga diutamakan sebelum ia menjadi gajah putih dan menjadi *laughing stock*.

Dari segi pendidikan pula, ada satu lagi itu tentang sebuah sekolah pastinya hasil lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2012 ke pedalaman Limbang membawaikan hasil setelah melihat sendiri keadaan sekolah dengan murid yang telah mendapat peruntukan sebanyak RM17 juta. Terima kasih di atas perhatian tetapi saya ingin menekankan agar supaya banyak perkara lain dalam pembinaan sekolah ini supaya jambatan gantungnya juga dibina yang mana jambatan ini telah pun roboh sebulan selepas TPM melawat sekolah itu disebabkan banjir.

Saya juga mohon kepada iaitu sebuah SMK Limbang. Bantuan kepada SMK Limbang yang berada dalam keadaan daif. Jumlah pelajar 1,222 orang dan keadaan kelas serba daif yang hanya memiliki blok kayu dan blok konkrit. Makmal dan bilik khas serta kemudahan sukan dalam keadaan uzur dan tidak lengkap. Juga kawasan sekolah yang tidak dipagar, malah asrama perempuan juga terpaksa dijadikan bilik darjah dan kerusi meja pelajar yang rosak juga dibaiki atas inisiatif PIBG. Saya telah pun beberapa kali memohon, memberi keutamaan kepada SMK Limbang ini. Sekolah menengah yang dibina seawal tahun 1950-an, saya minta ia dinaik taraf ataupun diberi gantian. Jadi, saya berharap perkara-perkara ini dapat diambil perhatian.

Satu lagi, tentang GST. Saya menyambut baik langkah kerajaan yang menyatakan GST tidak akan dikenakan kepada barang asas. Seperti barang keperluan asas, perkhidmatan kerajaan, pengangkutan dan lain-lain dan ia sekali gus menafikan bahawa GST akan menindas golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Isu-isu lain ialah tentang ini mungkin perkara kecil tempat lain. Mungkin di Kuala Lumpur ia tidak memberi kesan tetapi bagi kami di kampung-kampung, di pedalaman, di pesisiran Sarawak dan Sabah iaitu tentang kampung tradisi di atas air. Dua hari lepas di Lawas, 20 buah rumah hangus. Kampung di atas air. Di Limbang Kampung Pamukat sudah tiga kali hangus, habis berbelas buah rumah. Jadi, saya pernah menyuarakan iaitu disebabkan kampung-kampung ini di atas air. Saya telah menyuarakan kepada kerajaan supaya menubuhkan pasukan bomba air yang saya ambil contoh daripada negara jiran di Brunei sebab kawasan-kawasan kampung di atas air ini memang susah hendak memadamkan apabila kebakaran, susah. Macam mana hendak datang? Ini kampung atas air.

Jadi, saya minta supaya kerajaan kalau pun tidak mahu tempat lain, Limbang dan Lawas, saya minta supaya mengadakan bomba air ini. Ia biasa sahaja, macam saya tengok Brunei itu, bot, enjin, ada *nozzle* dan pam air terus dan perahu-perahu ini yang digunakan untuk memadamkan kebakaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kawasan saya Yang Berhormat, ada 10 kampung atas air.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Inilah sepatutnya perkara ini diambil perhatian oleh semua pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Masukkan itulah ya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Boleh dimasukkan ucapan Tuan Yang di-Pertua ke dalam ucapan saya. Jadi, perkara ini mungkin kecil. Tidak tahu lah kalau hendak tunggu tempat siapa hangus dahulu baru hendak bagi. Jangan lupa kami di kampung-kampung di atas air ini. Kampung Tuan Yang di-Pertua dan sebagainya. Perkara kecil tetapi besar maknanya kepada rakyat yang kehilangan ini. Mereka terus jatuh miskin apabila sudah hangus rumahnya yang dibina berpuluh-puluh tahun. Keluarga di situ, berpuluh-puluh kelamin kehilangan harta benda.

Jadi, satu lagi ialah tentang *wi-fi*. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan sebab telah banyak kampung *wi-fi* diwujudkan di Limbang dan juga ada enam menara telekomunikasi di pedalaman tetapi dari bulan Februari sehingga hari ini belum ada *service provider*. Saya tidak paksa, kita faham sebab ini adalah *business driven*. Akan tetapi saya mengharapkan kerajaan supaya berunding sebagai CSR dengan servis-servis *provider* supaya cepat-cepatlah menggunakan *tower-tower* yang sudah didirikan ini. Sebenarnya saya memerlukan ada empat buah *tower* lagi untuk mencakupi kawasan-kawasan yang belum ada di pedalaman.

Selain itu juga, saya ingin menyuarakan tentang ucapan terima kasih saya kepada Kementerian Dalam Negeri. *Alhamdulillah*, di Limbang sekelip mata sahaja dalam sebulan, dua bulan ini, sudah beres, bersih judi siber. Habis, tidak ada yang buka kedai. Semua bungkus. *Alhamdulillah* dan saya mengucapkan tahniah kepada KDN dan PDRM dan semua jawatankuasa penguat kuasa yang lain kerana telah mengambil tindakan yang begitu efektif. Saya minta ia diteruskan, sentiasa dipantau supaya mereka ini tidak cuba-cuba hendak buka lagi judi-judi siber ini.

Juga saya mengharapkan kepada PDRM, Kementerian Dalam Negeri iaitu Ops Cantas. Saya sungguh-sungguh secara peribadi minta supaya Ops Cantas ini diteruskan sampai bila-bila. Sampai semua penyangak-penyangak ini yang betul-betul penyangaklah akan dapat dilumpuhkan. Oleh sebab pagi tadi saya baru menerima jawapan bahawa saya pernah bertanya di Limbang berapa orang gengster telah ditangkap. Penyangak-penyangak dan penjahat ini yang merosakkan keamanan kehidupan dan ketenteraman

awam hari-hari ini. Saya diberi pecahan, ada seramai 30 orang. 21 berbangsa Melayu, 18 lelaki 3 perempuan. 2 Cina, 3 Iban, 12 lain-lain bangsa.

Akan tetapi saya berminat, saya minta kepada PDRM dan juga Kementerian Dalam Negeri, kalau dapat sekiranya secara tulis pun tidak apa. Ingin juga saya hendak tahu yang 21 orang Melayu ini apa yang dia buat. Ingin juga saya hendak tahu sebab kita orang *local* ini tahu juga Limbang bukan besar dan apa yang dia buat. Ingin juga kita, betul-betul saya minta jawapan daripada ini.

Satu lagi permohonan saya yang seperti yang pernah saya suarakan dahulu iaitu tentang isu bankrap ini. Bagi orang-orang Limbang adalah sebuah *district* di Malaysia yang tidak sama dengan tempat lain. Kita dikapit oleh dua daerah negara jiran. Hendak keluar dari Limbang kena guna pasport merah, pasport biru, khas untuk melintasi negara Brunei. Akan tetapi apabila ada orang bankrap, orang Kadazan bankrap sebab tidak bayar kereta, sebab sakit, lumpuh, *stroke* tidak boleh. *Breadwinner* ini lumpuh, tidak boleh hendak bayar kereta. Apabila tidak boleh bayar kereta, jadi kena bankrap. Apabila bankrap, sudah tidak boleh hendak berjalan-jalan lagi keluar daripada Limbang sebab pasport kena blok.

Saya minta, sekali lagi saya minta walaupun saya pernah menerima jawapan, saya minta pasport biru ini...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sekejap Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Sorry, *I cannot give you. I have lots of things to say.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Just to add...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Sorry, please.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Saya minta supaya pasport biru ini kalau hendak blok pun saya faham, pasport merah supaya orang tidak lari ke luar negara. Kalau pasport biru itu tidak boleh pergi ke mana, melintas Brunei sahaja, tidak boleh pergi mana. Naik kapal terbang pun boleh pergi Kota Kinabalu, pergi Kuching sahaja di bawah BIMP-EAGA pakai kapal terbang menggunakan pasport biru, itu sahaja dia boleh jalan. Oleh sebab ini kemudahan untuk melintas ini. Walaupun mungkin jumlah bankrap- tidaklah banyak orang Limbang bankrap tetapi ini isu rakyat juga. Jadi, saya meminta supaya kalau hendak *whatever it is* daripada KDN, lihat perkara ini supaya pasport biru ini saya minta. Permohonan rakyat, bukan saya, rakyat yang minta supaya

jangan *block* pasport biru dan yang merah silakan kepada seluruh orang bankrap di Malaysia ini. Jadi, satu lagi ialah tentang dahulu pernah telah diluluskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan yang satu itu, selepas itu gulung.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Boleh. Belum gulung lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah masuk waktu, habis.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Okey, iaitu tentang menteri yang lepas iaitu masalah mendapan kuala Sungai Limbang. Sekarang ini kampung-kampung sepanjang Sungai Limbang kalau ada pasang besar, sekaki dimasuki air. Semuanya disebabkan oleh mendapan di kuala Limbang. Akan tetapi telah pun diluluskan RM10 juta dalam penggal lepas dan tidak dapat dilaksanakan sebab Brunei hendak EIA *study*. EIA *study* telah dilakukan saya rasa sudah masuk dua tahun. Kita tidak tahu apa cerita. Jadi, saya minta kepada kerajaan supaya memastikan yang telah diluluskan ini akan dilaksanakan. Kalau tidak, dalam lima tahun ini rasa-rasanya kampung pun sudah banjir, pekan Limbang pun boleh banjir disebabkan oleh mendapan di muara Sungai Limbang ini.

Jadi, saya minta kerajaan supaya melihat perkara ini dan juga jangan lupa iaitu tentang dahulu ada *planning* kerajaan untuk menaik taraf pengangkutan awam di Bandar Raya Kuching yang telah pun dianggarkan RM200 juta untuk diberikan kepada kerajaan negeri untuk menaik taraf pengangkutan awam di Bandar Raya Kuching ini. Jadi, saya ingin hendak bertanya kepada kerajaan, apakah ceritanya, apakah statusnya, rakyat bertanya juga.

▪ **1630**

Jadi saya rasa itu sahaja apa yang saya hendak sampaikan. Saya ucapkan terima kasih. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana membentangkan Bajet 2014 ini. Mudah-mudahan ia akan sampai dan dapat dimanfaatkan kepada rakyat jelata dan juga pelaksana-pelaksana, *please do something about it*. Janganlah sampai banyak kena tanya dengan Ketua Audit Negara lagi. Saya minta semua dilaksanakan demi untuk manfaat kepada rakyat jelata. Dari sini, Ahli Parlimen Limbang menyokong Bajet 2014. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lanang.

**4.30 ptg.**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul Bajet 2014 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, Laporan Ketua Audit Negara merupakan kad laporan bagi kerajaan setiap tahun. Akan tetapi, saya amat kecewa kerajaan kerajaan tidak memandang berat terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh laporan tersebut. Setiap tahun, kita dapat laporan bahawa banyak barang yang dibeli dengan harga yang tidak munasabah. Rakyat tidak dapat menerima alasan bahawa itu bukan rasuah tetapi hanya membeli barang dengan harga yang lebih mahal. Kalau lebih mahal beberapa sen atau beberapa ringgit, saya rasa rakyat dapat terima. Akan tetapi selalunya, terlampau mahal dan berkali-kali ganda mahal. Siapakah yang perlu bertanggungjawab? Akhirnya, rakyat yang perlu menanggung keborosan dan kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini. Saya berharap, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas supaya perkara tersebut tidak akan berulang lagi untuk menjimatkan duit rakyat dan mengukuhkan keyakinan rakyat dan menjaga imej dan kredibiliti sektor awam.

Isu kedua adalah mengenai *charge* bekalan elektrik. Di Sarawak, syarikat elektrik adalah syarikat SESCO Berhad. Adakah kerajaan sedar bahawa masalah-masalah yang dialami oleh ramai rakyat di Sarawak baru-baru ini? Ramai rakyat ditukarkan meter elektrik mereka dan kemudian menerima bil elektrik yang mengejutkan. Mereka dituduh mencuri elektrik dan perlu membayar bil yang tinggi. Apabila mereka tidak mampu membayar bil-bil tersebut, bekalan elektrik akan dipotong atau diputuskan. Bagi mereka yang benar-benar mencuri elektrik, memang patut dihukum atau memang patut membayar bil tersebut tetapi masih banyak yang tidak mencuri elektrik tetapi didakwa secara tiba-tiba. Siapakah yang dapat membela nasib golongan ini? Adakah Kerajaan Persekutuan dapat memberi keprihatinan dan melihat ke dalam isu ini untuk menyelamatkan mangsa-mangsa yang tidak bersalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, semasa Pilihan Raya Umum Ke-13, Barisan Nasional dalam manifestonya telah berjanji bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebanyak RM500 akan dinaikkan kepada RM1,200. Akan tetapi dalam Bajet 2014, BR1M hanya dinaikkan ke RM650 atau RM700. Ramai rakyat asyik bertanya, mengapa hanya RM700? Semasa kerajaan berjanji untuk menaikkan BR1M ke RM1,200, kerajaan tidak berjanji untuk memotong subsidi minyak dan memansuhkan subsidi gula. Walaupun RM650 diberi, ia hanya RM1.78 sen sehari. Duit ini tidak cukup untuk membeli satu liter minyak diesel

yang berharga RM2 seliter. Kalau satu keluarga seramai lima orang, berapa seorang dapat? 35 sen sahaja. 35 sen hanya cukup untuk segelas air suam di kedai kopi. Tidak cukup untuk teh Cina pun.

Tambahan pula, kerajaan menambah beban rakyat apabila subsidi gula dimansuhkan dalam Bajet 2014. Alasan Perdana Menteri adalah untuk kebaikan rakyat dan juga kehidupan seks. Saya rasa ini adalah alasan yang mengecewakan kerana bukan sahaja orang dewasa yang makan gula, budak-budak juga makan gula. Kek hari jadi, kuih-muih dan kek-kek musim perayaan juga menggunakan gula yang banyak. Pemansuhan subsidi gula akan mengakibatkan kenaikan harga ke atas roti, kuih-muih dan kek, ‘kopi O’ dan sebagainya. Hari ini...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Gula, gula, gula.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Satu minit sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Setengah minit.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Ya, setengah minit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Ini tentang kekurangan subsidi gula, diumumkan tanpa menghiraukan sentimen kaum India. Kerajaan Barisan Nasional tidak langsung peka kepada perayaan Deepavali yang diraikan oleh kaum India di Malaysia. Amat jelas kenaikan harga gula akan membawa satu kesukaran kepada rakyat Malaysia, kaum India ketika ini. Inikah janji yang ditepati atau erti ‘romba nandri’ yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Sila ulaskan. Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Masukkan ucapan Yang Berhormat Kapar dalam ucapan saya. Ini adalah ‘janji dicapati’. Hari ini, persatuan bakery di Sarawak telah mengumumkan kenaikan harga sebanyak 15% ke atas semua roti mulai bulan Disember 2013. Ini amat membebankan rakyat jelata.

Selain itu, saya ingin menyentuh isu ibu tunggal di negara kita. Saya dimaklumkan bahawa ibu tunggal hanya menerima bantuan kebajikan sebanyak RM100 untuk seorang anak jagaannya. Adakah kerajaan sedar bahawa RM100 sebulan hanya cukup untuk membeli susu tepung atau makanan anak-anak? Saya bercadang supaya bantuan ini dapat dinaikkan untuk meringankan bebanan ibu tunggal. Ramai ibu tunggal yang perlukan pekerjaan akan tetapi siapa yang dapat menjaga anak mereka? Oleh itu, saya

mencadangkan kerajaan untuk membina *child care center* atau pusat jagaan kanak-kanak percuma untuk kaum wanita terutama ibu tunggal. Saya juga menyeru kerajaan untuk menaikkan kadar bantuan kebajikan seperti bantuan kanak-kanak dari RM100 seorang atau maksimum RM450 sekeluarga terutamanya kepada ibu tunggal yang tidak dapat bekerja kerana terpaksa menjaga anak-anak kecil mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Pilihan Raya Umum Ke-13, Perdana Menteri kata kerajaan akan mempertimbangkan skim insurans bagi ibu tunggal yang berdaftar bagi manfaat golongan itu yang membabitkan sumbangan premium RM12 setiap seorang dengan peruntukan RM12 juta setahun. Skim insurans itu akan menawarkan sumbangan sebanyak RM5,000 untuk kematian, RM5,000 untuk khairat kematian, RM10,000 untuk kematian akibat kemalangan dan RM10,000 untuk kurang upaya akibat kemalangan. Seramai 831,860 orang ibu tunggal masih menunggu skim insurans ini. Saya berharap, janji ini dapat ditepati memandangkan mereka yang menerima bantuan kebajikan tidak layak menerima BR1M dan tidak akan dibayar RM50 untuk insurans Takaful.

Tuan Yang di-Pertua, di Semenanjung Malaysia ada banyak lebuh raya (*highway*). Di Sarawak kononnya ada satu *highway* iaitu *Pan-Borneo Highway* tetapi sehingga sekarang, rakyat masih menantikannya. Lebuh Raya Pan-Borneo ini adalah sepanjang 2,239 kilometer dan akan bermula pada tahun 2011 hingga tahun 2025 dengan anggaran sebanyak RM22 bilion. Akan tetapi, peruntukan sebanyak RM500 juta sahaja diumumkan untuk pembinaan Lebuh Raya Pan-Borneo dalam Bajet 2014. *Simple calculation*, dengan izin. RM500 juta sahaja diberikan untuk pembinaan, RM22 bilion untuk kos keseluruhan projek. Jadi lebuh raya ini mengambil masa 44 tahun baru siap dan bukanlah 15 tahun yang diumumkan. Adakah kerajaan sedar berapa banyak nyawa yang telah terkorban di jalan ini?

Saya mendapat jawapan dari Parlimen bahawa jumlah kemalangan di Jalan Pan-Borneo dalam tempoh tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah sebanyak 3,993 kes kemalangan. 904 di Sabah dan 3,089 di Sarawak. Jumlah kematian yang dicatatkan akibat kemalangan tersebut adalah seramai 411 orang iaitu 85 orang di Sabah dan 326 orang di Sarawak. Banyak kes kemalangan telah berlaku dan saya berharap Kerajaan Barisan Nasional memandang serius terhadap setiap nyawa anak Malaysia. Saya menyeru supaya kerajaan dapat memandang berat rakyat Sabah dan Sarawak dengan mempercepatkan pembinaan ini dengan secepat mungkin untuk keselamatan semua rakyat di Sabah dan Sarawak.

Isu seterusnya yang saya ingin bangkitkan adalah tentang kemunduran atau kekurangan kemudahan asas di rumah-rumah panjang di kawasan Lanang dan juga di kawasan Siru. Berapa peratuskah rumah-rumah panjang di kawasan Lanang dan juga Sarawak yang masih belum mempunyai bekalan elektrik dan bekalan air yang terawat? Bayangkan rumah panjang dengan keluasan lebih ratusan ekar tetapi tidak mempunyai sebarang kemudahan bekalan elektrik mahupun air.

#### ■1640

Banyak lagi jalan akses utama ke rumah panjang tidak bertar dan sentiasa dinaiki air serta berlumpur ketika musim hujan. Laluannya juga berbatu-batu bergantung kepada musim-musim tertentu. Malah mereka yang berasal daripada kaum Iban dan turut berbangga dengan kaum mereka. Walaupun tidak menikmati kehidupan sempurna di kediaman perkampungan mereka, sungguh pun terletak berdekatan dengan Bandar Sibu yang lebih maju dan sibuk. Mereka juga merupakan penyokong kuat Barisan Nasional. Penduduk-penduduk di rumah panjang sentiasa bersikap optimis, yakin akan ada perubahan dalam masa terdekat. Namun harapan tersebut nampaknya amat jauh dari kenyataan. Mereka bergantung kepada penjana elektrik berasaskan diesel yang tinggi kosnya. Di sana waktu senja menandakan berakhirnya hari mereka, melainkan jika penjana elektrik atau generator dihidupkan.

Mereka terpaksa membeli dan mengangkut sendiri tong minyak yang cuma mampu bertahan untuk diri dan keluarga selama lebih kurang dua minggu, jika digunakan secara cermat setiap kali malam menjelang. Kekurangan bekalan air akan lebih menyukarkan, malah menyeksa kehidupan. Bayangkan cabaran daripada kekurangan air. Kerajaan membekalkan tangki air, tapi cukup kah bekalan air yang dibekalkan dalam tangki untuk kehidupan harian dan minuman. Mungkin mereka boleh mandi di sungai, ini ialah apa yang difikirkan. Boleh mandi, minum, makan di tepi sungai atau di dalam sungai. Akan tetapi sanggup kah kita mandi dalam air sungai yang keruh yang berwarna seperti teh tarik.

Di kawasan saya Lanang, satu tempat yang bernama Naman yang dekat dengan Bandar Sibu telah mempunyai paip disalurkan. Akan tetapi bekalan air belum disambungkan. Maknanya mereka mempunyai paip tetapi tidak ada air. Paip adalah untuk hiasan sahaja. Apa akan berlaku ketika musim kemarau? Ketika paras air sungai juga surut dan kering. Mereka perlu meminta air dari JKR dari semasa ke semasa ketika musim kemarau dan banyak kali tidak dilayani atau penghantaran agak lambat.

Saya bercadang dan mengalu-alukan agar Menteri Luar Bandar dan Wilayah dapat melawat rumah-rumah panjang di Sarawak dan melihat dengan mata sendiri apakah yang diperlukan oleh penduduk-penduduk di rumah panjang. Juga membekalkan kemudahan dan infrastruktur yang hak untuk mereka menikmatinya. Ini sahalah ucapan saya. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.

#### **4.43 ptg.**

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah menghayati perincian inti pati Belanjawan 2014 yang di bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 25 Oktober 2013 di Dewan yang mulia ini. Saya merasakan tiada ungkapan yang lebih tepat selain daripada slogan yang diberikan kepada bajet tersebut. ‘Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Menunaikan Janji’. Kita juga maklum perancangan dan penyediaan Bajet 2014 ini bertiraikan iklim ekonomi serantau dan global yang tidak menentu serta kurang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, bajet ini masih boleh mengimbangi penumpuan aspek-aspek ekonomi makro negara seperti usaha menurunkan defisit fiskal serta mengawal kadar inflasi.

Dari aspek dan isu ekonomi mikro pula Bajet 2014 di tumpukan kepada cadangan rombakan rejim perculaian domestik melalui implementasi sistem GST di penggal pertama tahun 2015. *One off tax relief* RM2,000 untuk pembayar cukai yang berpendapatan sehingga RM8,000 pada tahun kewangan 2013. Penurunan 1% hingga 3% cukai syarikat korporat dan cukai individu serta menaikkan tarif pendapatan yang dikenakan cukai daripada melebihi daripada RM100,000 kepada melebihi RM400,000 dan penjadualan semula perculaian RPJT sebagai usaha mengurangkan aktiviti spekulasi hartanah di antaranya.

Tuan Yang di-Pertua, para dasarnya kesemua perkara yang dicadangkan semasa pembentangan itu adalah berpaksikan lima teras asas iaitu merancak aktiviti ekonomi, mengukuh pengurusan fiskal, mengungguli modal insan, mempergiat bangunan bandar dan luar bandar, mensejahterakan kehidupan rakyat. menjadikan belanjawan kali ini komprehensif bertanggungjawab dan bertujuan untuk menunaikan janji mendahulukan rakyat.

Oleh itu saya mewakili rakyat Labuan ingin memanjangkan penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana berjaya merangka, menyedia dan membentang satu bajet jangka pertengahan, jangka panjang yang *inclusive* dan konklusif. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mendengar berbagai-bagai-bagai hujahan dari Ahli-ahli Parlimen, dari kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang. Sangat menarik dan selalu juga di sebut bahawa Laporan Ketua Audit Negara menyatakan berbagai-bagai-bagai kelemahan yang ada di dalam pentadbiran kita.

Melihat secara positifnya pula bagi saya Ketua Audit Negara dapat melaporkan apa yang perlu dilaporkan itu adalah satu kejayaan besar negara kita. Ini menunjukkan negara kita telus dan mempunyai *check and balance* dengan izin. Saya juga setuju sebahagian, banyak jugalah cadangan-cadangan dari Ahli-ahli Parlimen, bukan sahaja daripada sebelah sini, tetapi juga yang di sebelah rakan-rakan iaitu di sebelah pembangkang. Seperti perlu juga memberi bantuan yang cukup kepada sekolah jenis kebangsaan. Saya pun mempunyai beberapa pengalaman di kawasan saya dan setengah permintaan mereka memanglah permintaan yang agak berpatutan juga. Peruntukan yang lebih perlu diberikan kepada SPRM di dalam peperangan melawan rasuah. Mungkin kita boleh melihat sedikit sebanyak apa yang dicadangkan. Akan tetapi melawan dan menentang peperangan rasuah ini sebenarnya bukan hanya memberi peruntukan kepada SPRM, sebab peperangan ini perlu dilakukan oleh semua pihak termasuklah program-program pembangunan insan.

Jadi saya pun mengalu-alukan penekanan yang lebih besar untuk pembangunan modal insan yang juga diberikan di dalam bajet ini. Begitu juga dengan bantuan bulanan yang lebih besar untuk OKU, setuju. Banyak lagi,lah, tapi yang saya tidak boleh setuju adalah kata-kata yang mengatakan Malaysia belum bersedia untuk GST. GST akan membebankan rakyat, terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana. Bagi saya kita semua patut mengalu-alukan penggantian sistem percukaian SST kepada GST. Sama ada kita mahu teruskan SST atau pun menggantikannya dengan GST. Jadi persoalannya adalah sistem yang mana satu yang lebih baik?

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Labuan, boleh? Saya minta penjelasan Yang Berhormat sebab ada setengah pihak yang telah pun

menganggarkan dia membuat pengiraan bahawa *targetnya* keluarga berpendapatan yang mana isi rumahnya kurang daripada RM2,000. Dia kira-kira GST akan dikenakan bila sampai setahun, jumlahnya akan bayar dianggarkan lebih kurang RM600.

■1650

Di samping itu, kerajaan pula bagi BR1M sebanyak RM650. Jadi, ada satu persepsi yang wujud di kalangan awam bahawa kerajaan bagi duit masuk poket kanan, lepas itu keluarkan dari poket kiri. Jadi, pandangan Yang Berhormat, perlu tidak kita - sebab saya tidak percaya dengan pembangkang, maka perlukah kita minta satu penjelasan yang *detail*, yang terperinci daripada Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Kita keluar dari satu poket dengan amaun yang lebih kecil dibandingkan dengan amaun yang masuk pula di poket yang lain. Sebenarnya itulah yang sedang berlaku.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bermakna, setujulah keluar poket kiri, masuk poket kanan. Setuju ya?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sedikit.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya ada 15 minit sahaja ini Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Seminit sahaja, seminit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau tidak bagi, bagi tahu. Kita suruh duduk Yang Berhormat.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya teruskan. Bagi momentum dahulu, barulah syok nanti.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]* Tidak, ini sebelum dapat stim, saya masuk. Nanti bila sudah dapat stim, susah hendak masuk.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Nantilah, nanti. Sebab itulah saya perkatakan tadi saya tidak setuju disebabkan ianya bukan satu program *piecemeal* tetapi ia adalah satu program holistik di mana bajet ini mengambil kira semua lapisan. Saya yakin ramai bijak pandai kita daripada sebelah rakan-rakan pembangkang sebenarnya yang menghadapi dilema. Mereka faham, mereka tahu, malah semalam dengar juga Yang Berhormat Gombak mengatakan yang GST ini bagus, baik. Satu sistem yang lebih baik. Tidak hairanlah ada 160 negara sudah melaksanakan GST. Negara yang kurang membangun, yang sedang membangun dan yang sudah membangun *across the board*. Cuma Yang Berhormat Gombak mengatakan kita belum bersedia, disebabkan ianya akan menyusahkan atau membebankan rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Inilah dilema sehingga terpaksa mengolah ayat dan juga perkataan untuk menegakkan benang yang basah. Bagi saya, kepentingan negara sepatutnya mengatasi kepentingan politik.

Dalam hal GST ini saya lihat sepatutnya rakan-rakan di sana yang terdiri daripada profesional yang memang faham akan keperluan untuk negara kita melaksanakan GST yang sudah *long overdue* ini, dengan izin, untuk bersama-sama meyakinkan rakyat, untuk sama-sama memberikan rakyat faham untuk menerima satu sistem yang lebih baik. Satu sistem yang mana kutipannya akan lebih efisien, yang mana ia akan lebih *broad base* dan *collection* yang lebih banyak ini akan membolehkan kita membuat bermacam-macam program sosial untuk memastikan golongan yang kita ingin bela ini akan terbela.

GST juga sebenarnya kalau hendak baca kebaikannya, kalau hendak *compare* dengan kelemahan GST, memang *long list*. Jadi, betullah kata rakan kita tadi, kalau hendak berbincang mengenai GST ini bukannya 15 minit tapi dua jam. Jadi, saya setuju dengan apa yang beliau katakan tetapi ianya adalah sesuatu yang begitu senang untuk kita fahami. Malah, GST adalah satu sistem yang akan menjadikan negara kita lebih menarik kepada pelabur. Ia juga akan membolehkan eksport kita lebih *comparative* disebabkan eksport kita akan mempunyai *zero tax*. Begitu juga sebenarnya banyak barang yang akan menjadi lebih murah sepatutnya disebabkan kita telah menggantikan satu sistem yang sudah menghilangkan *cascading effect*, dengan izin.

Jadi, yang penting cuma untuk permulaan implementasi nanti, pihak-pihak penguat kuasa terutamanya daripada Kementerian KPDNKK dan sebagainya kena bekerja lebih untuk memantau supaya pedagang-pedagang ataupun *retailers*, dengan izin, tidak mengambil kesempatan dengan perubahan sistem ini untuk *profiteering* ataupun mengambil kesempatan dalam menaikkan harga,

Begitu juga dengan *rich man budget*. Saya tidak setuju. Malah saya lihat bajet ini lebih menjurus kepada pembelaan kepada golongan pertengahan dan rendah. Ramai yang dahulunya golongan pertengahan yang terpaksa membayar *tax*, sudah tidak perlu membayar *income tax*. Begitu juga BR1M telah ditambahkan kuantumnya dan untuk yang berpendapatan di antara RM3,000 ke RM4,000 juga akan menerima BR1M yang dahulunya tidak menerima. Jadi, ianya lebih sebenarnya membela kepada golongan yang dikatakan akan tertekan. Akan tetapi pada masa yang sama, bajet ini sebenarnya adalah baik untuk semua. Terutamanya yang akan menjadikan ekosistem perniagaan yang lebih baik untuk memastikan ekonomi kita akan terus berkembang. Cuma mungkin di tahun-

tahun seterusnya, saya berpendapat *corporate tax* dan *individual tax* itu mungkin boleh diturunkan lagi *gradually*.

Tuan Yang di-Pertua, bajet yang cantik sebenarnya cuma cantik sekiranya ia juga dilaksanakan dengan cantik. Jadi, saya berharap prioriti ataupun penumpuan dari segi pengagihan bajet-bajet yang telah diperuntukkan kepada kementerian-kementerian yang tertentu akan memastikan ianya dibelanjakan di kawasan-kawasan yang patut diberi prioriti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya boleh gulung, boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Sebagai contoh, industri berprestasi tinggi yang ingin kita majukan ataupun rancakkan, *oil and gas*. Saya melihat banyak kawasan baru yang ingin dimajukan sebagai kawasan hab minyak dan gas. Ingin saya sebutkan di sini bahawa ada juga sebenarnya kawasan-kawasan yang memang sudah secara *natural* maju dan boleh maju di dalam *oil and gas*. Contohnya, kawasan yang saya wakili, Labuan, Tuan Yang di-Pertua.

Di Labuan, sebenarnya walaupun tidak pernah diumumkan sebagai hab minyak dan gas tetapi ianya memang sudah hab minyak dan gas secara *natural*. Kalau hendak disebutkan *list* syarikat-syarikat *major oil and gas* dan *support service company* yang berjumlah melebihi 200, seperti *Shell*, *Conoco-Phillips*, *Petronas*, *Nippon Oil*, *Merfix Oil*, *Hess Oil*, *British Petroleum*, *ExxonMobil*, *Lundin Talisman*. *Support service* dia, *Baker Hughes*, *Cameron*, *Dellcom*, *Haliburton*, *Schlumberger*, *Scomi*, semua sudah ada di sana dan telah melabur berpuluhan-puluhan juta. Jadi, saya rasa daripada bajet ataupun peruntukan yang telah diperuntukkan kepada industri tersebut, saya berharap kali ini tempat yang mempunyai daya maju ini perlu diberi perhatian. Rugi negara sekiranya ia tidak diberi perhatian disebabkan mungkin ianya satu tempat yang kecil tetapi sumbangannya kepada negara boleh menjadi besar.

#### ■1700

Apa yang saya maksudkan adalah sekarang ini jalan-jalan raya tidak cukup di Labuan, trafik jam nya begitu teruk dan kawasan-kawasan industri di Labuan pun memang tidak cukup sehingga kita mempunyai *list* yang panjang. Sehingga PBT di Labuan terpaksa menghadapi pelabur-pelabur yang marah sebab tidak ada tanah-tanah industri yang disediakan. Begitu juga dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Hal-hal yang lain seperti kargo terminal, *Airport* Labuan cantik, besar tetapi tidak ada kargo terminal. Sekarang ini *average*, secara purata 8 *flight international* ke Labuan *on* kargolah. Kita kargo *international* tetapi *passenger* tidak *international* tetapi kargo terminalnya tidak ada. Jadi, saya harap ia diberi perhatian, begitu juga kita punya port yang *under* kapasiti sekarang ini dan Internet yang cuma 4 *megabits per second*. Malu kita, ramai ekspatriat di sana, kita pun Labuan sebagai *international offshore centre* memang memerlukan *international* standard. Sana, sini disebut *international, international*. Jadi saya berharap, perhatian akan diberikan. Begitu juga hospital...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Jikalau saya sebut memang tidak cukup masa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Memang tidak cukup Yang Berhormat.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi jikalau begitu tidak payah sebutlah. Ingatkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau tidak sempat itu tulis surat kepada Menteri sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Okey tetapi penting, saya ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini memang sesuatu yang amat penting iaitu hospital kekurangan doktor, *burn unit* pun tiada, di Labuan ini, kita *oil and gas* banyak yang *accident* nya adalah kebakaran, terkena *chemical*. Apabila bawa ke hospital, hospital akan menjadi panik sebab mereka tidak mempunyai kelengkapan ataupun kepakaran yang cukup untuk menangani permintaan-permintaan seperti ini.

Begitu juga naik taraf ILP. Di Labuan ini sebenarnya peluang pekerjaan memang banyak sehingga menghadapi krisis tidak mempunyai pekerja mahir yang cukup kepada industri-industri *player* ini. Akan tetapi pada masa yang sama, Labuan juga merekodkan kadar pengangguran yang tertinggi di Malaysia, di negara ini. Jadi, sebenarnya ada yang perlu kita lakukan terutamanya di dalam melaksanakan kursus-kursus kemahiran jangka pendek.

*Private development*, banyak yang hendak datang jadi saya berharap kita akan dapat seperti apa yang kita laung-laungkan sebagai *business friendly and investor friendly*. Saya berharap semua ini dapat dilaksanakan di tahun bajet yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, esok kita balik. Berhentilah.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa][Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya perkatakan tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah hampir tamat Yang Berhormat, berhentilah.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya ingin tutup. Saya berharap jentera pelaksana dan urus tadbir kerajaan akan lebih cekap, efisien dan berhemah mengikut garis panduan *good governance* yang lebih jitu dan telus seperti yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan bajet baru-baru ini. Saya daripada Labuan mohon menyokong. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

### 5.03 ptg.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, insya-Allah* saya tidak akan membuang masa dan terus kepada poin. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentangkan bajet dengan sifatkan ketua kerajaan dan seperti mana semua bajet, ada kelemahan dan kekuatan setiap bajet tadi. Tugas kita dipihak pembangkang untuk menunjukkan di mana bajet itu boleh diperbaiki. Terus terang saya nyatakan bahawa bidang-bidang yang dekat dengan hati saya untuk kesihatan, saya merasa sungguh kecewa kerana tidak ada langsung apa yang disebut *preventive medicine* dengan izin atau pencegahan penyakit.

Ini kerana negara kita menghadapi seperti yang saya sebutkan dalam ucapan saya yang pertama, ledakan penyakit kardiovaskular. Ledakan penyakit tidak berjangkit *non communicable diseases* dan itu sangat-sangat serius. Itu nampaknya tidak diberi perhatian langsung dalam bajet ini. Walaupun diberikan peruntukan RM22.1 bilion untuk Kementerian Kesihatan tetapi itu adalah bajet mengurus biasa. Tidak ada perancangan khusus untuk menangani masalah ledakan penyakit tidak berjangkit ini yang sangat serius. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meramalkan bahawa pada tahun 2025, kita akan mempunyai 807,000 orang pesakit diabetes. Akan tetapi di hari ini kita sudah punya lebih 3.6 juta pesakit diabetes. Jadi kita sudah jauh lebih maju.

Diramalkan lagi 32 tahun baru kita sampai, baru kita mempunyai 807,000 orang. Sekarang sudah 3.6 juta orang. Apakah ini bukan satu lampu merah, satu amaran yang

cukup besar kerana kalau pesakit diabetes yang 3.6 juta orang ini akan mempunyai masalah-masalah, tidak dapat bekerja, rosak buah pinggang, strok, sakit jantung, gangren, dipotong kaki dan lain-lain lagi. Buta dan pelbagai komplikasi lagi. Ini akan berlaku dan akan menyebabkan negara kerugian berbilion-bilion ringgit. Jikalau kita tengok obesiti, kita yang tertinggi dirantau ini. Semua ini berlaku dan berlaku setiap hari.

Setiap hari beribu orang terkena serangan sakit jantung, strok, rosak buah pinggang, mati dan cedera. Ini berlaku. Akan tetapi malangnya satu kealpaan, *over sight* telah berlaku dalam bajet ini secara khusus, tidak ada sesiapa pun menekan *the panic button*, dengan izin. Usaha negara, kita sudah perbetulkan keadaannya. Jadi, ini perlu diperhatikan balik. Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan akan perbetulkan keadaan ini. Saya perlu menyebut sedikit tentang pengurangan subsidi gula berkaitan dengan kesihatan. Saya perlu memperjelaskan beberapa isu.

Pertamanya, gula putih atau *the refine white sugar* dengan izin, dikaitkan dengan pelbagai penyakit. Itu adalah fakta dan saya tidak nafikan, saya doktor dan setiap orang yang membaca tentang ini saya tidak nafikan. Bukan sahaja diabetes tetapi juga sakit jantung, strok, sakit buah pinggang, kanser dan pelbagai penyakit, itu diketahui. Julat bagi kita untuk gula putih itu sangat sedikit, jadi perlu makan sedikit sahaja. Akan tetapi kalau kita melakukan, cuba memperbaiki keadaan kesihatan rakyat dengan hanya mengurangkan subsidi tanpa melakukan dua perkara lagi maka matlamat kesihatan itu tidak akan tercapai.

Pertamanya, mengenai isu *hidden sugars* dengan izin, gula-gula terselindung. Mengapa Amerika sakit, Amerika kena diabetes, darah tinggi, strok dan sakit jantung, ini kerana setiap warga Amerika menggunakan 22.7 camca teh gula sehari tetapi bukan dengan minum tetapi terselindung. Ini kerana gula digunakan dengan meluas di dalam industri makanan sebagai *preservative* atau pengawet, digunakan dalam hampir semua makanan proses dan itu berlaku. Jikalau kita hanya mengurangkan subsidi gula, naik harga gula maka kita hanya memeritkan kehidupan rakyat tanpa mencapai matlamat kesihatan.

Isu ini perlu diatasi, *we have to address this issue properly*, dengan izin. Kerajaan perlu bersedia...

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat, hendak mencelah boleh?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Minta maaf, mohon maaf, tidak ada masa.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tidak ada masa. Jangan laju sangat. Macam semput-semput.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Please*, kerajaan perlu bersama dengan segala pengilang pemproses makanan dan duduk berbincang dengan masalah isu ini dengan *sugars*. Gula terselindung, ini sangat penting dan itulah yang menyumbang kepada diabetes, kepada strok dan sakit jantung, kanser dan lain-lain lagi. Bukan gula yang kita minum. Tidak banyak mana yang kia minum. Itu isu pertama.

Keduanya, kesedaran itu perlu diberi dengan cukup mantap. Yang dilakukan oleh RTM, TV3 semua sekarang tidak cukup. Kesedaran itu perlu sampai kepada setiap rakyat Malaysia. Kempen yang agresif perlu dilakukan, ini yang kita sebut dalam bajet Pakatan Rakyat. Setiap rakyat Malaysia perlu difahamkan bahaya gula barulah langkah gula naik itu tadi memberikan impak yang baik. Kalau tidak, seperti rokok naik harga tetapi orang masih hisap seperti biasa. Jadi, itu perlu dilakukan. Untuk itu, untuk mencegah penularan penyakit tidak berjangkit ini, diabetes, obesiti, sakit jantung dan semua maka kita mengesyorkan dalam bajet Pakatan Rakyat yang saya terlibat menyediakannya supaya dilakukan saringan massa.

*Mass cleaning* dengan izin dan ini ialah untuk kita mengesan orang-orang yang berpotensi mengidap *diabetic*, menjadi darah tinggi mendapat penyakit itu. Kita kesan awal dan kita berikan kaunseling, kita intervensi dengan izin. Kita bagi ubat dan kita ubah cara hidupnya supaya tidak berlaku penyakit tadi. Ada penyakit maka kita lakukan sesuatu, *intervention* yang boleh merubah *repulse* risikonya. Supaya orang yang ada diabetes tidak terus jadi rosak buah pinggang, tidak kena strok, tidak kena sakit jantung. Jadi, itu kita *propose* dengan cukup baik dalam bajet Pakatan Rakyat.

#### ■1710

Semoga ini dapat dimanfaatkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kita syorkan umur 35 tahun di atas sebab-sebab yang kita beri. Panggil dan buat *mass screening*, maka kemudian mengelakkan dan mencegah ...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Saya minta maaf, sila duduk. Minta maaf.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Please*, kawan. Kawan, boleh?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Please*. Kawan baik saya pun saya, saya tidak ada masa.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kawan, boleh? Sepuluh saat, sepuluh saat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Saya tidak ada masa. Ini akan mengelakkan daripada jadi komplikasi dan dapat menyelamatkan banyak wang rakyat. Itu syor kita. Ya, memang kawan baik saya semasa 80-an dahulu sampai sekarang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sama-sama doktor?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, daripada 20-an tetapi sekarang dia sudah 50-an, saya baru 30-an.

Jadi, itu perkara yang perlu diberi perhatian yang cukup khusus dan kerana saya dimarahi oleh orang-orang tempatan saya. Sebut cakap kesihatan, tidak sebut tentang masalah. Mungkin tadi saya sebutkan tentang dua perkara, dua isu besar di Kedah sebenarnya terutama Parlimen Kuala Kedah. Pertamanya ialah tebatan banjir. Saya berharap sangat baru-baru ini dalam ucapan Perdana Menteri bahawa dia akan menyebut tentang projek tebatan banjir di utara Kedah, di kawasan Kota Setar dan Kuala Kedah yang telah tertangguh lama. Tebatan banjir ini dimulakan, kemudian tertangguh berkali-kali kerana tidak cukup dana. Malangnya, yang berlaku ialah sekarang disebut pula projek tebatan banjir di Kuala Muda, satu kawasan yang lain.

Saya ingin mengingatkan pihak kerajaan bahawa menangguhkan projek ini daripada selesai, merugikan semua pihak. Bukan sahaja rakyat susah tetapi apabila berlaku banjir, padi rosak, sawah rosak, Kerajaan Persekutuan juga rugi ratusan juta dan projek ini hanya memerlukan lebih kurang RM400 juta sahaja lagi untuk menamatkannya, untuk menyelesaikannya. Semoga kerajaan dapat memberikan perhatian yang khusus kepada projek ini.

Seterusnya ialah masalah kedua yang perlu juga saya sebut ialah masalah harga padi. Harga padi di Kedah lebih rendah, RM1,050 per metrik tan berbanding dengan Selangor RM1,350. Saya telah membuat *research* dan bertanyakan masalah ini kepada pelbagai pihak. Pelbagai respons saya dapat dan kesimpulannya mutu padi di Kedah rendah. Akan tetapi saya hendak mengesyorkan kepada kerajaan supaya masalah mutu padi ini diberikan perhatian khusus dan saya rasa itu berkait dengan peranan BERNAS misalannya. Keberadaan BERNAS itu sendiri, adakah ia menguntungkan petani, adakah petani terperangkap dalam kitaran *complacency*, dengan izin. Dia rasa puas hati kerana pihak BERNAS ada subsidi dan BERNAS sendiri nampaknya tidak menyelesaikan masalah mutu. Jadi, itu perlu diberi perhatian khusus. Kalau ada perlu dibuat langkah-langkah drastik, maka saya rasa itu perlu kita lakukan kerana kalau tidak, ia akan merugikan banyak pihak. Sangat merugikan rakyat kerana sebahagian besar daripada masyarakat luar bandar masih menanam padi dan tidak dapat mengelak daripada itu.

Seterusnya, *last* sekali. Saya juga perlu memberikan beberapa patah perkataan tentang GST kerana saya rasa ini banyak diperdebatkan. Saya tidak perlu pergi dengan *detail*nya. Secara prinsipnya, saya menegaskan bahawa kita tidak menolak bahawa GST ialah satu sistem percukaian yang lebih efisien, lebih efektif, lebih berkesan, lebih *transparent*, itu kita tidak tolak. Cuma kita merasakan kita tidak ada *the moral right* dengan izin, untuk melaksanakannya ketika berlaku begitu banyak kebocoran dan rasuah kerana inilah punca negara berdarah, '*hemorrhaging a lot of fund*', dengan izin. Maka kalau itu tidak kita tutup dahulu, kita menyusahkan orang-orang miskin, itu satu perkara yang tidak baik. Kalau kita menyebut pengurangan cukai dan lain-lain lagi, saya ingat tahun 2010 saya di Hatyai berjumpa dengan profesional di sana yang setara dengan saya. Saya seorang ahli perniagaan dan *general medical practitioner*, pengamal perubatan.

Saya jumpa kawan-kawan saya di Hatyai, Thailand yang cukai pendapatannya hanya 6% setahun. Cukai saya pada tahun 2010, 26% setahun, 25% ke 26%. Jadi kalau GST cuma mengurangkan cukai pendapatan 1 hingga 3 poin, maka saya rasa itu tidak berapa berbaloi dengan melakukan banyak kesusahan. Saya juga bersetuju bahawa *there is no right time to impose GST* dan ini benda yang baik. Akan tetapi kita selesaikan, kita kena *extension*, kita kena selesaikan masalah ini. Kita selesaikan masalah pembaziran yang banyak, banyak ketirisan. Setelah selesai masalah itu, kalau kita memerlukan, maka kita gunakan GST sebagai satu sistem percukaian yang lebih baik. *On record*, kita tidak mengatakan bahawa GST ini sampai bila pun tidak akan dilaksanakan, tidak. *No, no such thing*. Kita bersetuju bahawa ia satu cara yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, supaya janji saya bahawa saya akan tepat pada waktu, cumanya saya hendak mengingatkan balik bahawa yang sangat diperlukan sekarang ialah kita perlu rasa *sense of urgency*. Rasa bahawa kita punya ledakan penyakit *cardiovascular*, penyakit gaya hidup yang sangat berat, yang sangat serius. Perhatian khusus kena diberi. Segala *resources*, wang ringgit, tenaga kita perlu digunakan untuk menangani masalah itu. Kalau tidak, ramai daripada kita akan mengalami banyak masalah kematian, kerosakan buah pinggang, strok dan lain-lain lagi. Akan banyak lagi pilihan raya kecil dan berbilion-bilion ringgit wang akan hilang.

Dalam perubatan, *prevention is everything*, pencegahan ialah segala-galanya. Kalau kita lakukan pencegahan, kita dapat menyelamatkan masa, tenaga, wang ringgit, kesedihan, keperitan dan berbilion-bilion ringgit tadi boleh kita gunakan untuk kebaikan

anak-anak cucu kita nanti. Terima kasih kerana memberikan peluang. Terima kasih.  
*Assalamualaikum.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sabak Bernam.

### **5.15 ptg.**

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.* Terima kasih kerana diberi peluang dalam masa yang begitu singkat untuk membahaskan Bajet 2014 dan juga Rang Undang-undang Bajet 2014.

Saya terus kepada perkara yang pertama. Saya ingin menyentuh berhubung dengan teras pertama iaitu merancakkan aktiviti utama khususnya meningkatkan rantaian sektor pertanian. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan yang menyediakan peruntukan sebanyak RM6 bilion bagi pelaksanaan program pertanian yang mempunyai nilai tambah tinggi dan berdaya komersial melalui penubuhan *Food and Agro Council for Export* (FACE), memperkuatkan FAMA dengan konsep ladang ke pasaran eksport dan memastikan harga berpatutan bagi produk makanan seperti membuka lebih banyak pasar tani, pasar ikan dan karavan tani serta memperluaskan gerai buah-buahan.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan kerajaan agar membuka dan membangunkan kawasan pertanian baru bagi tujuan komersial termasuklah mewujudkan ladang berkelompok iaitu tanaman dan sayur-sayuran bagi tujuan komersial di luar bandar termasuklah di Parlimen Sabak Bernam. Bagi meningkatkan pendapatan penduduk di luar bandar, seterusnya saya mengalu-alukan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2.4 bilion bagi bantuan subsidi baja dan insentif pengeluaran hasil padi. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan lagi mutu dan hasil pengeluaran padi khususnya di Parlimen kawasan Sabak Bernam. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan memperuntukkan RM243 juta bagi tanaman semula getah, kelapa sawit dan koko.

Begitu pun, nampaknya pekebun kelapa dan kelapa sawit agak tercicir dalam Bajet 2014. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan pendapatan pekebun kelapa yang ramai di Parlimen Sabak Bernam ini, yang rata-rata kebanyakannya berpendapatan rendah. Adakah kerajaan bercadang memperkenalkan bantuan sara hidup sebagaimana yang diperkenalkan kepada golongan nelayan.

Berhubung teras pertama merancakkan aktiviti ekonomi, saya ingin menyentuh berhubung dengan pemantapan perusahaan kecil dan sederhana PKS yang kini menyumbang kepada 32.4% kepada KDNK. Kerajaan komited untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada 40% kepada KDNK menjelang tahun 2020. Saya dapati sumber dan bahan dari luar bandar masih agak kurang digunakan dan dimajukan selari dengan perkembangan dan kemajuan PKS masa kini. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan membuka lebih banyak kawasan industri yang khususnya bagi perusahaan kecil dan sederhana di kawasan luar bandar yang sedang pesat membangun dan kemudahan infrastruktur dan prasarana yang lengkap. Langkah ini bukan sahaja akan menggalakkan pertumbuhan PKS di luar bandar, tetapi juga membuka peluang untuk menggunakan sumber dan bahan di luar bandar secara optimum serta seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan PKS dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan teras kedua iaitu mengukuhkan pengurusan fiskal khususnya berhubung dengan transformasi perkhidmatan awam termasuk mengukuh dan menyusun semula organisasi supaya relevan dengan perkembangan semasa. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mengambil tindakan yang tegas ke atas penjawat awam yang telah salah laku dan ketidakpatuhan kepada prosedur kewangan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2012. Segala salah laku dan ketidakpatuhan prosedur kewangan ini sepatutnya telah dapat dikawal oleh pegawai-pegawai pusat sebelum sesuatu bayaran dibuat.

Seterusnya saya ingin menyentuh teras yang ketiga iaitu mengungguli modal insan khususnya berhubung dengan peningkatan kecemerlangan pendidikan. Sebagai bekas pendidik, saya amat berbangga dan mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sejumlah RM54.6 bilion kepada Kementerian Pendidikan.

#### ■1720

Langkah kerajaan memberikan peruntukan yang besar iaitu 21% daripada keseluruhan daripada peruntukan tahun 2014 adalah membuktikan komitmen dan kesungguhan kerajaan bagi membangunkan dan memartabatkan bidang pendidikan bagi menghasilkan modal insan yang berkebolehan untuk mengisi keperluan modal insan bagi negara maju menjelang tahun 2020 yang hanya tinggal tujuh tahun lagi. Peruntukan yang besar ini amatlah penting bagi melonjakkan pencapaian akademik daripada kemahiran rakyat serta kecemerlangan pendidikan daripada pendidikan prasekolah, menengah hingga ke institut pengajian tinggi.

Berhubung dengan pendidikan ini, pertama saya ingin menyentuh mengenai program pemantapan profesi guru dengan penumpuan kepada pengajaran serta kemahiran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang diberikan peruntukan sebanyak RM209 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan langkah kerajaan bagi meningkatkan kebolehan dan kecekapan guru-guru bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di peringkat rendah dan menengah bagi memastikan pelajar-pelajar telah pun mantap apabila mengikuti institut pengajian tinggi kelak.

Saya mengalui-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM830 juta bagi pembinaan sekolah baru dan menaiktarafkan sekolah sedia ada. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan agar kerajaan turut mengambil perhatian kepada kemudahan asrama yang disediakan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah sama ada di sekolah menengah, politeknik dan juga kolej komuniti.

Berhubung dengan asrama sekolah ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan keperluan asrama di Politeknik Sultan Idris, Sabak Bernam. Pada masa ini, Politeknik Sabak Bernam mempunyai seramai 4,379 pelajar dengan menyediakan kemudahan asrama bagi 2,500 pelajar sahaja. Manakala, 1,800 pelajar lagi terpaksa menyewa rumah. Keadaan ini agak menyukarkan dan membebankan pelajar kerana kesukaran untuk mendapatkan rumah sewa dan kadar sewa rumah yang tinggi. Malah, sewa rumah kos rendah pun mencapai kepada RM1,200 sebulan. Selain itu, terdapat juga rungutan berhubung dengan gejala dan masalah sosial yang timbul kerana pelajar tidak dapat diawasi oleh pihak politeknik kerana para pelajar ini tinggal di luar asrama.

Selain daripada itu, politeknik ini mempunyai 307 pensyarah dan 90 orang kakitangan sokongan. Kedudukan politeknik yang agak pedalaman dan ketiadaan projek perumahan telah menimbulkan kesukaran kepada pensyarah dan kakitangan sokongan untuk mendapatkan sewaan dan sebagainya. Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pendidikan sama ada kerajaan menyediakan peruntukan ini untuk membina asrama pelajar termasuk untuk membina asrama bagi memenuhi keperluan seramai 1,800 pelajar Politeknik Sabak Bernam ini memandangkan kesukaran untuk mendapatkan sewaan rumah. Saya mohon Kementerian Pendidikan agar menimbangkan untuk membina asrama kepada Politeknik Sabak Bernam.

Selain itu, saya juga mohon agar kerajaan menimbangkan membina rumah ataupun kuarters untuk pensyarah dan kakitangan sokongan Politeknik Sabak Bernam. Berhubung dengan Politeknik Sabak Bernam ini juga, saya ingin menyentuh masalah

pengangkutan pelajar untuk pergi dan balik ke politeknik. Saya mohon kerajaan menyediakan kemudahan pengangkutan awam ke politeknik ini bagi kemudahan pelajar.

Berhubung dengan asrama pelajar, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Kolej Komuniti Sabak Bernam yang pada masa ini mempunyai lebih 300 pelajar yang mengikuti latihan industri. Saya difahamkan Kolej Komuniti Sabak Bernam ini adalah antara lima kolej komuniti seluruh negara yang tidak mempunyai kemudahan asrama. Bagi semester pertama, sebahagian guru telah mengambil inisiatif membantu mendapatkan rumah dan seterusnya mengawasi pelajar-pelajar ini. Bagaimanapun, pelajar-pelajar terpaksa mendapatkan rumah sewa sendiri bagi semester kedua dan seterusnya. Keadaan ini telah menyukarkan pelajar. Malah yang lebih membimbangkan lagi adalah masalah sosial yang timbul seperti pergaulan bebas, dadah dan sebagainya.

Selain itu, terdapat seramai lebih 120 pengajar dan kakitangan Kolej Komuniti Sabak Bernam ini, saya mohon agar Kementerian Pendidikan membina asrama untuk 300 pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam ini bukan sahaja memberikan kemudahan penginapan yang lebih selesa dan kehidupan yang lebih teratur kepada pelajar-pelajar selain mengatasi masalah disiplin dan gejala sosial pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerajaan yang prihatin kepada golongan pelajar dengan meneruskan pemberian bantuan persekolahan kepada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah sebanyak RM100 dengan peruntukan sebanyak RM540 juta bagi manfaat 5.4 juta pelajar dan pemberian Baucar Buku 1Malaysia sebanyak RM250 kepada pelajar pra-universiti dan IPTA bagi manfaat 1.3 juta pelajar dengan peruntukan sebanyak RM325 juta.

Berhubung dengan Baucar Buku 1Malaysia, saya ingin membangkitkan rungutan pelajar IPT tentang masa yang terhad untuk menukarkan baucar ini. Oleh itu, saya mohon kepada kerajaan supaya dapat menimbaangkan agar memberikan tempoh yang lebih panjang untuk menukarkan Baucar Buku 1Malaysia ini iaitu sehingga akhir bulan Oktober dan bukannya Mei pada masa kini bagi membolehkan pelajar mendapat manfaat, mendapatkan buku-buku bagi dua semester pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang sentiasa prihatin kepada penduduk luar bandar dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM4.1 bilion bagi memperkuatkukan dan menambahkan infrastruktur asas dan taraf hidup rakyat di luar bandar. Saya ingin menyentuh tentang peruntukan sebanyak RM179 juta untuk membina dan membaik pulih rumah rakyat miskin di kawasan luar bandar. Sebagaimana maklum, rumah adalah asas bagi

membangunkan keluarga. Jika masalah rumah dapat diatasi, bermakna 50% masalah keluarga telah dapat diatasi. Selebihnya adalah untuk meningkatkan pendapatan dan memberikan pendidikan kepada ahli keluarga.

Parlimen Sabak Bernam mempunyai 45 buah kampung yang terdiri daripada kampung-kampung tradisi yang telah wujud semenjak sebelum merdeka tadi. Hasil tinjauan dan laporan yang dibuat, setiap kampung didapati sekurang-kurangnya 10 buah rumah dari setiap kampung itu atau berjumlah 450 buah rumah yang memerlukan selenggara dan pemberian seperti menggantikan dinding, lantai, atap dan sebagaimana berjumlah RM5,000 setiap rumah dan berjumlah RM2.25 juta bagi 450 buah rumah berkenaan. Sementara itu, setiap kampung juga didapati memerlukan sekurang-kurangnya dua buah rumah bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) ataupun sebanyak 90 buah rumah dengan kos pembinaan RM30,000 setiap buah dan berjumlah RM2.7 juta.

Saya memohon kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyediakan peruntukan bagi pemberian dan selenggara rumah serta membina rumah-rumah baru bagi penduduk luar bandar untuk meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan rakyat di luar bandar. Saya ingin menegaskan sekali lagi sekiranya kerajaan berjaya menyelesaikan masalah perumahan rakyat luar bandar, maka 50% masalah penduduk luar bandar dapat diatasi selebihnya adalah bagi meningkatkan pendapatan infrastruktur dan prasarana serta lain-lain masalah sosial penduduk luar bandar.

Saya ingin menyentuh teras kelima iaitu menyejahterakan kehidupan rakyat. Yang Amat Berhormat Pekan dalam ucapan Bajet 2014 menyatakan bahawa kemakmuran negara bukan sahaja bergantung kepada kemajuan ekonomi semata-mata malah ia perlu mengambil kira kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk keselamatan dan ketenteraman awam, perkhidmatan kesihatan berkualiti, pembangunan sukan, meningkatkan peranan wanita dan kesejahteraan keluarga dan sebagainya. Dalam hubungan ini saya ingin menyentuh beberapa perkara berhubungan dengan hal ehwal Islam.

Berhubung dengan hal ehwal Islam ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan kutipan zakat memandangkan kedudukan dan peranan zakat adalah sangat penting melalui pelaksanaan zakat, semangat akan menjadi panduan kepada pemerintahan dalam menggubal dasar fiskal negara sebagaimana Bajet 2014 ini. Dasar fiskal dan kewangan yang mantap akan menghala kepada kestabilan ekonomi dan pengaliran harta

secara teratur dan berkesan. Kejayaan tersebut membolehkan negara mencapai pertubuhan ekonomi yang mampan khususnya dalam menyediakan jaringan sosial masyarakat Islam.

Berhubung dengan zakat ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah berjaya mengutip sebanyak RM341.33 juta bagi tahun 2011. Saya difahamkan kutipan zakat terus meningkat setiap tahun bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi juga di negeri-negeri lain. Persoalannya adalah sejauh manakah kutipan zakat ini telah berjaya diagihkan secara berkesan kepada asnaf-asnaf bagi mencapai matlamat asalnya untuk membantu umat Islam termasuk saudara baru yang dikatakan kurang mendapat perhatian sehingga ada yang murtad. Saya ingin juga mendapat penjelasan sejauh manakah kutipan zakat ini telah dapat digunakan bagi kepentingan umat Islam dan membangunkan syiar Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hal Islam ini khususnya dalam konteks menyejahterakan kehidupan rakyat, saya ingin menyentuh berhubung dengan masalah masjid dan surau di Parlimen Sabak Bernam. Parlimen Sabak Bernam mempunyai 26 buah masjid iaitu 15 masjid di Sungai Air Tawar dan 11 buah masjid di Sabak. Sementara ini terdapat 123 buah surau di Parlimen Sabak Bernam iaitu 52 buah surau di Sungai Air Tawar dan 71 buah surau di Sabak. Terdapat 10 buah surau yang uzur dan memerlukan selenggara yang segera. Saya berharap Kerajaan Pusat melalui Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) diberikan peruntukan bagi membantu menyenggara masjid dan surau di seluruh negara termasuklah di Parlimen Sabak Bernam memandangkan Kerajaan Negeri Selangor masa kini kurang mengambil perhatian bagi senggara surau dan masjid di negeri ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Eh, ini sangkaan salahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Oleh sebab banyak peruntukan berjuta-juta ringgit diberikan kepada JAIS dan MAIS juga.

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Fakta salah, minta tarik balik.

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai ahli jawatankuasa surau dan saya tengok surau di kawasan saya sendiri tidak pernah kerajaan negeri membantu. Hal ini kerana saya adalah ketua cawangan di situ, saya mengambil perhatian dan saya memohon peruntukan daripada

Kerajaan Pusat. Ini fakta yang betul. Kalau tidak percaya, Yang Berhormat Seputeh datang ke tempat saya. *[Tepuk]*

Akhirnya saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional yang terus mendapat kepercayaan rakyat untuk memimpin negara dalam PRU yang ke-13. Kejayaan ini adalah bukti kepimpinan transformatif BN diterima baik rakyat. Bajet 2014 adalah bajet bukan sahaja untuk memperteguh ekonomi dalam menghadapi suasana ekonomi global yang mencabar bagi memastikan ekonomi terus kukuh dan merealisasikan serta memperkasakan pelbagai agenda transformasi ekonomi sosial dan politik negara serta melaksanakan segala janji memakmurkan negara dan menyejahterakan rakyat masa kini. Akan tetapi juga sebagai kesinambungan untuk generasi masa hadapan negara ini, sebagai sebuah negara maju tahun 2020, saya mengajak semua Ahli Dewan yang mulia ini di sebelah sana dan sebelah sini supaya bersama berganding bahu membina negara bangsa Malaysia yang gemilang. Bukan sekadar hanya pandai mengkritik sahaja. Sabak Bernam ingin menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa pada hari Isnin, 4 November dan 5 November, hari Selasa tidak ada persidangan Dewan sempena hari-hari tersebut – sempena cuti sambutan Awal Muharam. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menyambut perayaan ini pada Sabtu, 2 November 2013. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 6 November 2013.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang]*